



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM



LAPORAN
TAHUNAN
2015



DASAR MBSA

Khidmat Terbaik

VISI MBSA

Menjadikan Shah Alam bandar raya yang berkualiti, sejahtera, kondusif dan terunggul

MISI MBSA

Meningkatkan tadbir urus MBSA sebagai organisasi yang efisien, efektif, kompeten, dinamis dan terus cemerlang



KANDUNGAN

Laporan Korporat

- 2 Objektif
- 3 Carta Organisasi
- 4 Zon Majlis Perwakilan Penduduk
- 5 Pengurusan Tertinggi MBSA
- 6 Pengurusan MBSA
- 8 Anugerah dan Pengiktirafan
- 10 Ahli Majlis Sesi 2014 / 2015
- 12 Ringkasan Eksekutif

Laporan Perkhidmatan

- 18 Jabatan Khidmat Pengurusan
- 27 Jabatan Kewangan
- 31 Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
- 35 Jabatan Pelesenan
- 39 Jabatan Perancangan
- 44 Jabatan Bangunan
- 49 Jabatan Landskap
- 55 Jabatan Kesihatan Persekitaran
- 59 Jabatan Kejuruteraan
- 64 Jabatan Pembangunan Komuniti
- 71 Jabatan Penguatkuasaan
- 73 Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam
- 79 Bahagian Teknologi Maklumat
- 81 Bahagian Audit Dalam
- 85 Bahagian Perundangan
- 88 Bahagian Korporat & Perhubungan Awam
- 90 Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)
- 91 Bahagian Pusat Setempat
- 95 Bahagian Tender & Ukur Bahan
- 98 Pejabat Cawangan Sungai Buloh
- 103 Pejabat Cawangan Kota Kemuning
- 105 Pejabat Cawangan Setia Alam
- 106 Lembaran Imbangan & Penyata Pendapatan






OBJEKTIF

- Perkhidmatan perbandaran yang efisien.
- Mewujudkan Shah Alam sebagai sebuah bandar raya yang bersih, indah, ceria dan selamat.
- Memastikan perancangan dan pembangunan yang teratur dan terkawal selaras dengan pembangunan mampan bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang pelabur / peniaga dalam dan luar negeri.
- Memastikan budaya penyelenggaraan yang efektif dan konsisten.
- Mewujudkan bandar raya sejahtera.
- Meningkatkan pembangunan kemasyarakatan seimbang dengan pembangunan fizikal.
- Memelihara dan memulihara alam sekitar untuk kesejahteraan dan kesejahteraan warga Shah Alam dan generasi masa hadapan.
- Mewujudkan persekitaran yang kondusif, untuk pertumbuhan industri, perdagangan dan pelancongan.
- Menjadikan Shah Alam pusat pembangunan dan kecemerlangan ilmu pendidikan.
- Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa bagi orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.
- Tadbir urus yang cekap, berintegriti dan berhemah.
- Memastikan warga kerja yang kompeten, komited dan berintegriti.
- Mengutamakan pelanggan dalam memberi perkhidmatan yang cekap, tepat, telus dan berkesan secara berterusan.
- Membudayakan penggunaan teknologi maklumat dalam semua urusan perkhidmatan.
- Menguatkuasakan peraturan dan undang-undang secara berhemah dan profesional.








ZON MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK

Zon Seksyen



Zon 1	1, 2, 3, 4, 5, 6, 14
Zon 2	9, 10, 11, 12, 13
Zon 3	7 & U12
Zon 4	8 & U11
Zon 5	15 & 16
Zon 6	17 & 18
Zon 7	19, 20, 21
Zon 8	22, 23, 24
Zon 9	25
Zon 10	26, 27, 28
Zon 11	29 & 30
Zon 12	31 & 33
Zon 13	32
Zon 14	34 & 35
Zon 15	36
Zon 16	U1 & U2
Zon 17	U3, U6, U7
Zon 18	U4A & U5
Zon 19	U8
Zon 20	U9, U10, U14
Zon 21	U13
Zon 22	U15 & U16
Zon 23	U17, U18, U19A
Zon 24	U4B, U19B, U20



PENGURUSAN TERTINGGI **MBSA**



kiri ke kanan:

**Tuan Shukri bin
Mohamad Hamin**
Timbalan Datuk Bandar

**YBhg. Dato' Haji Ahmad
Zaharin bin Mohd Saad**
Datuk Bandar

Tuan Haji Rosli bin Bakar
Timbalan Setiausaha

PENGURUSAN MBSA 2015

PENGURUSAN TERTINGGI



PENGURUSAN





**Cik Hajah Rose Zairani Binti
Haji Marmuji**
Pengarah Bangunan

**Puan Hajah Asmah Binti
Mohd Zin**
Pengarah Pembangunan Komuniti

**Tuan Haji Abdul Hakim Bin
Mahmud**
Ketua Jabatan Penguatkuasaan

**Encik Mohd Azmi Bin Amer
Khan**
Ketua Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
dan Pembersihan Awam



**Puan Hajah Shamsiah Binti
Osman**
Ketua Bahagian Teknologi Maklumat

Encik Radzuan Bin Mezalan
Ketua Bahagian Audit Dalam

**Encik Mohd Sofian Bin Abdul
Rahman**
Ketua Bahagian Perundangan

Encik Shahrin Bin Ahmad
Ketua Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam



**Encik Badrul Hisham Bin
Hussain**
Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan
(COB)

**Tuan Haji Mohd Rusli Bin
Dalim**
Ketua Bahagian Pusat Setempat (OSC)

**Datin Hajah Norani Binti
Amat**
Ketua Bahagian Tender dan Ukur Bahan

Encik Mohd Rizal Bin Johari
Pengurus Cawangan Sungai Buloh



**Encik Sahrul Nizam Bin
Ahmad**
Pengurus Cawangan Kota Kemuning

Encik Zakria Bin Saleh
Pengurus Cawangan Setia Alam

2011


- > Tempat Ke-2 Pertandingan Papan Tanda 'Outdoor' Pihak Berkuasa Tempatan Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan, 2011
- > Penarafan 4 Bintang bagi Sistem 'Star Rating' Pihak Berkuasa Tempatan 2012/2011

2012

- > Anugerah Khas pada Pertandingan Cabaran Meningkatkan Prestasi PBT; melalui satu projek inovasi bertajuk "Memproses Permohonan Kelulusan Pelan Cadangan Banglo Baru (Individu) Daripada 60 hari Kepada 1 hari"; pada Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) 2012
- > Melalui program Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA (National Key Result Areas), projek perhentian bas yang dihasilkan oleh MBSA telah mendapat pengiktirafan dari Kementerian Pengangkutan Malaysia dan rekabentuknya dijadikan sebagai standard design, untuk digunapakai di seluruh Malaysia
- > Anugerah Emas pada Konvensyen Persekitaran Berkualiti (QE) 5S Peringkat Kebangsaan, Tahun 2012
- > Johan Sektor Awam (Badan Berkanun) – Negeri, pada Konvensyen Persekitaran Berkualiti (QE) 5S Peringkat Kebangsaan, Tahun 2012

2013

- > Penarafan Lima (5) Bintang Dalam Malaysia Government Portals and Websites Assesment 2013 oleh Multimedia Development Corporation (MDeC), Malaysia
- > Johan Inovasi Peringkat Negeri Selangor, Kategori Kumpulan Kecil pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor 2013
- > Anugerah Bandar Mampan 2012, Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2013. Penilaian berdasarkan pemarkahan di dalam Program MURNInets. Shah Alam memperoleh keputusan kemampanan 97% iaitu yang tertinggi berbanding 151 PBT di seluruh Negara
- > Anugerah Pensijilan Total Quality Fast Track Management (TQFM) dan disenaraipendek bagi memperoleh Anugerah SIRIM 2013.
- > Juara Peringkat Kebangsaan Sektor Kategori Badan Berkanun dan memperoleh Tiga Bintang pada Konvensyen Persekitaran Berkualiti (QE-5S) Peringkat Kebangsaan 2013, anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
- > Anugerah Emas di Wilayah Tengah Konvensyen Persekitaran Berkualiti (5S) Peringkat Wilayah 2013, anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
- > Johan Peringkat Negeri Selangor, Kategori Pengurusan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam ke-26 Peringkat Negeri Selangor, anjuran Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor





2014

- > Anugerah Ketua Setiausaha Negara (Negeri – Kategori Pengurusan) pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Ke-31 Tahun 2014
- > Anugerah EMAS pada Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2014, di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)
- > Persembahan Terbaik dan Pameran Terbaik pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Kali Ke-27, Peringkat Negeri Selangor 2014
- > Juara Kategori Pengurusan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Kali Ke-27, Peringkat Negeri Selangor 2014
- > Anugerah “5S HIJAU” anjuran SIRIM Berhad (SIRIM Green 5-S Recognition Scheme)
- > “LEAN RECOGNITION AWARD” anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), di Setia City Convention Centre, Setia Alam, Shah Alam
- > Anugerah EMAS pada Konvensyen Team Excellence (QE/5S) Peringkat Wilayah Tengah 2014, di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC), anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
- > Pemenang Anugerah Green Apple (Green Apple Award Winner) 2014 For Environmental Best Practice, dari The Green Organization, United Kingdom
- > Pemenang Anugerah Planning Excellence Awards 2014, kategori Place Making and Public Space Award bagi projek Shah Alam Back Lane Transformation, dari Malaysian Institute of Planners (MIP)

2015

- > Naib Johan Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Dewan/Majlis Bandaraya 2015, anjuran Arkib Negara Malaysia
- > Pemenang Anugerah Green Apple (Green Apple Award Winner) Tahun 2015 bagi Kategori Environmental Best Practice. Pengiktirafan ini diberikan oleh The Green Organization, United Kingdom dengan tajuk projek “Waste Reduction For Environmental Sustainability”
- > Anugerah Emas dan Tiga Bintang pada Konvensyen Team Excellence Kebangsaan Tahun 2015 di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC). MBSA diwakili oleh Kumpulan EX7
- > Tempat Pertama Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejuranan Hijau Tahun 2015 bagi Kategori Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH), sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2015 anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- > Anugerah Khas pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Ke 28 Tahun 2015. MBSA diwakili oleh Kumpulan X-Park
- > Hadiah Utama bagi Kategori Produk Akhir Terbaik pada Anugerah Cabaran My Innovation Negeri Selangor Tahun 2015. MBSA diwakili oleh Kumpulan EX7
- > Naib Johan Kategori Teknikal pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Negeri Selangor Ke 28 Tahun 2015. MBSA diwakili oleh Kumpulan Bam Boom
- > Johan Kategori Pengurusan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Ke 28 Tahun 2015. MBSA diwakili oleh Kumpulan X-Pert
- > Persembahan Terbaik Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Ke 28 Tahun 2015 bagi Kategori Pengurusan. MBSA diwakili oleh Kumpulan X-Pert
- > Anugerah EMAS – EX7 (Majlis Bandaraya Shah Alam) Konvensyen Team-Excellence Wilayah Utara Tahun 2015. MBSA diwakili oleh Kumpulan EX7.

AHLI MAJLIS SESI 2014/2015

DATUK BANDAR



YBhg. Dato' Haji Ahmad Zaharin bin Mohd Saad

PENGERUSI MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)



Puan Noraini binti Hussin
Zon 1 (Seksyen 1, 2, 3, 4, 5, 6 & 14)

YDH Dato' Haji Emran bin Haji Kadir
Zon 2 (Seksyen 9, 10, 11, 12 & 13)

Encik Noryzal bin Zainal Abidin
Zon 3 (Seksyen 7 & U12)

Datin Hajah Anizan binti Othman
Zon 4 (Seksyen 8 & U11)




Encik Mohamad Jamil bin Abdul Rahim
Zon 5 (Seksyen 15 & 16)

Encik Azli bin Yusof
Zon 6 (Seksyen 17 & 18)

Encik Afzainizam bin Abd. Rahman
Zon 7 (Seksyen 19, 20 & 21)

Encik Awang bin Ibrahim
Zon 8 (Seksyen 22, 23 & 24)





Teknologi hijau membantu ke arah mempraktikkan tenaga lestari dan cara hidup lebih baik. Teknologi hijau adalah pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi, dan meminimumkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

Teknologi hijau merujuk kepada produk, peralatan atau sistem yang memenuhi kriteria seperti meminimumkan degradasi kualiti persekitaran; mempunyai pembebasan gas rumah hijau yang rendah atau sifar; selamat untuk digunakan; menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua hidupan; menjimatkan tenaga dan sumber asli serta menggalakkan sumber yang boleh diperbaharui.

Ia adalah teknologi rendah karbon dan lebih mesra alam berbanding dengan teknologi sedia ada.

RINGKASAN EKSEKUTIF





KERANGKA BANDAR RENDAH KARBON (LOW CARBON CITIES FRAMEWORK AND ASSESSMENT SYSTEM)

MBSA telah meletakkan sasaran untuk menjadi bandar raya rendah karbon menjelang tahun 2030. Pada tahun 2011, YAB Perdana Menteri telah melancarkan rangka kerja dan sistem penilaian bandar rendah karbon. Sistem penilaian ini bertujuan untuk mengurangkan 40% penghasilan karbon dioksida di kawasan bandar menjelang tahun 2020.

Kerangka Bandar Rendah Karbon yang juga dikenali sebagai "Low Carbon City Framework and Assessment System" (LCCF) dibangunkan untuk memberikan panduan dalam menyediakan perancangan dan pembangunan mampan yang dapat menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah kaca atau "Green House Gases" – GHG. Kerangka dan sistem LCCF ini merangkumi empat (4) elemen utama iaitu persekitaran bandar; infrastruktur bandar; pengangkutan bandar dan bangunan. Melalui LCCF, pihak berkepentingan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengira tahap pengeluaran karbon berdasarkan penilaian kriteria mengikut prestasi.

Sejajar dengan status Shah Alam sebagai bandar raya termampan di peringkat kebangsaan sejak tahun 2010 sehingga kini, MBSA mengambil langkah yang lebih proaktif dalam melaksanakan LCCF

bagi memastikan pembangunan di Shah Alam mempunyai konsep bandar rendah karbon. Pelaksanaan Sistem Penilaian Bandar Rendah Karbon di Shah Alam mendapat usahasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), melalui Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia atau Malaysian Green Technology Corporation (MGTC).

KeTTHA dengan kerjasama MGTC dan Malaysian Institute of Planners (MIP) telah membangunkan Sistem Penilaian Bandar Raya Rendah Karbon yang merupakan Kalkulator Karbon Dalam Binaan yang membantu pengguna menentukan garis dasar semasa. Pengguna akan mengaplikasi pelbagai strategi yang disyorkan dalam rangka kerja, bagi mencapai tahap pengurangan. Kalkulator itu kemudian akan digunakan lagi bagi menilai semula tahap pelepasan karbon untuk melihat jika pengguna telah mendapatkan tahap pengurangan yang baik.

MBSA telah menandatangani kerjasama (MoU) bersama pihak MGTC bagi menjayakan kerjasama strategik pelaksanaan Rangka Kerja Perbandaran Rendah Karbon (LCCF); serta kerjasama dengan pihak MIP bagi menganjurkan seminar antarabangsa "Shah Alam Ke Arah Bandar Raya Rendah Karbon 2030" dan seterusnya menjayakan matlamat tersebut.



PENGASINGAN SAMPAH DARI RUMAH (SEPARATION AT SOURCE)

MBSA sentiasa berusaha untuk mendidik dan memberi kefahaman kepada masyarakat tentang betapa pentingnya untuk membudayakan amalan kitar semula dan memelihara alam sekitar di kalangan masyarakat, khasnya warga Shah Alam. Banyak usaha dan kempen kesedaran berhubung kepentingan pemuliharaan alam sekitar telah dilaksanakan oleh MBSA, termasuk dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan swasta, termasuklah projek rintis Program Pengasingan Sampah Dari Rumah, yang berasaskan kepada konsep “separation at source”.

MBSA melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam akan melaksanakan projek rintis Program Pengasingan Sampah Dari Rumah bersama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan persatuan penduduk di beberapa kawasan perumahan di sekitar Shah Alam. Ia selaras dengan penguatkuasaan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu melaksanakan pengasingan sisa pepejal secara mandatori mulai tahun ini. Usaha tersebut akan dijalankan secara berperingkat-peringkat di kawasan MBSA bermula pada September 2015. Di sinilah konsep 3R iaitu reduce, reuse dan recycle atau mengurangkan, mengguna semula dan mengitar semula digunakan sebagai komponen utama dalam pengurusan sisa pepejal.

Komitmen MBSA dalam mempromosi dan membudayakan amalan kitar semula telah melayakkan MBSA untuk dianugerahkan pengiktirafan antarabangsa, Anugerah Green Apple (Green Apple Award Winner) Tahun 2015 bagi Kategori Environmental Best Practice, dengan tajuk projek : “Waste Reduction For Environmental Sustainability”. Pengiktirafan ini diberikan oleh The Green Organization, United Kingdom (UK).

CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)

Seperti yang telah kita semua sedia maklum, berkuatkuasa 1 April 2015, Kerajaan telah memperkenalkan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau GST bagi menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan. MBSA telah melaksanakannya selaras dengan tuntutan Kerajaan Malaysia. Untuk itu, MBSA telah mendaftar dengan Jabatan Kastam pada 9 Oktober 2014.

Sebelum tempoh pelaksanaan tersebut, beberapa siri taklimat dan kursus telah diadakan dan dihadiri oleh para pegawai dan warga MBSA. Bermula awal tahun ini, para pegawai dan kakitangan juga



dihantar untuk mengikuti kursus atau seminar berkaitan GST dari masa ke semasa. Di antara taklimat dan kursus yang telah dianjurkan adalah:

- Taklimat Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) untuk Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor;
- National Tax Seminar 2014 – GST and income tax;
- Bengkel Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan
- Seminar ‘hand holding’ Cukai Barang dan Perkhidmatan bagi sektor Pihak Berkuasa Tempatan yang telah dianjurkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Negeri Selangor.

Bagi menjayakan pelaksanaan GST di MBSA, pihak pengurusan telah melantik perunding yang diiktiraf oleh pihak Kastam, yang merupakan Ejen Cukai Barangan dan Perkhidmatan yang berlesen dan berpengalaman mengendalikan kursus dan penerangan GST di seluruh Malaysia. Di samping itu, memandangkan pelaksanaan GST turut melibatkan para kontraktor, pemborong, perunding dan pembekal MBSA, pihak pengurusan turut mengambil inisiatif untuk menganjurkan satu taklimat khas bagi memberi penerangan kepada para ‘stakeholders’. Ia bertujuan untuk memberikan penerangan dan pemahaman yang lebih jelas, agar tidak menjejaskan proses urus niaga di antara kedua belah pihak.

PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan Modal Insan adalah penggerak utama ke arah meningkatkan daya saing dan produktiviti sesebuah organisasi. Sejalan dengan itu, MBSA sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan dan memperbanyakkan program pembangunan modal insan, sama ada melalui kursus atau latihan. Program Pembangunan Modal Insan atau PPMI yang dicetuskan ini sangat diperlukan agar pencapaian, kejayaan dan pengiktirafan yang diperolehi dapat dikekalkan dan seterusnya membina warga kerja MBSA yang memiliki personaliti yang tinggi ke arah memupuk budaya kerja yang berprestasi tinggi atau “towards high performance culture”.

Secara dasarnya, PPMI diperkenalkan dengan matlamat untuk mengekalkan pencapaian yang terbaik serta membangunkan individu, kepimpinan dan kumpulan yang cemerlang untuk mencapai budaya kerja berprestasi tinggi di MBSA. Tujuh (7) nilai teras yang perlu diamalkan adalah jujur; bertanggungjawab; inovasi; kerja berpasukan; kepantasan bertindak; prihatin dan berdisiplin. PPMI dibahagikan kepada tiga fasa utama perlaksanaannya iaitu pertama: kesedaran dan kefahaman; kedua: pelaksanaan dan tindakan dan ketiga: penghayatan dan memperkasakan budaya.



ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN SEBAGAI PENANDA ARAS (BENCHMARK)

Kompetensi dan pengiktirafan yang diterima bertujuan untuk memperkukuhkan nilai-nilai budaya kualiti dalam sesebuah organisasi. Di samping itu, ia juga merupakan satu pembaharuan dan pemantapan komitmen dan dedikasi pekerja serta pihak pengurusan terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh organisasi mereka ke arah peningkatan kualiti. Ia juga dapat mewujudkan kesedaran para pekerja bahawa satu perubahan telah berlaku dalam organisasinya dan pengiktirafan diberi untuk perubahan-perubahan tersebut. Perubahan yang dimaksudkan ini adalah dari segi kejayaan dalam usaha-usaha peningkatan kualiti keluaran ataupun pemberian perkhidmatan yang berkualiti.

Pengiktirafan dalam pencapaian dapat memperingatkan kita tentang perlunya peningkatan produktiviti dan kualiti kerja. Untuk merealisasikan impian ke arah pencapaian yang cemerlang, warga kerja MBSA sentiasa berusaha untuk menghasilkan kerja yang sentiasa berkualiti tinggi, antaranya mampu melaksanakan tugas dengan segera, mempunyai keutuhan pengurusan, kecekapan penyampaian, kesediaan maklumat serta sentiasa membuat penambahbaikan sistem perkhidmatan.

Namun begitu, kualiti kerja yang dicari itu bukanlah terhenti setakat memperoleh persijilan atau pencapaian dalam bentuk satu keadaan yang statik, malah ia akan terus mengalami perubahan dengan begitu pantas. Justeru, kami di MBSA tidak mudah berpuas hati atau berhenti setakat itu sahaja. Kami sentiasa melengkapkan diri dan mencari inovasi untuk memajukan diri selaras dengan peredaran masa. Ahli falsafah China, Confucius pernah berkata "It does not matter how slowly you go so long as you do not stop".

Berikut adalah di antara pencapaian dan pengiktirafan yang diterima oleh MBSA dalam bidang kualiti dan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat:

- Anugerah EMAS pada Konvensyen Team-Excellence Wilayah Utara Tahun 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan EX7;
- Persembahan Terbaik pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Ke 28 Tahun 2015 bagi Kategori Pengurusan. MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM diwakili oleh Kumpulan X-Pert;
- Johan Kategori Pengurusan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Ke-28 Tahun 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan X-Pert;

- Naib Johan Kategori Teknikal pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Negeri Selangor Ke 28 Tahun 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan Bam Boom;
- Hadiah Utama bagi Kategori Produk Akhir Terbaik pada Anugerah Cabaran My Innovation Negeri Selangor Tahun 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan EX7;
- Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor (APPC) 2015 bagi Kategori Pengurusan Teras;
- Tempat Ketiga pada Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2015;
- Anugerah Khas pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Ke 28 Tahun 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan X-Park;
- Anugerah Emas dan Tiga Bintang pada Konvensyen Team Excellence Kebangsaan Tahun 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan EX7;
- Naib Johan Sektor Awam (Negeri) pada Konvensyen Team Excellence Kebangsaan Tahun 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan EX7; dan
- Persembahan Terbaik Kategori Negeri – Anugerah Pengarah INTAN sempena Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2015. Majlis Bandaraya Shah Alam diwakili oleh Kumpulan X-Pert.

PENUTUP

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, Laporan Tahunan Majlis Bandaraya Shah Alam bagi tahun 2015 dapat diterbitkan. Penerbitan Laporan ini adalah merupakan satu perantaraan untuk menyampaikan sumber informasi berbentuk pengetahuan dan sebaran am terhadap aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh MBSA. Saya berharap agar penerbitan ini menjadi satu wadah penyampaian maklumat yang sahih dan juga efektif sebagai mekanisme terbaik untuk berkomunikasi dengan golongan 'stakeholders' serta warga bandar raya Shah Alam. Melalui penerbitan ini, kefahaman orang awam akan meningkat dan boleh memberikan maklumbalas secara tepat, positif serta berkesan.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan ucapan syabas atas segala komitmen, dedikasi dan daya usaha yang ditunjukkan oleh 'team' serta warga kerja yang terlibat dalam menerbitkan buku Laporan Tahunan MBSA 2015. Semoga penerbitan ini akan terus memperkasakan pengurusan dan pentadbiran MBSA, dalam usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian kepada masyarakat, khususnya warga bandar raya Shah Alam, yang kita sayangi ini.

Khidmat Terbaik.

DATO' HJ. AHMAD ZAHARIN BIN MOHD. SAAD

D.P.M.S., S.M.S., B.P.C.

Datuk Bandar Shah Alam

LAPORAN **PERKHIDMATAN**





18

**Jabatan
Khidmat
Pengurusan**

27

**Jabatan
Kewangan**

31

**Jabatan
Penilaian &
Pengurusan
Harta**

1.0 PROFIL

Jabatan Khidmat Pengurusan terdiri daripada **100 orang kakitangan meliputi 4 Seksyen dan 3 Unit iaitu:**

- Seksyen Sumber Manusia
- Seksyen Pentadbiran Am
- Seksyen Perolehan
- Seksyen Latihan, Pembangunan Kerjaya Dan Kualiti
- Unit Integriti
- Unit Pengurusan Bangunan
- Unit Urusetia Mesyuarat

Jumlah Keseluruhan Kakitangan Jabatan Khidmat Pengurusan:

JENIS PERNIAGAAN	JUMLAH
Gred 41 hingga Gred 52 (Kumpulan Pengurusan & Profesional)	9
Gred 27 hingga Gred 40 (Kumpulan Pelaksana I (B))	18
Gred 17 hingga Gred 26 (Kumpulan Pelaksana I (C))	54
Gred 1 hingga Gred 16 (Kumpulan Pelaksana II (D))	119
Jumlah Keseluruhan	100

1.1 OBJEKTIF

- Perkhidmatan perbandaran yang efisien
- Memastikan budaya penyelenggaraan yang efektif dan konsisten.
- Tadbir urus yang cekap, berintegriti & berhemah.
- Memastikan warga kerja yang kompeten, komited dan berintegriti.
- Mengutamakan pelanggan dalam memberi perkhidmatan yang cekap, tepat, telus dan berkesan secara berterusan

1.2 FUNGSI

- Mengendalikan pengurusan tenaga manusia
- Menguruskan pentadbiran jabatan-jabatan MBSA
- Menguruskan perolehan, bekalan dan stok
- Urusan pembangunan organisasi dan penyelidikan
- Meningkatkan pengurusan kualiti dan produktiviti MBSA
- Memastikan tadbir urus terbaik dan pelaksanaan integriti dalam organisasi
- Memastikan pematuan undang-undang oleh setiap warga kerja MBSA
- Menguruskan tempat letak kereta wisma termasuk sewaan tempat letak kereta
- Menyelaras program, peralatan dan aspek keselamatan bangunan
- Menguruskan dan menyelaras mesyuarat utama majlis

1.3 PIAGAM PELANGGAN

- Mengedarkan surat-surat Majlis dalam tempoh tidak lebih 3 hari bekerja
- Menerima dan menjawab panggilan telefon oleh Pegawai Khidmat Pelanggan (Operator) kurang 3 deringan
- Memproses tuntutan bayaran perolehan bekalan, perkhidmatan Majlis dalam tempoh 6 hari dari tarikh invoice diterima
- Mengurus harta modal dan inventori Majlis seperti pembelian, penerimaan, pendaftaran, pengeluaran, penyelenggaraan dan pelupusan dalam tempoh tidak lebih (1) satu bulan daripada permohonan
- Menguruskan hal-hal berkaitan pengambilan kakitangan tetap dan kontrak dalam tempoh 3 bulan dari tarikh iklan ditutup
- Menguruskan pengesahan jawatan dalam tempoh 2 minggu setelah memenuhi syarat perkhidmatan yang ditetapkan
- Menghantar dokumen persaraan ke JPA untuk diproses dalam tempoh 3 bulan sebelum mencapai umur persaraan yang diperakukan oleh Majlis
- Menguruskan pengeluaran surat jaminan (GL) dalam tempoh 24 jam untuk hospital kerajaan manakala hospital pakar Majlis dalam tempoh 3 hari selepas pengesahan
- Menguruskan permohonan pinjaman majlis dalam tempoh 3 minggu dari tarikh penerimaan borang lengkap
- Menguruskan permohonan kemasukan ke kuarters Majlis dalam tempoh 2 minggu dari tarikh permohonan lengkap
- Menguruskan permohonan surat pengesahan perkhidmatan bagi tujuan temuduga dalam tempoh 7 hari bekerja manakala bagi tujuan pinjaman dan lain-lain dalam tempoh 3 hari bekerja
- Menguruskan pembayaran khairat kematian di bawah Tabung Majikan Prihatin dalam tempoh 48 jam dengan disertakan dokumen berkaitan
- Menguruskan sumbangan pampasan kematian kepada waris kakitangan dalam tempoh 14 hari dari tempoh permohonan lengkap
- Memastikan semua warga MBSA menerima kemudahan seperti berikut:-
 - Pemeriksaan kesihatan kepada warga yang berumur 40 tahun ke atas
 - Kemudahan pesakit luar kepada warga dan ahli keluarga dengan peruntukkan RM2400 setahun di panel klinik yang dilantik
 - Kemudahan pembelian cermin mata maksimum RM500 seorang bagi tempoh 3 tahun sekali.
 - Kemudahan rawatan pakar kakitangan tetap dan kontrak serta kumpulan Pengurusan dan Ahli Majlis
- Memastikan warga kerja hadir berkursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun
- Memastikan borang maklumbalas pelanggan mencapai 200 pelanggan sebulan
- Memastikan Sistem Kad Prestasi Utama (KPI) Jabatan / Bahagian dihantar sebelum 15 hari bulan
- Memaklumkan kepada warga kerja mengenai tarikh Audit SIRIM dalam tempoh 1 minggu

2.0 LAPORAN AKTIVITI JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

2.1 SEKSYEN SUMBER MANUSIA

2.1.1 PEMANTAPAN STRUKTUR ORGANISASI

Permohonan Penstrukturan Semula Organisasi MBSA 2015. Bilangan Waran Perjawatan Tahun 2015 berbanding Tahun 2013 & 2014.

TARAF JAWATAN	TAHUN		
	2013	2014	2015
Tetap	867	858	858
Kontrak	725	868	1117
Jumlah	1592	1726	1975

JADUAL 1 : STATISTIK WARAN PERJAWATAN 2013-2015

Pada tahun 2015, Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat telah mensasarkan satu (1) set permohonan perjawatan tetap yang terdiri daripada 245 jawatan di pelbagai Skim Perkhidmatan dan Gred ke Bahagian Pembangunan Organisasi Jabatan Perkhidmatan Awam (BPO JPA) bagi memantapkan memastikan perjawatan Majlis berada dalam keadaan optimum.

2.1.2 PENGAMBILAN KAKITANGAN DAN PENGISIAN JAWATAN

Pada setiap tahun Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat mensasarkan pengiklanan jawatan kosong sebanyak tiga (3) kali setahun iaitu pada bulan Mac, Julai dan Oktober tertakluk kepada keperluan dengan pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Melantik (PBM).

Berikut adalah jawatan yang diiklankan sepanjang tahun 2015:

TARIKH IKLAN	JAWATAN DIIKLANKAN	
11 Mac 2015 – 24 Mac 2015	Pen Peg Kes Persekitaran U32	1
	Pem Tadbir N26	1
	Pem Tadbir N22	1
	Peg Belia dan Sukan S41	1
	Pelukis Pelan (Senibina) JA29	1
	Pelukis Pelan (Pen Jurutera) JA29	1
	Pen Peg Penguatkuasa N27	1
	Pen Peg Kes Persekitaran U29	2
	Jumlah	9
6 April 2015 – 20 April 2015	Peg Tadbir N44	1
	Pem Akauntan W22	1
	Pem Kes Awam U22	1
	Pem Operasi N14	1
	Pemandu Kenderaan H14	15
	Pembantu Awam H14	20
	Peg Tadbir N41	1
	Pen Peg Tadbir	3
	Jumlah	43
29 April 2015 – 31 Mei 2015	Peg. Undang-Undang L41	1
	Peg Penilaian W41	1
	Pen Peg Penilaian W27	1
	Pemb Penilaian W17	1
	Pemb Awam (Penyelamat) H11	1
	Jumlah	5

TARIKH IKLAN	JAWATAN DIIKLANKAN	
2 Julai 2015 – 16 Julai 2015	Peg Undang-Undang L41	1
	Peg Penilaian W41	1
	Pen Peg Undang-Undang L29	2
	Pen Peg Tadbir N27	4
	Pen Peg Penguatkuasa N27	1
	Pen Peg Penilaian W27	2
	Pen Akauntan W27	1
	Pem Penilaian W17	1
	Pem Awam (Penyelamat) H11	1
	Jumlah	14
19 Oktober 2015 – 2 November 2015	Pen Peg Teknologi Maklumat F32	1
	Pen Peg Teknologi Maklumat F29	1
	Pem Penilaian W17	2
	Pem Kemahiran H17	2
	Pem Tadbir (Kewangan)	6
	Jumlah	12

2.1.3 PENGISIAN JAWATAN TETAP

Pada tahun 2015, Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat telah mensasarkan pengisian bagi 39 kekosongan jawatan bertaraf tetap di pelbagai Skim Perkhidmatan dan Gred. Pengisian telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan selesai pada 1 September 2015. Jawatan tetap yang diisi adalah seperti berikut:

TARIKH PENGISIAN	JAWATAN YANG DIISI	
Januari - Disember	Peg Penguatkuasa N41	1
	Arkitek J41	1
	Pen Peg Tadbir N27	1
	Pemb Penguatkuasa N17	10
	Pengawal Keselamatan KP11	2
	Pemandu Kenderaan H11	3
	Pembantu Awam H11	13
	Penolong Akauntan W27	1
	Pen Peg Senibina JA29	1
	Pen Jurutera JA29	1
	Pen Peg Kes Persekitaran U29	2
	Peg Belia Dan Sukan S41	1
	Pen Peg Penguatkuasa N27	1
	Peg Belia dan Sukan S41/S44	1
	Pen Peg Undang-Undang L32	1
	Pemb. Akauntan W17	1
	Peg Tadbir N41	1
	Jumlah	42

2.1.4 PENGISIAN JAWATAN KONTRAK

Dari segi pengisian jawatan kontrak, pada tahun 2015 Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat mensasarkan sejumlah 401 jawatan untuk diisi secara berfasa mengikut keperluan dan keutamaan di peringkat Majlis tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Melantik (PBM). Bermula pada Februari hingga November 2015, sejumlah 214 kekosongan jawatan kontrak telah diisi seperti berikut:

TARIKH PENGISIAN	JAWATAN YANG DIISI	
16 Februari 2015 – 2 November 2015	Peg Kawalan Alam Sekitar C41	2
	Pen Peg Tadbir N27	11
	Pembantu Tadbir N17	40
	Pen. Peg Keselamatan KP27	1
	Penolong Pustakawan S27	1
	Pen Peg Penerbitan N27	1
	Pen Peg Penilaian W27	8
	Pembantu Penilaian W17	18
	Peg. Tadbir N44	1
	Pembantu Penguatkuasa N17	33
	Juruteknik Komputer FT17	6
	Pembantu Tadbir (Kew) W17	20
	Pembantu Awam H11	14
	Pekerja Awam R1	3
	Pemandu Kenderaan H11	16
	Pengawal Keselamatan KP11	8
	Pen Jurutera JA29	11
	Pen Peg Belia & Sukan S27	1
	Pen Peg Kawalan Alam Sekitar C27	2
	Jurutera J41	2
	Juruukur Bahan J41	1
	Pen Peg Senibina JA29	1
	Pen Peg Kes Persekitaran U29	8
	Pen Peg Penguatkuasa N27	1
	Peg Penilaian W41	1
	Pen Peg Undang-Undang L29	1
	Peg Undang-Undang L41	1
	Pen Akauntan W27	1
	Jumlah	214

2.1.5 PENGISIAN JAWATAN KENAikan PANGKAT

Pada tahun 2015, Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat telah mensasarkan sejumlah 44 jawatan kenaikan pangkat untuk diisi. Walaubagaimanapun, melalui Surat Kelulusan Perjawatan Bilangan 7 Tahun 2015 (SKP. Bil. 7/2015), Majlis telah menerima 41 jawatan fleksi di Gred 41. Selaras dengan itu, pengisian jawatan kenaikan pangkat pada tahun 2015 adalah berjumlah sebanyak 104 jawatan termasuk 60 jawatan fleksi 41/44 dan pelaksanaan KUP 13 Tahun. Jawatan kenaikan pangkat yang diisi sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

TARIKH PENGISIAN	JAWATAN YANG DIISI	
16 Februari 2015 – 1 Ogos 2015	Pegawai Tadbir N48	1
	Pegawai Belia dan Sukan S44	1
	Pen Peg Kes Persekitaran U32	1
	Pemb. Tadbir N26	1
	Pemb. Tadbir N22	1
	Pelbagai Skim Perkhidmatan di Gred 41	16
	Pemb Akauntan W22	1
	Pemb Kes Awam U17	1
	Pem Operasi N14	1
	Pemandu Kenderaan H14	15
	Pen Peg Tek Maklumat F38	1
	Pen Peg Undang-Undang L32	1
	Pen Peg Penilaian W32	1
	Pemb Awam H14	20
	Pemb Tadbir (P/O) N22 (KUP)	24
	Pemb Penguatkuasa N22 (KUP)	18
	Jumlah	104

2.1.6 PEMBANGUNAN SISTEM E-PENGAMBILAN

Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat mengorak langkah mencetuskan idea bagi membangunkan satu sistem bersepadu untuk memudahkan proses pengambilan kakitangan di peringkat Majlis. Projek ini dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat dengan menggunakan kepakaran sedia ada.

Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat telah menjadikan projek pembangunan sistem ini sebagai sasaran kerja pada tahun 2015. Walaubagaimanapun, sehingga Disember 2015 sistem ini masih belum mampu beroperasi sepenuhnya disebabkan pembangunan sistem berada pada tahap 75 %.

Berikut adalah aplikasi yang siap dan selesai dibangunkan pada tahap 75 %:

- Laman Perjawatan;
- Iklan Jawatan;
- Permohonan Perjawatan Secara Online; dan
- Kod-Kod Data

Manakala aplikasi yang masih dalam proses pembikinan sebelum sistem ini siap untuk beroperasi sepenuhnya adalah seperti berikut:

- Aplikasi Tapisan Permohonan;
- Aplikasi Tapisan Temuduga; dan
- Aplikasi Keputusan Temuduga

PENCAPAIAN

Pada tahun 2015, Unit Perjawatan maju setapak lagi selaras dengan perubahan teknologi yang berkembang dengan pesat melalui pembangunan sistem e-Pengambilan di peringkat Majlis.

Sistem e-Pengambilan adalah satu cetusan idea untuk melonjakkan keupayaan Unit Perjawatan mengurus dan memastikan proses pengambilan kakitangan dapat dilaksanakan dengan efisien, berkesan dan lebih tersusun.


2.1.7 PELANCARAN PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pelancaran Program Pembangunan Modal Insan ini telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 22 Mei 2015 semasa Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSA. Majlis Perasmian Program Pembangunan Modal Insan MBSA ini telah diadakan di Dewan Auditorium MBSA dan telah dihadiri oleh seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Shah Alam.



2.1.8 IKRAR 7 NILAI TERAS MBSA

Majlis menandatangani IkRAR 7 Nilai Teras MBSA ini telah diadakan pada 13 Oktober 2015. Majlis menandatangani IkRAR 7 Nilai Teras ini telah diadakan di Dewan Bankuet, Wisma MBSA semasa Perhimpunan Bersama Datuk Bandar.



2.1.9 BENGKEL PEMANTAPAN PROGRAM PEMENTORAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM DI AMVERTON COVE RESORT


Bengkel Pemantapan Program Pementoran Dalam Perkhidmatan Awam sesi 2015 telah dilaksanakan pada 2, 3 & 4 Disember 2015. Program Pementoran ini telah dihadiri oleh 14 orang Mentor dan 14 orang Menti menjadikan jumlah keseluruhannya 28 orang daripada pelbagai jabatan. Tujuan Program Pementoran ini diadakan bagi merapatkan hubungan diantara Mentor dan Menti.

2.1.10 KAJIAN AUDIT NILAI TAHUN 2015

Secara keseluruhannya, hasil analisis mendapati bahawa Maklum Balas Pelanggan berada pada tahap cemerlang dan perlu dikekalkan iaitu pada markah 93.29. Bagi Indeks Nilai Ideal pula berada pada tahap boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan pada markah 87.72.

Manakala Indeks Nilai Peribadi dan Indeks Nilai Organisasi pula, masing-masing berada pada tahap boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan pada markah 80.9 dan 70.7. Markah bagi amalan nilai pula adalah pada tahap perlu penambahbaikan dengan pemantauan dengan markah 61.6.

Secara keseluruhannya, Indeks Nilai komposit menunjukkan tahap pengamalan nilai di Majlis Bandaraya Shah Alam berada pada tahap perlu penambahbaikan dengan kerana markah yang didapati 79.13



Rajah : Keputusan Sistem Audit Nilai

2.2 SEKSYEN PENTADBIRAN AM

Seksyen Pentadbiran Am mempunyai kekuatan sumber tenaga seramai empat belas (14) orang pegawai dan kakitangan.

Fungsi Seksyen Pentadbiran Am adalah:

- Menguruskan Pentadbiran Jabatan-Jabatan MBSA
- Menguruskan surat menyurat Majlis

• Urusetia Pengurusan Rekod Majlis

Jabatan Khidmat Pengurusan merupakan urusetia pengurusan rekod Jabatan. Pihak Majlis telah menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Urus Rekod bagi Majlis Bandaraya Shah Alam bagi tujuan menyelaraskan urusan pengurusan rekod jabatan-jabatan. Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.

Hasil daripada auditan / penilaian yang dibuat oleh Arkib Negara Malaysia, **Majlis Bandaraya Shah Alam** telah dinobatkan **Naib Johan** bagi Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Dewan / Majlis Bandaraya 2015.

Pencapaian

- Naib Johan Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Dewan / Majlis Bandaraya 2015.
- Anugerah Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Cemerlang Peringkat Dewan / Majlis Bandaraya 2015 (Puan Norbani binti Romli).



Tuan Shukri bin Mohamad Hamin menerima Anugerah Naib Johan bagi Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Dewan / Majlis Bandaraya 2015



Puan Norbani binti Romli menerima Anugerah Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Cemerlang Peringkat Dewan / Majlis Bandaraya 2015

Pada tahun 2015 sebanyak sepuluh (10) Perhimpunan Bulanan MBSA telah diadakan. Perhimpunan yang telah diadakan telah dihoskan oleh jabatan-jabatan mengikut giliran:



Y. Bhg. Dato' Ahmad Zaharin bin Mohd Saad Datuk Bandar Shah Alam hadir ke Majlis Perhimpunan Bulanan MBSA



Datuk Bandar menyampaikan amanat kepada warga kerja MBSA

2.3 SEKSYEN PEROLEHAN

Seksyen Perolehan terdiri daripada tiga (3) unit utama iaitu:

- i. Unit Perolehan,
- ii. Unit Pengurusan Aset
- iii. Unit Stor

Seksyen Perolehan mempunyai kekuatan sumber tenaga seramai empat belas (14) orang pegawai dan kakitangan.

Fungsi utama Seksyen Perolehan adalah:

- i. menguruskan perolehan aset alih iaitu inventori dan harta modal bagi keperluan Majlis,
- ii. bertanggungjawab memastikan semua aset alih didaftar dan direkodkan serta memastikan stok keperluan alatan pejabat sentiasa mencukupi bagi kegunaan semasa.
- iii. Menguruskan pembayaran bil-bil rawatan, bayaran utiliti melalui Arahan Pembayaran (AP) dan kerja-kerja pembaikan alat perkakas pejabat melalui Inden.

UNIT PEROLEHAN

2.3.1 SEBUTHARGA B

Tahun 2015 merupakan cabaran baru bagi Seksyen ini kerana dipertanggungjawabkan sebagai **urusetia Jawatankuasa Sebutharga (B)** iaitu bagi perolehan bernilai **RM20,000.00 hingga RM50,000.00**. Ahli Jawatankuasa Sebutharga (B) adalah seramai tiga (3) orang termasuk Pengerusi. Ahli Jawatankuasa Sebutharga B adalah seperti berikut:

AHLI JAWATANKUASA SEBUTHARGA 'B'

Jawatan / Jabatan / Bahagian
Timbalan Datuk Bandar (Pengerusi)
Ketua Bahagian, Bahagian Audit Dalam
Ketua Bahagian, Bahagian Tender Dan Ukur Bahan

Manakala Ahli Jawatankuasa Penilaian Sebutharga (B) juga telah dilantik terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli dari jawatan / Jabatan / Bahagian seperti berikut:

Jawatan / Jabatan / Bahagian
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan (Pengerusi)
Juruukur Bahan, Bahagian Tender Dan Ukur Bahan
Akauntan, Jabatan Kewangan

Sepanjang tahun 2015 sebanyak **seratus dua (102)** sebutharga (B) telah dibentang dan diluluskan oleh Jawatankuasa ini, dan nilai keseluruhannya adalah sebanyak **RM3,081,134.65**.

2.3.2 PEMBELIAN JABATAN

Unit Perolehan telah menerima **1,272 Borang Permohonan Pembelian Jabatan** dan daripada jumlah tersebut sebanyak **1741 Pesanan Tempatan (LO)** telah dikeluarkan. Manakala sebanyak **2,215 dokumen Arahan Pembayaran (AP)** telah diproses bagi pembayaran bil dan utiliti Majlis. Bagi kerja-kerja pula Unit ini telah memproses **25 dokumen Inden**, termasuklah kerja-kerja pembaikan kecil mesin pejabat dan kerja-kerja pembaikan stor Seksyen 17.

Unit ini turut menguruskan perolehan secara Sebutharga yang mana perolehan bernilai lebih daripada RM50,000.00 iaitu sebanyak **tujuh belas (17) Sebutharga** bagi pembekalan pakai seragam seperti baju teknikal, baju bukan teknikal, baju korporat, baju seragam penguatkuasa, pembekalan baja, bahan kimia, bahan pertanian, racun, cat dan lain-lain.

UNIT PENGURUSAN ASET

2.3.3 PENDAFTARAN ASET DAN INVENTORI

Unit Pengurusan Aset telah melaksanakan tugas bagi pendaftaran aset dan inventori mengikut **Pekeliling 1PP iaitu KP 1.1/2013 Tatacara Pengurusan Aset (TPA)** melalui pendaftaran sistem berkomputer **i-Aset (SPA)**. Bagi tahun 2015 sebanyak **738 KEW-PA 2** iaitu perolehan harta modal bernilai lebih RM2,000.00 setiap unit telah didaftarkan. Jumlah nilai keseluruhan perolehan bagi harta modal 2015 adalah **RM4,741,074.00**.

Sementara itu jumlah inventori **KEW-PA 3** yang didaftarkan adalah sebanyak **1,715** rekod yang bernilai **RM975,290.00**. Inventori adalah merupakan aset bernilai kurang daripada RM2,000.00 bagi setiap unit yang juga perlu didaftarkan.

Semua aset harta modal dan inventori yang didaftarkan akan diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun. Oleh yang demikian Majlis telah melantik Pegawai Pemeriksa Aset bagi melaksanakan pemeriksaan tersebut. Pemeriksaan telah dilakukan mulai 7 hingga 29 Disember 2015. Kesemua daftar aset KEW-PA2 dan KEW-PA 3 iaitu **738** rekod dan **1,715** rekod telah diperiksa. Pemeriksaan aset luar Wisma MBA seperti Rumah Rehat Majlis di Port Dickson, Langkawi, Cameron Highland dan Genting Highland turut telah dilaksanakan dan sebanyak 357 rekod aset telah diperiksa.

Unit Pengurusan aset juga merupakan **Urusetia Pelupusan Aset Alih Majlis**. Bagi tahun 2015 sebanyak **10 kertas cadangan pelupusan** perabot dan alat perkakas pejabat telah dikemukakan kepada Lembaga Pelupusan Majlis dan telah diluluskan. Terdapat empat (4) kaedah pelupusan telah dilaksanakan oleh Majlis iaitu **Jual, Buang, Jualan Sisa dan E-waste**.

1. Sistem Pengurusan Stor Berkomputer i-Aset (SPS)

Unit Pengurusan Aset telah menggunakan aplikasi sistem pengurusan stor berkomputer i-Aset (SPS) secara berperingkat mulai bulan April 2014. Penggunaan sistem i-Aset keseluruhannya telah digunakan pada bulan Februari 2015. Penggunaan sistem i-Aset adalah bagi merekod penerimaan, pengeluaran, pemeriksaan dan verifikasi stok.

UNIT STOR

Di bawah Seksyen Perolehan Jabatan ini mempunyai dua (2) unit stor iaitu **Stor Utama Wisma MBSA** yang terletak di Tingkat 1, Wisma MBSA dan **Stor Seksyen 17**. Stor Utama menempatkan semua stok peralatan pejabat seperti kertas dan alat tulis bagi kegunaan warga MBSA. Manakala Stor 17 menempatkan stok-stok besar seperti baja, minyak, cat, racun dan lain-lain aset besar bagi kegunaan operasi dan penyelenggaraan Majlis.

2.4 SEKSYEN LATIHAN, PEMBANGUNAN KERJAYA DAN KUALITI

Seksyen Latihan, Pembangunan Kerjayaan dan Kualiti mempunyai tujuh orang warga kerja.

FUNGSI LATIHAN DAN PEMBANGUNAN KERJAYA

1. Menganjurkan semua kursus dalaman dan luaran
2. Menganjurkan kursus permohonan jabatan
3. Menguruskan lawatan luar negara
4. Menguruskan TNA
5. Menguruskan POL
6. Menguruskan PPMI
7. Merekodkan jumlah kursus 7 hari kepada semua warga kerja
8. Memantau Buku Log Latihan
9. Menguruskan pelajar praktikal di semua jabatan

FUNGSI KUALITI

Menganjurkan program-program kualiti dijalankan mengikut perancangan seperti:-


1. Pelan strategik MBSA
2. Sasaran kerja tahunan
3. Sistem pengurusan kualiti
 - MS ISO 9001
 - ISO 27001
4. Amalan persekitaran berkualiti QE-5S
6. Kumpulan Inovatif dan Kreatif / majlis persada inovasi
7. Program inovasi
8. Minggu kualiti
9. Minggu kesihatan
10. Memantau piagam pelanggan
11. Memantau KPI Majlis, Jabatan dan individu
12. Memantau maklumbalas pelanggan
13. Pelan integriti MBSA
14. Memantau MPK dan fail meja
15. Menjadi urusetia penandaarasan
16. Menyelaraskan SPB-PBT
17. Menyelaraskan APPC
18. Menyelaraskan anugerah-anugerah
19. Menyelaraskan semua sesi pengauditan dari luar

KEPERLUAN DAN KEBERKESANAN LATIHAN

Contoh Buku Log latihan dan Kalendar Latihan dan Kualiti Tahun 2015




2.4.1 KURSUS DALAMAN




Kursus Dalaman Mengikut 6 Bidang Utama

2.4.2 KURSUS ANJURAN AGENSI LUAR



2.4.3 KURSUS LUAR NEGARA / TUGAS RASMI



PROGRAM KUALITI DAN INOVASI

PELAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

2.4.4 KAJIAN IMPAK PELAN STRATEGIK MBSA 2015-2020

TERAS STRATEGI UTAMA	TARIKH PELAKSANAAN
Khidmat Bandaran (meliputi 8 teras)	2013: 27 Jun, 2 Julai, 10 Julai dan 1 Ogos Mesyuarat Induk dilaksanakan pada 6 September
Pembangunan Fizikal	2013: 12 & 13 Disember, 20 Disember, 23 & 24 Disember
Penguatkuasaan	2014: 15, 16, 28 & 29 Januari
Pembangunan Pengurusan Operasi	2014: 7 & 24 Januari, 7 Februari
ICT	2014: 13, 14, 27 & 28 Februari, 4 & 11 Julai
Kewangan	2014: 20 & 21 Februari, 6 Mac
Pembangunan Komuniti Mampai	2014: 13, 14, 20 & 21 Mac, 4 & 11 Julai

Pelaksanaan Pelan Strategik MBSA 2010-2015

2.4.5 PENCAPIAN DI PERINGKAT ZON DAN KEBANGSAAN

Kumpulan EX7 daripada Majlis Bandaraya Shah Alam telah berjaya mendapat Anugerah Emas di Konvensyen Team Excellence Wilayah Utara Di Bayview, Langkawi Pada 19 & 20 Ogos 2015 dan Naib Johan Sektor Awam Negeri di Konvensyen Team Excellence Kebangsaan Di Sunway Pyramid Convention Centre Pada 2 - 4 November 2015.



Naib Johan Sektor Awam (Negeri) – Kumpulan EX7 – Majlis Bandaraya Shah Alam sempena Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2015 pada 2 - 4 November 2015 di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC)



Anugerah EMAS – EX7 (Majlis Bandaraya Shah Alam) Konvensyen Team-Excellence Wilayah Utara pada 19 & 20 Ogos 2015 di Hotel Bayview Langkawi, Kedah



Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti Qe-5S Oleh MPC



Persijilan Amalan 5S-Hijau Oleh Sirim Berhad

Pemenang Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (AISAS) Tahun 2015

(Program **Cabaran My Innovation** Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2015)

PEMENANG	JABATAN / AGENSI
EX7	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Hadiah Utama Kategori Produk Akhir Terbaik Anugerah Cabaran Innovation Negeri Selangor Tahun 2015 Hadiah Berupa Sijil, Piala Dan Wang Tunai RM10,000.00

Anugerah Khas Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Negeri Selangor

Dianugerahkan Kepada Kumpulan / Jabatan Yang Telah Mencapai Tahap Prestasi Kejayaan Cemerlang Dalam Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Di Peringkat Kebangsaan

PEMENANG	JABATAN / AGENSI
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM XPARK	Telah mengharumkan nama Negeri Selangor melalui kejayaan meraih anugerah tertinggi KIK Peringkat Kebangsaan iaitu Anugerah Ketua Setiausaha Negara (KSN) di Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Tahun 2014

Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2015 Mengikut Kategori

KATEGORI	JABATAN / AGENSI
Pengurusan Kewangan	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
Pengurusan Organisasi	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
Pengurusan ICT	Majlis Perbandaran Klang (MPK)
Pengurusan Sumber Manusia	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
Pengurusan Rekod	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS)
Perkhidmatan Teras (Pelan Strategik)	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
Pengurusan Projek Pembangunan	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
Pengurusan Pelanggan	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

2.5 UNIT INTEGRITI

PENGENALAN

Unit ini ditubuhkan berdasarkan Pekeliling Bil. 6 Tahun 2013 yang meminta semua agensi awam mewujudkan Unit Integriti masing-masing bagi menggalakkan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dan terhindar daripada unsur-unsur rasuah dan penyelewengan.

2.5.1 FUNGSI UNIT INTEGRITI

2 FUNGSI TERAS	
PENGUKUHAN INTEGRITI, PEMATUHAN DAN TADBIR URUS	PENGESANAN DAN PENGESAHAN, TATATERTIB DAN PENGURUSAN ADUAN
I. Memastikan pembudayaan, penginstitution dan pelaksanaan integriti dalam organisasi II. Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan III. Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa	I. Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil. II. Melaporkan salahlaku jenayah kepada Agensi Penguatkuasaan yang bertanggungjawab III. Melaksanakan fungsi Urusetia Lembaga Tatatertib

2.5.2 AKTIVITI UNIT INTEGRITI

PROGRAM / AKTIVITI	PENCAPAIAN / JUMLAH
Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) Pada 3 Jun 2014, melalui Arahan YAB Perdana Menteri, JKJU telah dimansuhkan dan digantikan dengan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU). i. Membincangkan 6 terma rujukan JITU - Dasar Dan Perundangan - Sistem Dan Prosedur Penyampaian Perkhidmatan - Tindakan Pengesanan, Punitive Dan Pemulihan - Pembudayaan Nilai-Nilai Murni Dan Kod Etika - Pengurusan Pelanggan - Membina Permuafakatan Dengan Pihak Berkepentingan	Telah dilaksanakan 3 kali setahun 1. 29 April 2015 2. 15 September 2015 3. 15 Disember 2015
Mesyuarat Lembaga Tatatertib	5 kali (terdapat 9 kes tatatertib yang telah dibentangkan)
Mesyuarat Penilaian Aduan Integriti i. Membincangkan aduan salahlaku integriti warga kerja MBSA sebelum dibawa ke Mesyuarat Lembaga Tatatertib	2 kali
Kaunseling i. Sesi kaunseling yang mempunyai masalah yang berkaitan keterhutangan serius dan masalah kehadiran ke pejabat	24 kali
Ujian Saringan Dadah i. Telah dijalankan secara rawak kepada kakitangan MBSA melibatkan calon temuduga jawatan Pembantu Penguatkuasa dan Penolong Pegawai Keselamatan	4 kali
Aduan Integriti melalui Sistem Aduan MBSA i. Aduan integriti kakitangan yang disalurkan melalui sistem aduan MBSA oleh orang awam	44 aduan

PROGRAM / AKTIVITI	PENCAPAIAN / JUMLAH
Laporan Keterhutangan Serius i. Laporan ini adalah bertujuan meneliti jumlah pendapatan bersih kakitangan MBSA yang kurang daripada 40% jumlah pendapatan ii. Sehingga Disember 2015 jumlah kakitangan yang tersenarai adalah seramai 69 orang	12 kali (laporan setiap bulan)
Laporan Perniagaan dalam talian i. Laporan pengisytiharan sekiranya kakitangan MBSA terlibat dalam perniagaan secara dalam talian ii. Sehingga Disember 2015, seramai 35 orang kakitangan sudah mengisytiharkan perniagaan	12 kali (laporan setiap bulan)
Merangka dan melaksanakan program / kursus / seminar / bengkel / taklimat kesedaran tentang integriti dan implikasinya i. Taklimat integriti daripada Ketua Unit Integriti PKNS ii. Taklimat mengenai Integriti dalam Perkhidmatan Awam kepada kakitangan Penguatkuasa / Pengawal Keselamatan yang baru dilantik iii. Kursus pengurusan kewangan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit iv. Kursus mengenai rasuah dan kesan terhadap organisasi daripada SPRM Negeri Selangor	4 kali

Program AKPK (Pengurusan Kewangan) telah diadakan pada 5 Mei 2015 dan pada 10 Julai 2015 yang mensasarkan kepada warga kerja yang terlibat di dalam keterhutangan serius iaitu gaji bersih dibawah 40%.



Taklimat Integriti daripada Ketua Unit Integriti PKNS pada 25 Mac 2015 mengasaskan kepada wakil setiap Jabatan di Majlis Bandaraya Shah Alam dan terdapat penglibatan dari PBT yang lain.



2.7 UNIT URUSETIA MESYUARAT

Bahagian Urusetia Mesyuarat bertindak sebagai urusetia yang menyelaraskan Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Khas Majlis, Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Pengurusan dan mesyuarat-mesyuarat lain yang diarahkan oleh pihak pengurusan dari semasa ke semasa.

2.7.1 LAPORAN AKTIVITI

Bagi tahun 2015, terdapat 3 acara Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis telah diadakan pada tarikh seperti berikut :-

- Pada 20 Januari 2015 – pelantikan Datuk Bandar
- Pada 17 Februari 2015 – seramai 10 orang Ahli Majlis PKR
- Pada 27 Februari 2015 – seramai 1 orang Ahli Majlis PKR

Unit Urusetia Mesyuarat telah menguruskan sebanyak 270 mesyuarat yang melibatkan Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Khas Majlis, Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat-mesyuarat lain mengikut bilangan seperti berikut:

BULAN	Mesyuarat Majlis	Mesyuarat Khas Bajet	Mesyuarat Jawatankuasa	Mesyuarat Pengurusan	*Mesyuarat Lain	Jumlah
Januari	1	-	16	2	5	24
Februari	2	-	14	1	5	22
Mac	1	-	17	1	5	24
April	1	-	19	1	5	26
Mei	1	-	16	2	5	24
Jun	1	-	18	1	5	25
Julai	1	-	13	1	5	20
Ogos	1	-	15	1	5	22
September	1	-	17	1	5	24
Oktober	1	1	13	2	5	22
November	1	-	15	-	5	21
Disember	1	-	10	-	5	16
Jumlah	13	1	183	13	60	270

Unit Urusetia Mesyuarat juga menguruskan beberapa perkara berikut bagi setiap mesyuarat yang diselenggarakan iaitu:

- Membuat perancangan jadual Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Khas Majlis, Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat-mesyuarat lain.
- Penyediaan tempat mesyuarat.
- Penyediaan notis, minit mesyuarat dan kertas laporan / cadangan.
- Penyediaan minit Mesyuarat Majlis dan Mesyuarat Pengurusan.
- Tempahan jamuan makanan dan minuman.
- Mengambil / mencatatkan kehadiran Ahli Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Majlis dan Mesyuarat Khas Majlis.
- Mendapatkan maklumbalas keputusan Perkara Berbangkit, Ulasan, Ucapan Penangguhan Mesyuarat Majlis daripada Jabatan / Bahagian / Pejabat Cawangan.

Segala pengurusan Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Khas Majlis, Jawatankuasa dan Lembaga adalah mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT Bil. 1/2011 mengenai penubuhan, penetapan bidang kuasa dan keanggotaan Jawatankuasa yang baru.

- Terdapat 16 Jawatankuasa Induk dan 12 Jawatankuasa teknikal atau terbitan yang telah bermesyuarat sepanjang tahun 2015 dan Bilangan Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Khas Majlis, Jawatankuasa dan Lembaga yang telah diadakan adalah seperti dalam jadual di bawah:-

MESYUARAT	BIL. MESYUARAT
Mesyuarat Majlis	13 kali
Mesyuarat Khas Majlis	1 kali
Jawatankuasa Kewangan	12 kali
Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan	12 kali
Jawatankuasa Infrastruktur dan Bangunan	11 kali
Jawatankuasa Pengindahan Bandar	12 kali
Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat	11 kali
Jawatankuasa Kemasyarakatan	6 kali
Jawatankuasa Pusat Setempat	24 kali
Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat	8 kali
Lembaga Tender	11 kali
Lembaga Pelupusan Harta	11 kali
Jawatankuasa Sebutharga	11 kali
Jawatankuasa Pihak Berkuasa Melantik	8 kali
Lembaga Tatatertib	5 kali

Mesyuarat Jawatankuasa Induk

MESYUARAT	BIL. MESYUARAT
Jawatankuasa Cukai Taksiran	7 kali
Jawatankuasa Bantahan Nilai	5 kali
Jawatankuasa Teknikal Penswastaan	10 kali
Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Pelesenan	12 kali
Jawatankuasa Anti Pemerdagangan Manusia	3 kali
Jawatankuasa Pelaburan & Perdagangan	4 kali
Jawatankuasa Khas Pengangkutan Awam	2 kali
Jawatankuasa Pemandu Projek Khas	6 kali
Jawatankuasa Bandar Selamat & Bebas Halangan	5 kali
Jawatankuasa Wanita	1 kali
Jawatankuasa Mendengar Bantahan Perancangan	7 kali

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal / Terbitan

MESYUARAT	BIL. MESYUARAT
Jawatankuasa Pembangunan Mampan	1 kali
Lembaga Akaun Amanah ISF	2 kali

Mesyuarat Jawatankuasa Induk dan Teknikal / Terbitan (Baru)

1.0 PROFIL

Jabatan Kewangan bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan hasil dan perbelanjaan Majlis. **Jabatan ini terdiri daripada:-**

- **Seksyen Pengurusan Hasil**
 - Unit Kutipan
 - Unit Cukai Taksiran
 - Unit Hasil Cukai
 - Unit Hasil Bukan Cukai
- **Seksyen Perakaunan**
 - Unit Akaun
 - Unit Belanjawan
- **Seksyen Perbelanjaan**
 - Unit Bayaran
 - Unit Gaji dan Saraan

Unit Pentadbiran

2.0 FUNGSI JABATAN

- Menerima kutipan bagi semua bil Majlis dan bil cukai tanah.
- Mengurus hal-hal berkaitan cukai taksiran Majlis.
- Menyediakan penyata kewangan tahunan Majlis.
- Menyediakan belanjawan tahunan Majlis.
- Menguruskan pembayaran kepada kontraktor dan pembekal.
- Menguruskan gaji dan saraan kakitangan Majlis.
- Menguruskan hal ehwal kakitangan dan Mesyuarat di Jabatan Kewangan


3.0 LAPORAN AKTIVITI

3.1 SEKSYEN PENGURUSAN HASIL

UNIT KUTIPAN

Sepanjang tahun 2015, pihak Jabatan telah berjaya membuka kaunter bayaran untuk menerima kutipan semua bil Majlis dan Cukai Tanah di Kaunter Utama, Kaunter Pandu Masuk dan Kaunter OSC. Seramai 106,887 orang pelanggan telah membuat pelbagai urusan di Kaunter Utama dan dari jumlah tersebut seramai 82,474 (77.16%) orang telah menerima layanan dari petugas kaunter dalam tempoh kurang dari 5 minit, manakala seramai 24,413 (22.84%) orang telah menerima layanan lebih dari 5 minit.

Prestasi Tempoh Masa Menunggu di Kaunter Utama



Pihak Jabatan juga telah menyediakan kaunter bergerak bagi mengutip sewa gerai dan pasar pagi di sekitar Shah Alam bagi kemudahan untuk penyewa membuat pembayaran.


UNIT CUKAI TAKSIRAN

Sebanyak 212,112 pegangan harta telah dikenakan cukai taksiran pada tahun 2015. Pegangan ini merangkumi keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis dari Seksyen 1 hingga Seksyen 24 di Bahagian Tengah, Seksyen 25 hingga Seksyen 36 di Bahagian Selatan dan Seksyen U1 hingga Seksyen U20 di Bahagian Utara.

Bil cukai taksiran boleh dijelaskan di kaunter bayaran MBSA. Pembayaran bil cukai taksiran MBSA juga diterima di Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah di seluruh negeri Selangor. Pembayaran juga boleh dibuat di semua Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Selangor serta Pejabat Pos seluruh Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya. Di samping itu, pembayaran cukai taksiran juga boleh dibuat melalui TNB dan bank-bank perdagangan yang terpilih sama ada pembayaran dibuat melalui kaunter mahupun perbankan internet.

Pembayaran melalui kad kredit dan kad caj juga diterima sama ada melalui 'mail order' atau arahan tetap di agensi terpilih. Selain daripada itu, pembayaran cukai taksiran juga boleh dibuat melalui perkhidmatan telefon menggunakan perkhidmatan *Kawanku Phone Banking* daripada Maybank, 'Call N Pay Services' daripada MBF Cards dan perkhidmatan 'My Mobile' dari CIMB Bank.

Kemudahan bagi semakan bayaran dan cetakan bil cukai taksiran juga boleh dibuat oleh pemilik harta dengan mendaftar di laman web Majlis Bandaraya Shah Alam. Kemudahan ini membolehkan pemilik mendapatkan penyata bayaran cukai taksiran dan juga boleh mencetak sendiri bil cukai taksiran yang terkini.



Ringkasan Laporan Pembayaran Cukai Taksiran Pelbagai Saluran

UNIT HASIL CUKAI

Kutipan Cukai Taksiran 2015

Jumlah inboising cukai taksiran bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM246,073,999.48 dengan bilangan pegangan sebanyak 224,888. Jumlah tunggakan pada 1 Januari 2015 pula adalah sebanyak RM22,543,317.45. Hasilnya, pencapaian kutipan secara terperinci sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti yang berikut;

PERKARA	JUMLAH PERLU KUTIP	KUTIPAN SEHINGGA 31/12/2015	PERATUS KUTIPAN
Cukai Taksiran Semasa	RM246,073,999.48	RM229,333,507.86	93.20%
Tunggakan Cukai Taksiran	RM22,543,317.45	RM12,185,313.93	54.05%

Program Insentif Bayaran Cukai Taksiran Setahun



Majlis telah meluluskan insentif sebanyak 20,000 kaki payung untuk diberikan kepada pemilik harta yang menjelaskan bayaran Cukai Taksiran setahun melebihi RM100.00 dan tiada tunggakan. Insentif ini bagi menggalakkan pemilik harta menjelaskan Cukai Taksiran lebih awal iaitu pada penggal pertama.

Jumlah bayaran lebihan yang diperolehi sehingga 28 Februari 2015 adalah sebanyak RM9,630,413.24 dengan jumlah akaun sebanyak 31,445 akaun.

Program Operasi Turun Padang

Sepanjang tahun 2015, Jabatan telah melaksanakan sebanyak 6 kali operasi turun padang. Tujuan program ini diadakan adalah bagi mendekati pemilik-pemilik pegangan yang mempunyai tunggakan cukai taksiran bagi memberi penerangan dan cara penyelesaian yang bersesuaian.

Pelaksanaan program ini adalah seperti yang berikut;

OPERASI	PENGLIBATAN	KEUTAMAAN KES	JUMLAH OPERASI
Turun Padang Bersama Ahli Majlis	Kakitangan Jabatan bersama Ahli Majlis (Jawatankuasa Cukai Taksiran)	Kategori Perdagangan dan Perindustrian	6 kali

Program Operasi Sitaan Cukai Taksiran



Operasi Sitaan ini dilaksanakan ke atas pegangan yang mempunyai tunggakan Cukai Taksiran dan engkar menjelaskan bayaran walaupun telah diberikan pelbagai notis peringatan dan juga waran tahanan pertama sebagai amaran. Sitaan yang diambil adalah ke atas barangan mudah alih di dalam premis berkenaan yang menyamai jumlah tunggakan Cukai Taksiran pegangan tersebut. Sepanjang tahun 2015 Jabatan telah menyita 28 pegangan melibatkan jumlah tunggakan sebanyak RM198,162.70

Program Kaveat Pendaftar

Sebanyak 58 pegangan telah diambil tindakan Kaveat Pendaftar pada tahun 2015 yang mana melibatkan tunggakan cukai taksiran sebanyak RM1,293,753.89. Sehingga 31 Disember 2015, tiga kes telah diselesaikan dengan kutipan hasil tunggakan sebanyak RM104,287.40. Tindakan ini dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan kes-kes tunggakan cukai taksiran yang gagal dituntut kerana kesukaran mengesan pemilik yang sebenar ataupun pemilik yang enggan memberikan kerjasama dalam usaha menuntut tunggakan cukai taksiran. Tindakan Kaveat Pendaftar ini akan menyekat transaksi di Pejabat Tanah sekiranya pemilik pegangan itu hendak menukar hakmilik. Pemilik perlu hadir ke Jabatan untuk menjelaskan keseluruhan tunggakan cukai taksiran sebelum surat pelepasan dikeluarkan dan boleh membuat urusan pertukaran hakmilik.

Program My SMS



Bagi mengingatkan pemilik-pemilik harta supaya menjelaskan bayaran cukai taksiran, Jabatan telah mengambil inisiatif menghantar pesanan ringkas SMS secara berperingkat. Sepanjang tahun 2015 sebanyak 102,765 SMS telah dihantar. Tindakan ini sedikit sebanyak memudahkan Jabatan mengemaskini maklumat nombor telefon bimbit pemilik di dalam sistem SAILS cukai taksiran sekiranya suatu pegangan itu telah bertukar hakmilik.

Pengeluaran Waran Cukai Taksiran melalui Mobile Apps



Seiring dengan perkembangan teknologi, Jabatan juga telah membuat inovasi dari segi pengeluaran waran cukai taksiran. Waran boleh dicetak di lapangan dengan menggunakan aplikasi mudah alih yang memuatnaik maklumat waran pegangan yang masih mempunyai tunggakan cukai taksiran.

Hasil penggunaan teknologi ini, Jabatan berjaya menyerahkan sebanyak 56,993 waran G dan H untuk tahun 2015.

UNIT TEMPAT LETAK KERETA

Pengurusan Tempat Letak Kereta Berbayar Konsesi Majlis

- Suasa Efektif (M) Sdn Bhd

Sehingga 31 Disember 2015, Majlis telah menyewakan sebanyak 33,605 petak letak kereta kepada syarikat konsesi Suasa Efektif (M) Sdn Bhd. Jumlah hasil terkumpul bagi tahun semasa adalah seperti jadual dibawah;

BIL. PETAK DISEWA	SEWAAN BULANAN	HASIL SEHINGGA 31 DIS. 2015
33,604 petak	RM 513,469.12	RM 6,417,469.96

Selain hasil sewaan di atas, Majlis juga turut memperoleh hasil daripada kompaun kenderaan yang dibahagikan secara 50:50 dengan syarikat konsesi. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2015, jumlah bayaran yang diterima adalah seperti yang berikut;

JUMLAH KOMPAUN YANG DIBAYAR	JUMLAH KUTIPAN KOMPAUN
144,444 keping	RM 2,238,213.22

Pengurusan Tempat Letak Kereta Berbayar Majlis

Melalui keputusan MMKN bil. 38/2013 bertarikh 12 Disember 2013, Kerajaan Negeri telah memutuskan semua PBT di negeri Selangor supaya tidak menyewakan petak letak kereta kepada mana-mana syarikat dan perlu menguruskan sendiri petak-petak letak kereta baharu. Sehubungan dengan itu, Majlis telah menguruskan sejumlah 9,393 petak dengan hasil seperti yang berikut;

BILANGAN PETAK DIURUSKAN	JUMLAH EJEN KUPON	KUTIPAN	
		KUPON	PAS BULANAN
9,393 petak	52 agen	RM 18,585.84	RM 47,509.20

* Penguatkuasaan tempat letak kereta berbayar bermula pada 1 Julai 2015

Sumbangan Membantu Kadar

Jabatan juga turut menguruskan tuntutan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Tuntutan tahun semasa perlu dibuat sebelum 28 Februari setiap tahun. Jumlah keseluruhan tuntutan untuk enam agensi adalah seperti yang berikut;

AGENSI	JUMLAH TUNTUTAN
Universiti Teknologi MARA (UiTM)	RM 179,109.00
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	RM 27,804.00
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	RM1,232,464.00
Bank Negara Malaysia (BNM)	RM 59,853.60
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	RM 4,620.00
SUK Selangor	RM1,143,891.80
Jumlah keseluruhan	RM 2,647,742.40

Sewaan Tempat Letak Kereta Khas

Selain daripada menguruskan penyewaan tempat letak kereta kepada syarikat konsesi, Majlis turut menguruskan penyewaan petak khas untuk 20 kategori perniagaan yang telah diluluskan oleh Majlis. Hasil sewaan petak khas berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti jadual berikut;

JUMLAH PENYEWAA	BIL PETAK KHAS TERKINI	KUTIPAN SEWAAN
281	557 petak	RM 1,041,925.80

20 kategori perniagaan yang boleh dipertimbangkan untuk menyewa petak khas adalah seperti yang berikut;

BIL	PERNIAGAAN	BIL	PERNIAGAAN
1	Kedai membaiki kereta / motosikal	11	Ruang pameran kereta / motosikal
2	Kedai menjual aksesori kereta / motosikal	12	Kedai tayar dan rim kereta
3	Servis kereta / motosikal	13	Kedai mengetuk dan mengecat kereta
4	Kedai ekzos kereta	14	Kedai alat ganti kereta / motosikal
5	Kedai mencuci kereta	15	Kedai menjual motosikal
6	Kedai menjual perabot dan alatan rumah	16	Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
7	Kilang Industri Ringan	17	Hospital
8	Agensi Kerajaan	18	Pasaraya dan kedai alat runcit yang memerlukan ruang pemunggaan barang
9	Klinik	19	Hotel Bajet
10	Gudang	20	Bank (yang mempunyai kaunter urusan)

Operasi Pecah Tanjakan

Bagi mengurangkan masalah penyalahgunaan tempat letak kereta di kawasan pentadbiran Majlis, Jabatan telah melaksanakan operasi memecah tanjakan (*ramp*) ke atas premis-premis perniagaan yang membuat tanjakan tanpa menyewa petak dengan Majlis. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 85 premis telah diambil tindakan tersebut seperti di jadual berikut;

BIL. OPERASI	BIL. PREMIS	JUM. TANJAKAN DIPECAHKAN
25 operasi	85 premis	162 tanjakan



Pengurusan Tempat Letak Kereta Tertutup

- Stesen Komuter, Seksyen 19, Shah Alam

Hasil kutipan pada 31 Disember 2015 sebanyak RM654,609.51 dengan kemudahan petak letak kereta sebanyak 559 petak dan 182 petak motosikal. Kutipan hasil secara terperinci adalah seperti yang berikut;

BILANGAN PETAK	KUTIPAN			
	PAS BULANAN	AUTOPAY	MOTOSIKAL	MANUAL
559 petak	RM 242,039.25	RM 300,265.34	RM 15,546.51	RM 13,423.09

3.2 SEKSYEN PERAKAUNAN

UNIT AKAUN

Unit Akaun bertanggungjawab menyediakan Penyata Kewangan MBSA bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Sebelum dihantar ke Jabatan Audit Negara, Penyata Kewangan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan seterusnya dibawa ke dalam Mesyuarat Penuh Majlis untuk mendapatkan kelulusan. Tarikh akhir penghantaran Penyata Kewangan Majlis adalah sebelum atau pada 30 April.

Pihak Majlis telah memperolehi Sijil Tanpa Teguran ke atas Penyata Kewangan 2013.

UNIT BELANJAWAN

Kutipan hasil Majlis pada tahun 2015 adalah seperti berikut:-

	ANGGARAN 2015 (RM)	HASIL SEBENAR 2015 (RM)
Hasil Cukai	260,393,400.00	241,553,583.93
Hasil Bukan Cukai	177,950,710.00	129,794,314.21
Terimaan Bukan Hasil	22,192,410.00	16,832,056.59
Jumlah Hasil	460,536,520.00	388,179,954.73

Peratus kutipan hasil adalah sebanyak RM 84.29%.

Perbelanjaan Majlis pula sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM401,297,322.16 iaitu terdiri daripada Belanja Mengurus sebanyak RM313,672,535.84 dan Belanja Pembangunan sebanyak RM87,624,786.32.

	ANGGARAN 2015 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR 2015 (RM)
Belanja Mengurus		
Emolumen	51,971,150.00	51,857,080.52
Perkhidmatan Dan Bekalan	256,626,470.00	169,640,427.42
Aset	27,509,810.00	3,011,614.54
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	7,614,070.00	7,222,801.15
Perbelanjaan-perbelanjaan Yang Lain	16,152,310.00	9,357,374.48
Belanja Mengurus	353,678,380.00	241,089,298.11
Belanja Pembangunan	106,858,140.00	18,650,838.76
Jumlah Perbelanjaan	460,536,520.00	259,740,136.87

3.3 SEKSYEN PERBELANJAAN

UNIT BAYARAN

Sepanjang tahun 2015, Unit Bayaran telah memproses sebanyak 18,043 baucar bayaran yang bernilai RM284.96 juta dalam tempoh 5 hari bekerja daripada tarikh penerimaan dokumen lengkap.

UNIT GAJI DAN SARAAN

Menyediakan segala pembayaran emolumen warga kerja Majlis yang terdiri daripada 808 orang kakitangan tetap, 686 orang kakitangan kontrak dan 66 orang kakitangan sambilan. Ini melibatkan pembayaran emolumen setahun sebanyak RM 56.9 juta.

Tarikh pembayaran emolumen adalah mengikut sasaran yang telah ditetapkan pada awal tahun 2015 oleh kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Di samping itu, Unit ini juga menyediakan pembayaran untuk elaun Ahli Majlis dan menyediakan borang penyata pendapatan tahun (EC) untuk tujuan cukai pendapatan (LHDN).

UNIT PENTADBIRAN

Unit Pentadbiran Jabatan telah berjaya menguruskan kursus berkaitan pengurusan kewangan sepanjang tahun 2014 seperti berikut;

KURSUS / BENGKEL	TARIKH
Bengkel pelaksanaan cukai barangan & perkhidmatan (GST)	10 Mac 2015
Bengkel pelaksanaan cukai barangan & perkhidmatan (GST) - MBSA	24 Mac 2015
Bengkel Penyediaan Tanggungan Perbelanjaan 2016	26 - 29 November 2015

Peserta kursus adalah terdiri daripada kakitangan Jabatan/Bahagian Majlis Bandaraya Shah Alam. Objektif kursus-kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan secara umum mengenai pengurusan kewangan di Majlis Bandaraya Shah Alam meliputi pengurusan belanjawan, pengurusan bayaran dan pengenalan mengenai GST. Di samping itu, ia bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan keyakinan diri kepada kakitangan ke atas pengurusan kewangan serta prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh MBSA.

RUMUSAN

Secara keseluruhan pencapaian Jabatan Kewangan bagi tahun 2015 adalah baik. Walaupun terdapat beberapa sasaran kerja tahunan tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang tetapi tidak menjejaskan prestasi Jabatan seperti di dalam Piagam Pelanggan. Pihak Jabatan Kewangan akan cuba mempertingkatkan pencapaian di masa akan datang agar segala permasalahan yang timbul dapat diselesaikan dengan cepat dan berkesan serta memenuhi kehendak pelanggan Jabatan ini.



JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

1.0 PENGENALAN

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta menjalankan kerja-kerja penilaian ke atas hartanah yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran MBSA. Jabatan ini merupakan penyumbang utama hasil iaitu melalui penentuan kadar cukai taksiran dan hasil dari penyewaan aset-aset Majlis.

Mulai bulan Julai 2015, peranan Jabatan ini telah diperluaskan melalui penubuhan Seksyen Pelaburan, Unit Pengurusan Dewan dan Penswastaaan.

Di samping itu, Jabatan ini juga bertanggungjawab menguruskan harta-harta Majlis dalam bentuk aset tetap. Jabatan ini berperanan menasihatkan Majlis terhadap aktiviti pelaburan sebagai sumber kewangan Majlis.

Jabatan ini terdiri daripada 4 Seksyen iaitu:-

- i) Seksyen Penilaian
- ii) Seksyen Pengurusan Harta dan Fasilitas
 - Unit Pengurusan Penyewaan
 - Unit Pengswastaaan
 - Unit Pengurusan Dewan
- iii) Seksyen Pentadbiran
- iv) Seksyen Pelaburan

Jabatan ini diketuai oleh seorang pengarah dan dibantu oleh 118 orang kakitangan yang terdiri daripada 43 orang kakitangan berjawatan tetap dan 75 orang kakitangan berjawatan kontrak.

Bilangan kakitangan mengikut Seksyen adalah:-

- i. Seksyen Penilaian - 60 orang
- ii. Seksyen Pengurusan Harta dan Fasilitas - 34 orang
- iii. Seksyen Pentadbiran - 22 orang
- iv. Seksyen Pelaburan - 2 orang

2.0 LAPORAN AKTIVITI

2.1 SEKSYEN PENILAIAN

Tugas Bahagian Penilaian adalah menentukan Nilai Tahunan bagi Maksud Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar bagi setiap pegangan di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Di bawah Seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menyediakan suatu Senarai Nilai bagi semua pegangan yang tidak dikecualikan dari membayar Cukai Taksiran.

Senarai tersebut termasuklah pindaan (di bawah Seksyen 144) dan hendaklah terus digunakan sehingga Senarai Nilai Baru dikuatkuasakan.

Penentuan Nilai Tahunan ini adalah berdasarkan tatacara yang ditentukan di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976, manakala bagi Sumbangan Membantu Kadar (SMK) ianya berdasarkan Fasa 156 Perlembagaan Persekutuan.

2.1.1 Penilaian untuk Pindaan kepada Senarai Nilai Penggal 2/2015 dan Penggal 1/2016

(Seksyen 144 Akta 171)

Bagi sepanjang tahun 2015 Jabatan telah membuat pindaan ke atas Senarai Nilai berjumlah 23,013 pegangan yang terdiri dari pegangan baru yang tidak pernah dinilai dan pegangan yang sedia ada.

Pindaan dibuat berdasarkan perkara-perkara berikut:-

- i. Pengeluaran sijil CCC / CF bangunan-bangunan baru
- ii. Pindaan ubahsuaian bangunan sedia ada.
- iii. Perubahan tanah kosong kepada bangunan pertukaran syarat
- iv. Kawasan kampung yang baru menerima hakmilik tanah.

Jumlah hasil tambahan cukai taksiran pada tahun 2015 ialah sebanyak **sebanyak RM 26,658,064.70**. Jumlah Nilai Tahunan dan Kadar dan Cukai Taksiran Keseluruhan pada 31 Dis 2015 adalah seperti berikut:

JENIS PEGANGAN	JUMLAH PEGANGAN	JUMLAH NILAI TAHUNAN (RM)	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN SETAHUN (RM)
Kediaman	174,168	1,640,964,556.00	62,192,351.15
Perdagangan	30,187	1,433,880,705.00	96,687,642.25
Perindustrian	8,152	1,234,085,395.00	91,711,458.45
Pertanian	19,929	154,607,103.00	1,266,956.01
Rumah Kedai	1,421	29,998,060.00	2,097,200.70
Tanah Pembangunan	483	263,729,980.00	9,248,195.00
JUMLAH	234,340	4,757,265,799.00	264,506,803.56

Jadual Jumlah Pegangan, Nilai Tahunan Dan Cukai Taksiran Senarai Nilai Sehingga 31 Disember 2015

KATEGORI	BANGUNAN	TANAH KOSONG
Kediaman	4%	3.5%
Kediaman Bertingkat	3.5%	3.5%
Industri	7.5%	7%
Perdagangan	7%	6.5%
Rumah Kedai	7%	6.5%
Pertanian	2%	1%
Pangsapuri Servis	5%	5%
Pembangunan Bercampur	-	3.5%

Jadual kadar peratus cukai taksiran untuk tahun 2015





JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

2.1.2 Menyemak Semula Senarai Nilai Kawasan Kampung-Kampung dan Kawasan yang Belum Dikenakan Nilai

Program ini dijalankan oleh 20 orang kakitangan tambahan secara kontrak untuk tempoh 2 tahun.

Melalui program ini kakitangan akan mengemaskini maklumat di dalam senarai Nilai keseluruhan pegangan terutama kawasan kampung atau tanah pertanian di kawasan Selatan dan Utara MBSA. Tugasan yang dilakukan seperti berikut:

- Kerja-kerja lawat periksa
- Penyediaan Laporan Nilai dan Penentuan Nilai Tahunan

Jumlah pegangan yang di periksa 9,000 pegangan dan hanya 5,432 di pinda.

(Kawasan – Kampung Kubu Gajah, Kampung Merbau Sempak, Kampung Sg. Plong, Kampung Budiman, sebahagian Kampung Paya Jaras.)

Jumlah hasil cukai taksiran RM 34,675.00

2.1.3 Mendengar Bantahan Nilai

Pada tahun 2015 Majlis telah mengadakan 4 kali Mesyuarat Mendengar Bantahan di mana pemilik-pemilik harta yang tidak berpuas hati dengan Nilai Tahunan yang ditetapkan telah membuat bantahan dan hadir dalam sesi pendengaran bantahan tersebut. Berikut adalah tarikh-tarikh bantahan yang diadakan di mana sebanyak **183 kes bantahan** / pegangan telah dibawa ke mesyuarat tersebut:-

PENGAL	TARIKH	JUMLAH PEGANGAN
1/2015	30.4.2015	30
2/2015	26.8.2015	114
	23.9.2015	1
1/2016	30.10.2015	38
Jumlah		183

2.1.4 Remisi (Pemulangan Balik Cukai Taksiran)

Kerja-kerja memproses permohonan tuntutan remisi dan pemulangan balik cukai taksiran bagi penggal pertama tahun 2015, Januari 2015 sehingga Julai 2015 serta memproses permohonan remisi bagi penggal kedua tahun 2015 (Julai – Disember 2015).

Sebanyak 758 permohonan remisi di terima dari bulan Januari 2015 hingga Disember 2015 dan sebanyak 595 tuntutan remisi telah diterima dan telah diproses. Hasilnya dari tempoh bulan Januari 2015 sehingga Julai 2015 Majlis telah memulangkan sebanyak **RM 633,627.00** cukai taksiran iaitu sebanyak 400 tuntutan daripada pemilik-pemilik harta.

2.1.5 Unit Sumbangan Membantu Kadar (SMK)

Unit ini menjalankan kerja-kerja sumbangan ke atas harta-harta milik Kerajaan, terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun. Sehingga 31 Disember 2015 jumlah pegangan yang telah dinilai adalah seperti berikut:-

	JUMLAH PEGANGAN
Kerajaan Persekutuan	454
Kerajaan Negeri	347
Berkanun	46

Jumlah keseluruhan penambahan hasil bagi Sumbangan Membantu Kadar adalah sebanyak **RM3,678,984.30**.

2.1.6 Senarai Nilai dan Pelan

Unit ini ditugaskan untuk mengemaskinkan data-data pemilik harta keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam dan juga memasukkan data-data harta yang baru dinilai. Selain daripada itu, unit ini juga menerima permohonan pindahmilik harta melalui borang I dan borang J, permohonan pertukaran alamat surat-menyurat, pembetulan ejaan nama, pembetulan nombor hakmilik, carian rasmi persendirian, menerima pelan-pelan perancangan, pelan tambahan pindaan bangunan, pelan bangunan dan juga salinan CF (Sijil Layak Menduduki Bangunan) yang diperolehi dari Jabatan Bangunan.

Mulai 1 Jun 2015 pihak Majlis mengenakan caj perkhidmatan untuk memproses Borang I sebanyak RM50 tidak termasuk 6% GST. Berikut adalah jumlah bagi setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Unit ini sepanjang tahun 2015.

AKTIVITI	JUMLAH
Permohonan Pindahmilik (Borang I dan Borang J)*	8,261
Permohonan Pertukaran Alamat, Ejaan Nama dan Pembetulan Hakmilik	1,682
Carian Rasmi Persendirian	4,810
Penerimaan Salinan CCC	334
Mengemaskini dan memasukan data untuk kes-kes pindaan nilai	23,023

* Pengenaan bayaran proses Borang I sehingga 31 November 2015 sebanyak RM 227,400.00

2.1.7 Menentukan Caj Pemajuan yang Dikenakan kepada Harta-Harta Semasa Kelulusan Dasar Permohonan Kebenaran Merancang

Sebanyak 25 kes telah dinilai dan dengan Jumlah Caj Pemajuan sebanyak RM 19,846,980.00.

2.2 SEKSYEN PENGURUSAN HARTA

2.2.1 Unit Pengurusan Penyewaan

Tugas utama Unit ini melibatkan kerja-kerja mengkaji, merancang, menguruskan penggunaan dan penyewaan harta-harta Majlis di bawah kawalan Jabatan agar memperoleh pendapatan optima di samping berusaha mengimbangkan keperluan sosial masyarakat setempat. Bagi mencapai objektif tersebut kajian menyeluruh tentang pulangan, kos yang terlibat kutipan hasil semasa dan usaha bagi mendapatkan hasil tertunggak perlu dijalankan secara berterusan dengan strategi yang terancang.

Unit ini bertanggungjawab menguruskan perolehan / penerimaan / pengurusan penggunaan dan penyewaan bangunan-bangunan untuk maksud kemudahan awam khasnya dewan, tadika, Dewan Auditorium, Dewan Bankuet, Teater Shah Alam, kiosk-kiosk taman, perhentian bas dan teksi sementara di Seksyen 13 Shah Alam. Di samping menguruskan permohonan penyewaan harta-harta komersial milik Majlis seperti ruang pejabat di bangunan Wisma MBSA, rumah kedai, kedai pejabat, kilang teres, tapak-tapak kosong, kuarters kakitangan dan rumah rehat bagi kemudahan kakitangan. Jumlah harta yang diuruskan untuk penyewaan adalah sebanyak 189 unit dimana sewa semasa sebanyak RM 816,209.00 sebulan.

Unit ini juga menguruskan proses penjualan sebanyak 40 unit harta-harta Majlis seperti rumah Pangsapuri Alora di Seksyen 25, rumah Pangsapuri Seksyen U5, lot banglo Seksyen U9, serta ruang komersial di Seksyen 7.

Unit ini juga menguruskan bayaran bagi bil elektrik, bil air dan bil Indah Water Konsortium (IWK) bagi aset-aset Majlis seperti bangunan Wisma MBSA, dewan orang ramai serta gerai / pasar milik Majlis. Sejumlah RM 1.8 juta telah dibelanjakan untuk bayaran bil elektrik, RM 693,000 untuk bekalan air serta RM 96,980.00 untuk perkhidmatan IWK. Manakala bayaran berjumlah RM 899,641.84 telah dibuat untuk cukai tanah dan taksiran untuk hartanah milik Majlis.

2.2.2 Unit Pengurusan Dewan Bankuet / Auditorium MBSA, Teater Shah Alam dan dewan-dewan Serbaguna Majlis

Tugas pengurusan dan sewaan dewan serbaguna, Bankuet / Auditorium telah diserahkan oleh Jabatan Korporat dan Pembangunan Komuniti ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta mulai 1 Julai 2015.

Unit ini menguruskan 45 unit Dewan Besar dan 18 unit Dewan Kecil. Tempahan dewan termasuk untuk aktiviti sukan, majlis perkahwinan, dan aktiviti kemasyarakatan. Sepanjang tahun 2015, Unit ini telah mengutip hasil sewaan daripada tempahan dewan sebanyak **RM 1,107 juta** dan kutipan sewaan Bankuet / Auditorium MBSA dan Teater Shah Alam sebanyak **RM 1,135,715.00**.



2.2.3 Unit Penswastaaan

Objektif Unit ini adalah meningkatkan pendapatan Majlis melalui pembangunan hartanah milik Majlis di samping menjimatkan kos pengurusan yang perlu ditanggung bagi membangunkan tanah-tanah kosong milik Majlis melalui projek-projek penswastaaan. Bentuk pelaksanaan yang biasa dijalankan oleh Majlis adalah:

- Penjualan / Pelupusan aset (B.O.O)
- Bina-Kendali-Serah(B.O.T)
- Pajakan Tanah

Bilangan projek penswastaaan yang telah siap sehingga tahun 2015 dan telah beroperasi adalah sebanyak 12 buah projek. Manakala projek penswastaaan yang sedang berjalan adalah sebanyak 9 buah projek. Projek penswastaaan yang sedang berjalan adalah seperti berikut:-

STATUS	JUMLAH
Projek Dalam Pembinaan	0
Projek Dalam Proses Kelulusan Pelan	2
Projek Dalam Proses Penyediaan Pelan	2
Projek Dalam Proses Pelawaan Penswastaaan	5
Jumlah	9



35

**Jabatan
Pelesenan**

39

**Jabatan
Perancangan**

44

**Jabatan
Bangunan**

1.0 PROFIL

Jabatan Pelesenan terbahagi kepada dua Seksyen iaitu:

- Seksyen Komposit
- Seksyen Penjaja

1.1 OBJEKTIF

- Menguruskan pengeluaran lesen secara efisien bagi meningkatkan hasil Majlis.
- Menyediakan peluang-peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil yang berdaya maju.
- Mengawal selia dan mengatur perniagaan dan industri melalui nilai-nilai bandar raya mampan.
- Melahirkan masyarakat yang memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan MBSA.
- Menjalin hubungan yang erat dengan lain-lain jabatan dan agensi demi mencapai matlamat Majlis.
- Memastikan tindakan penguatkuasaan dilakukan secara berhemah dan efektif mengikut undang-undang dan peraturan yang digunakan.

1.2 FUNGSI JABATAN

- Menguruskan pengeluaran lesen dan permit.
- Menguruskan penyewaan premis (kiosk, pasar dan gerai).
- Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan Majlis.
- Mengawal dan menjaga keselamatan dan harta benda Majlis.
- Menguruskan hal ehwal pentadbiran Jabatan Pelesenan.

1.3 PIAGAM PELANGGAN

- Meluluskan lesen perniagaan dalam tempoh 1 jam (lesen tidak berisiko, iklan kekal, bunting dan banner).
- Meluluskan lesen industri dalam masa 30 hari.
- Meluluskan pelbagai lesen dalam tempoh 14 hari bekerja (lesen hiburan, anjing, promosi jualan dan lain-lain).
- Mengeluarkan bil sewaan sebelum atau pada 3 hari bulan setiap bulan.

2.0 LAPORAN AKTIVITI JABATAN PELESENAN

2.1 SEKSYEN KOMPOSIT

2.1.1 LAPORAN PENGELUARAN LESEN

Pada tahun 2015, sebanyak 2,919 permohonan lesen telah diluluskan seperti berikut:

JENIS LESEN	BIL. LESEN LULUS 2015
Perindustrian	585
Perniagaan	1,323
Tempat Pengendali Makanan / Restoran	421
Tadika / Taska / Taski	32
Pembuangan Sampah	3
Hiburan	4
Iklan	127


JENIS LESEN	BIL. LESEN LULUS 2015
Anjing	78
Gerai / Kiosk Majlis	92
Pasar Majlis	22
Pasar Malam / Pasar Pagi / Penjaja Sementara	232
Jumlah	2,919

Jadual 1: Bilangan Lesen Yang Diluluskan Tahun 2015

Sehingga tahun 2015, jumlah lesen terkumpul yang telah dikeluarkan / diluluskan adalah sebanyak 29,011 yang terdiri daripada 6,687 lesen perindustrian, 9,929 lesen perniagaan, 1,936 lesen Tempat Pengendali Makanan, 251 lesen Tadika / Taska / Taski, 70 lesen pembuangan sampah, 61 lesen hiburan, 1,352 lesen iklan, 665 lesen anjing, 1,770 lesen gerai / kiosk Majlis, 523 lesen Pasar Majlis dan 5,767 lesen Pasar Malam / Pasar Pagi / Penjaja Sementara. Ringkasan laporan seperti di bawah:

JENIS LESEN	BIL. LESEN LULUS 2015
Perindustrian	6,687
Perniagaan	9,929
Tempat Pengendali Makanan / Restoran	1,936
Tadika / Taska / Taski	251
Pembuangan Sampah	70
Hiburan	61
Iklan	1,352
Anjing	665
Gerai / Kiosk Majlis	1,770
Pasar Majlis	523
Pasar Malam / Pasar Pagi / Penjaja Sementara	5,767
Jumlah	29,011

Jadual 2: Bilangan Lesen Terkumpul Tahun 2015



Graf 1: Bilangan Lesen Terkumpul Pada Tahun 2015

2.1.2 LAPORAN KUTIPAN LESEN

KUTIPAN HASIL SEBENAR LESEN DAN PERMIT SERTA LAIN-LAIN HASIL

Pada tahun 2015 jumlah keseluruhan kutipan lesen adalah sebanyak **RM15,712,282.43** juta yang terdiri dari kutipan lesen industri sebanyak RM5,422,309.40, perniagaan RM3,454,799.77, iklan RM1,873,876.86, penyediaan tempat makanan RM710,420.00, hiburan RM326,180.00, pusat asuhan kanak-kanak RM32,100.00, gerai / pasar Majlis RM420,373.85, pelbagai permit RM3,256,702.55, dan pelbagai lesen RM215,520.00. Keseluruhan kutipan lesen 2015 telah menurun sebanyak RM466,499.27 atau 2.88% dari tahun 2014.

PERKARA	2011	2012	2013	2014	2015
Industri	2,599,070.00	3,023,215.00	4,478,085.00	5,902,410.00	5,422,309.40
Perniagaan	2,226,961.00	2,674,897.00	3,035,197.00	3,394,233.00	3,454,799.77
Iklan	1,618,102.00	1,923,626.00	1,800,533.50	2,093,109.70	1,873,876.86
Penyediaan Tempat Makanan	553,350.00	681,310.00	652,530.00	750,470.00	710,420.00
Hiburan	155,268.00	292,734.00	311,190.00	288,000.00	326,180.00
Pusat Asuhan Kanak-Kanak	23,100.00	28,200.00	32,100.00	25,350.00	32,100.00
Gerai / Pasar Majlis	521,877.00	598,613.00	513,016.00	502,832.00	420,373.85
Pelbagai Permit	1,463,753.00	1,808,936.70	2,262,064.00	2,981,187.00	3,256,702.55
Pelbagai Lesen	152,730.00	151,110.00	185,110.00	241,190.00	215,520.00
Jumlah A	9,314,211.00	11,182,641.70	13,269,825.00	16,178,781.70	15,712,282.43

Jadual 3: Kutipan Lesen dan Permit dari Tahun 2011 hingga 2015

Pada tahun 2015, sebanyak **2,422** akaun lesen ditutup melibatkan jumlah hasil yang tidak dapat dikutip sebanyak **RM1,437,755.42**. Berikut adalah kategori lesen dan bilangan lesen yang ditutup:

KATEGORI LESEN	BILANGAN LESEN DITUTUP	AMAUN LESEN (RM)
Industri	481	567,391.62
Perniagaan	1,163	577,154.00
Iklan	209	39,522.20
Penyediaan Tempat Makanan	334	123,059.00
Hiburan	17	69,778.00
Pusat Asuhan Kanak-Kanak	3	637.00
Anjing	131	2,125.00
Gudang	74	51,409.60
Buang Sampah	5	4,520.00
Menyimpan Bahan Bahaya	5	2,159.00
Jumlah Perbelanjaan	2,422	1,437,755.42

Jadual 4: Bilangan Lesen Tutup Tahun 2015

Lesen ditutup disebabkan faktor-faktor berikut:-

- Lesen-lesen tidak diperbaharui sehingga 31 Disember 2015
- Premis sudah berpindah
- Premis sudah tidak beroperasi
- Perlanggaran syarat-syarat Majlis

Manakala bagi hasil-hasil lain adalah sebanyak RM2,432,514.26 juta yang terdiri daripada bayaran perkhidmatan RM2,012,426.90, pelbagai jualan RM351,905.80, denda / caj lewat RM 68,181.56.

PERKARA	2011	2012	2013	2014	2015
Bayaran Perkhidmatan	1,774,258.00	671,930.16	677,911.76	1,271,122.26	2,012,426.90
Pelbagai Jualan	293,459.00	320,897.00	332,273.00	379,487.00	351,905.80
Denda / Caj Lewat	108,782.00	125,414.00	79,860.50	53,072.10	68,181.56
Jumlah B	2,176,499.00	1,118,241.16	1,090,045.26	1,703,681.36	2,432,514.26

Jadual 5: Kutipan Hasil-Hasil Lain dari Tahun 2011 hingga 2015

2.1.3 PENGHANTARAN NOTIS PEMBAHARUAN LESEN 2016

Semua pemegang lesen di kawasan pentadbiran MBSA dikehendaki untuk memperbaharui lesen bagi tahun 2016 sebelum atau pada tarikh tamat lesen. Jabatan Pelesenan telah menghantar sebanyak 14,393 Notis Pembaharuan Lesen pada bulan Oktober 2015. Bagi mengaktifkan akaun lesen, bayaran dikenakan sebanyak RM50.00 bagi perniagaan dan RM100.00 bagi Industri. Kos pentadbiran sebanyak 10% dari kadar lesen dikenakan selepas satu (1) bulan lesen tamat jika masih tiada lagi bayaran dibuat. Pembaharuan lesen boleh dibuat untuk tempoh satu (1), dua (2) atau tiga (3) tahun bagi lesen-lesen perniagaan yang tidak berisiko. Contoh Notis Pembaharuan Lesen 2016 yang telah diposkan adalah seperti berikut:



NOTIS PEMBAHARUAN LESEN 2016

2.1.4 KAUNTER PEMBAHARUAN LESEN

Bagi melancarkan proses pembaharuan lesen tahun 2016, Jabatan mengambil inisiatif untuk menyediakan kaunter bayaran bergerak di pusat membeli belah di beberapa lokasi terpilih. Kaunter bayaran pembaharuan lesen telah bermula pada 25 November 2015 dan berakhir pada 21 Disember 2015. Sepanjang tempoh pembukaan kaunter tersebut jumlah kutipan yang diterima adalah sebanyak **RM48,791.80**.

2.1.5 LESEN 1 JAM

Lesen 1 Jam telah mula dilaksanakan pada 14 September 2011. Lesen 1 jam diperkenalkan untuk mempermudah urusan permohonan lesen perniagaan kepada orang ramai khususnya kepada pelabur dalam dan luar negara yang ingin memulakan perniagaan mereka di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam. Sehingga kini terdapat 90 aktiviti lesen yang boleh diluluskan dalam masa 1 jam. Jumlah lesen 1 jam yang telah diluluskan sehingga Disember 2015 adalah sebanyak **2,012** seperti berikut:

BULAN / TAHUN	BILANGAN LESEN 1 JAM
(14/9-31/12/2011)	76
2012	530
2013	405
2014	563
2015	437
Jumlah	2,012

Jadual 6: Bilangan Lesen 1 Jam Terkumpul Tahun 2011 hingga 2015

2.2 SEKSYEN PENAJA

2.2.1 LAPORAN SEWAAN PREMIS MAJLIS

Tahun 2015, Unit Gerai dan Pasar telah menerima sebanyak 609 permohonan penyewaan meliputi permohonan gerai, pasar dan kiosk. Sebanyak 114 permohonan penyewaan telah diluluskan untuk premis-premis Majlis manakala selebihnya tidak dapat dipertimbangkan berdasarkan beberapa faktor seperti tiada kekosongan, jenis jualan yang tidak sesuai dan borang tidak lengkap. Berikut adalah data permohonan penyewaan gerai, pasar dan kiosk yang diterima oleh Seksyen Penaja:

Perkara	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
Gerai Majlis	27	28	22	11	108	6	9	43	28	34	22	18	356
Pasar Majlis	—	2	16	4	94	13	3	5	7	18	2	16	180
Kiosk Majlis	5	4	7	6	—	2	2	11	8	12	6	10	73
Jumlah	32	34	45	21	202	21	14	59	43	64	30	44	609

Jadual 7: Permohonan Penyewaan Gerai, Pasar Dan Kiosk Majlis Tahun 2015

Jabatan Pelesenan juga telah menyediakan kemudahan kutipan di tapak setiap premis Majlis dengan menggunakan khidmat Kaunter Bergerak secara berjadual. Berikut adalah jumlah kutipan yang dibuat melalui Kaunter Bergerak di tapak sepanjang tahun 2015:

PERKARA	JUMLAH KUTIPAN (RM) (JANUARI-DISEMBER 2015)
Gerai	335,454.70
Pasar	299,985.23
Kiosk	6,491.00
Medan Selera	36,438.30
Jumlah	678,369.23

Jadual 8: Jumlah Kutipan Kaunter Bergerak Tahun 2015

Jumlah kutipan sewa sebenar bagi tahun 2015 untuk semua premis Majlis termasuk medan selera, gerai, pasar, kiosk dan sewa tapak penaja adalah **RM3,615,515.01**. Peratus pencapaian adalah **90.32%**.

2.2.2 LAPORAN OPERASI SITAAN DAN PENUTUPAN PREMIS

Sepanjang tahun 2015, Unit Gerai telah mengambil tindakan menutup atau menamatkan penyewaan premis / akaun ke atas 27 penyewa. Sebanyak 48 operasi pemeriksaan dan 17 operasi sitaan telah dijalankan oleh Unit Pemantauan, Jabatan Pelesenan ke atas premis-premis Majlis yang mempunyai tunggakan sewaan atau utiliti yang tinggi serta melanggar syarat / dasar penyewaan yang ditetapkan oleh Majlis.

2.2.3 LAPORAN PERMIT BAZAR RAMADAN MBSA 2015/ 1436H

Permohonan permit Bazar Ramadan MBSA 2015/1436H telah mula dibuka mulai 1 hingga 10 April 2015 bagi tempoh 10 hari dan sebanyak 2,650 lot Bazar Ramadan ditawarkan oleh Majlis. Borang yang dikeluarkan adalah percuma dan boleh dibuat salinan oleh pemohon. Pemohon juga boleh mendapatkan borang Bazar Ramadan secara muat turun daripada laman portal MBSA.

Pada tahun 2015 pihak Jabatan telah mengeluarkan sebanyak 2,246 permit untuk 27 lokasi tapak Bazar Ramadan di bawah pengurusan pihak Majlis dan 6 lokasi yang diuruskan oleh pihak JKKK, Persatuan dan Swasta. Hasil kutipan permit Bazar Ramadan tahun 2015 adalah sebanyak RM332,058.15.



Sesi penyerahan penutup kepala & apron kepada peniaga oleh Tn. Hj. Rosli b. Bakar, Timbalan Setiausaha MBSA



2.2.4 LAPORAN PERMIT BAZARAYA 2015/1436H

Bagi tahun 2015/1436H, pihak Majlis telah mengeluarkan sebanyak 16 permit bazaraya di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam dengan hasil permit sebanyak RM 120,222.00. Hasil bagi tahun ini meningkat sebanyak 25.56% berbanding dengan tahun 2014 iaitu sebanyak RM 95,746.00 sahaja.

Senarai kutipan permit bazaraya dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

PEMOHON	LOKASI	BILANGAN TAPAK	AMAUN (RM)
Jakel Trading Sdn Bhd	Tanah lapang belakang Petronas	1	7,000.00
Emhetch Resources	Kawasan Roshni Bazar	11	2,790.00
Evergreen Venus Sdn Bhd	Plaza Shah Alam	54	8,100.00
PKNS Real Estate	Kompleks PKNS Shah Alam	143	30,030.00
PKNS Real Estate	SACC Mall dan Dataran Barat SACC Mall	118	24,472.00
MRCB Sentral Properties Sdn Bhd	Plaza Alam Sentral	34	5,100.00
Alam Gapura Group	Tempat letak kereta pekerja Giant Sek 18	6	2,340.00
PUAM (Persatuan Usahawan Anggerik Mall)	Anggerik Mall	42	3,780.00
K Town Event Management	Tempat letak kereta Plaza Shah Alam	18	2,700.00
Tesco Store (M) Sdn Bhd	Tesco Seksyen 13	10	1,500.00
Metropolitan Property	Perkarangan Pasaraya Ole-Ole	55	11,520.00
Bravura Event	Setia City Mall	16	1,440.00
PKNS Biz Point	PKNS Biz Point Sek 7	12	1,800.00
Wakil Peniaga Kecil Subang Bestari (U5)	Jalan Nova Subang Bestari U5	70	6,300.00
Persatuan Penduduk Paya Jaras Permai	Bandar Baru Sungai Buloh Seksyen U20	100	7,000.00
Wakil peniaga Car Boot Sale TSB	Tempat letak kereta TSB	87	4,350.00
Jumlah			120,222.00

Jadual 9: Senarai Kutipan Permit Bazaraya Tahun 2015

2.2.5 LAPORAN BENGKEL PENGURUSAN PENJAJA

Pada 6 hingga 8 Ogos 2015, Jabatan Pelesenan telah mengadakan Bengkel Pengurusan dan Pembangunan Penjaja Majlis Bandaraya Shah Alam di KSL Hotel & Resort Johor Bahru, Johor Darul Takzim. Seramai 13 orang Ahli Majlis dan 28 kakitangan dari pelbagai Jabatan dalaman telah mengambil bahagian di dalam bengkel tersebut.

Bengkel Pengurusan dan Pembangunan Penjaja ini diadakan bertujuan untuk menyediakan Pelan Tindakan Pengurusan Penjaja yang lebih efektif bagi menangani masalah penempatan penjaja-penjaja kecil di dalam kawasan pentadbiran MBSA.

Lawatan Rasmi ke Majlis Bandaraya Johor Bharu (MBJB)



1.0 PROFIL

1.1 PENGENALAN

Jabatan Perancangan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perancangan pembangunan sesebuah kawasan. Ini adalah sejajar dengan status Shah Alam sebagai sebuah Bandar Terancang. Kakitangan di Jabatan Perancangan terdiri daripada 64 orang kakitangan.

JAWATAN	JUMLAH KAKITANGAN
Pengarah	1
Timbalan Pengarah	2
Pegawai Perancang Bandar	5
Penolong Pegawai Perancang Bandar	40
Juruteknik Perancang Bandar	2
Setiausaha Pejabat	1
Penolong Pegawai Tadbir	1
Pembantu Tadbir (Kanan)	1
Pembantu Tadbir (P/O)	7
Pembantu Operasi	1
Pembantu Am Pejabat	1
Pemandu Kenderaan	2
Jumlah Keseluruhan	64 orang

1.2 OBJEKTIF JABATAN

1. Membentuk strategi perancangan dan pembangunan.
2. Menyediakan rancangan pembangunan yang merangkumi rancangan struktur, rancangan tempatan dan pelan-pelan bangunan.
3. Merancang, menyusun dan mengawal pembangunan tanah dan bangunan.
4. Mengkaji, merancang dan menyelaraskan pelaksanaan projek-projek khas Majlis.
5. Membuat penyelidikan mengenai perancangan dan pembangunan Bandar.
6. Memantau, melaksana dan mempromosi Agenda 21 Tempatan (LA21) Shah Alam.
7. Memastikan pelaksanaan program Bandar Selamat di Shah Alam.
8. Menyelaraskan, melaksana, memajukan, membangunkan dan memastikan kejayaan pelaksanaan projek sistem maklumat geografi (GIS).

1.3 FUNGSI JABATAN

1. Memproses permohonan kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan dan tukar guna bangunan.
2. Penyelarasan penamaan kawasan, jalan dan bangunan.
3. Menyelaraskan setinggan / gerai tanpa kebenaran dan kilang tanpa kebenaran.
4. Menyelaraskan pembangunan mampan Shah Alam.
5. Menyelaraskan pengangkutan awam.
6. Penyediaan rancangan pemajuan.
 - Rancangan Struktur Negeri Selangor.
 - Rancangan Tempatan Daerah Petaling dan Sebahagian Daerah Klang.
 - Rancangan Kawasan Khas.
 - Tanah Rezab Melayu.
 - Kampung Tradisional
7. Penguatkuasaan perancangan (salahguna tanah / salahguna bangunan).
8. Menyokong permohonan lesen, pelan bangunan, sijil layak menduduki bangunan (CF), lesen kenderaan perdagangan.
9. Memantau pembangunan rumah kos rendah.
10. Memberi ulasan penswastaaan (tanah & bangunan).
11. Menyediakan 'Geography Information System' (GIS).
12. Menyelaraskan garis panduan piawaian perancangan.

2.0 AKTIVITI DAN PENCAPAIAN JABATAN


2.1 PENYEDIAAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN (PENGUBAHAN 3)



LAPORAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN MBSA (PENGUBAHAN 3) 2020

2.1.1 PENYEDIAAN LAPORAN RT MBSA (PENGUBAHAN 2) 2020






PELAN CADANGAN GUNATANAH
RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS
BANDARAYA SHAH ALAM
(PENGUBAHAN 3) 2020

PELAN GUNATANAH SEMASA RANCANGAN
TEMPATAN MAJLIS BANDARAYA SHAH
ALAM (PENGUBAHAN 3) 2020

2.2 PENYEDIAAN GARISPANDUAN REKABENTUK BANDAR (UDG) BAGI PEMBANGUNAN PUSAT BANDAR SEKSYEN 14, SHAH ALAM

Bengkel UDG telah diadakan pada 4 November 2015 di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam



2.3 MEMPROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PELAN SUSUNATUR

KEBENARAN MERANCANG	KUANTITI
Baru	41
Pindaan	48
Lanjut Tempoh	8
Jumlah	97

Hasil kutipan bayaran Fee Tahunan 2015:

- Fee KM : RM 1,016,032.13
- Fee Pindaan KM : RM 298,277.96
- Bayaran Caj Pemajuan : RM 27,642.965.80

2.4 MEMPROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PENDIRIAN BANGUNAN

KEBENARAN MERANCANG	KUANTITI
Baru	122
Pindaan	82
Lanjut Tempoh	18
Billboard	24
Telco	24
Jumlah	270

2.5 MEMPROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PERUBAHAN MATERIAL PENGGUNAAN BANGUNAN

PERMOHONAN KM TUKAR GUNA BANGUNAN	KUANTITI
Kedai Pejabat Kepada Asrama	0
Kediaman Kepada Perniagaan (Tadika & Taska)	
- Baru	44
- Pembaharuan KM	71
Kilang / Gudang Kepada Perniagaan	0
Kedai Pejabat Kepada Hotel	12
Kedai Pejabat Kepada Institusi (sekolah / tadika / taska / pusat jagaan)	8
Jumlah	137

2.6 PENGUATKUASAAN PERANCANGAN PENGELUARAN NOTIS DI BAWAH AKTA 172:

PERKARA	KUANTITI
Notis Di Bawah Seksyen 27	196
Notis Di Bawah Seksyen 28	116
Jumlah	312

2.6.1 PENYELARASAN BILLBOARD DI KAWASAN SHAH ALAM

i. Laporan Inventori Papan Iklan

PERKARA	KUANTITI
Lulus TOL	34
Dalam proses (TOL)	102
Rezab Persekutuan	13
Tanah Persendirian	12
Parapet	0
Jumlah	161

Hasil kutipan Bayaran Sewaan 2015 : RM1,104,500.00

ii. Permohonan Pembaharuan Lesen Menduduki Sementara (TOL)

- Jumlah permohonan : 96
- Kos bayaran TOL 2015 : RM297,000.00

2.7 OPERASI BERSEPADU

i. Hotel


- Tiada operasi bersepadu dilaksanakan

STATUS	JUMLAH PREMIS
Ada KM (masih sah)	11
Ada KM (tamat tempoh)	16
Dalam Proses KM	17
Tiada Kelulusan	5
Jumlah	49

ii. Tadika / Taska / Pusat Jagaan

- Operasi pemantauan papan tanda tadika / taska / pusat jagaan di kediaman pada 7 September 2015
- Selain daripada lawatan tapak, pengeluaran notis terhadap tadika / taska / pusat jagaan juga telah diedarkan kepada pengusaha

STATUS KELULUSAN	TADIKA	TASKA	PUSAT JAGAAN	JUMLAH
Ada Kelulusan	75	46	28	149
Tiada Kelulusan	125	78	25	228
Jumlah	200	124	53	377



Lokasi : Seksyen 7, U10, U12 dan U13, Setia Alam



Pengeluaran Notis Terhadap Tadika / Taska Dan Pusat Jagaan Juga Telah Diedarkan Kepada Pengusaha

2.8 TINDAKAN DAN PENYELESAIAN KILANG-KILANG TANPA KEBENARAN

Belum Kemuka KM	787
Dalam Proses KM	104
Lulus KM	76

- Sebanyak 787 surat peringatan telah dikeluarkan kepada pemilik / pengusaha kilang-kilang tanpa kebenaran

2.9 KOMUNITI BERPENGAWAL

a) Taklimat komuniti berpengawal kepada pemaju dan persatuan penduduk

- Taklimat kepada Persatuan Penduduk di Kota Kemuning telah diadakan pada 2 Disember 2015
- Taklimat di “Kolokium Perancangan Bandar Dalam Pembangunan Perumahan Guarded dan Gated di Malaysia” kepada pemaju, perunding, agensi kerajaan dan wakil
- Lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Pulau Pinang bagi pelaksanaan program skim komuniti berpengawal di Pulau Pinang


b) Mengeluarkan notis secara pentadbiran kepada komuniti berpengawal yang baru beroperasi tanpa kelulusan Majlis

STATUS PERMOHONAN	JUMLAH
Ada Kelulusan	108
Tiada Kelulusan	138
Jumlah	246

2.10 PELAKSANAAN LA21 SHAH ALAM

- Pelaksanaan Program-Program LA21 Di Bawah Jawatankuasa Kerja 5 Pelan Tindakan:

- > Green Showcase sempena Earth Hour Shah Alam (28 Mac 2015) bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam




- > Program Community Policing Shah Alam & Penyerahan Cek Kepada MPP Zon Sempena Mesyuarat JK Bandar Selamat dan Bebas Halangan



2.11 NKRA BANDAR SELAMAT

- Penyediaan Laporan Statistik Jenayah di Kawasan MBSA
 - Di bawa ke Mesyuarat JK Bandar Selamat & Bebas Halangan yang telah bersidang 5 kali (13 Januari 2015, 9 Mac 2015, 19 Mei 2015, 13 Julai 2015 & 18 September 2015)
- Mengemaskini Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) Data Dikemaskini:
 - Cadangan Projek Hotspot & Blackspot 2016
 - Cadangan Pemasangan CCTV MBSA 2015 & 2016
 - Pengumpulan Data Indeks Jenayah setiap bulan bagi PBT Selangor



Lokasi 'hotspot' yang dikenalpasti

2.12 NKRA : PENGANGKUTAN AWAM

- a) Pembinaan Hentian Akhir Bandar Seksyen 19, Shah Alam



- b) Pembinaan Hentian Akhir Bandar Seksyen 17, Shah Alam



- c) Menyelaraskan Projek-Projek Pengangkutan Awam Shah Alam:-
- Light Rail Transit (LRT) Kelana Jaya Line
 - MRT Sg. Buloh – Kajang
 - Bus Rapid Transit
 - Light Rail Transit 3
 - Mass Rapid Transit 2 Sg. Buloh – Putrajaya
 - Lebuhraya DASH
 - Bus Panel
 - Park Way Drop Zone

2.13 PROJEK PETUNJUK BANDAR MAMPAN (MURNInet)



MBSA telah memperolehi tahap kemampunan 95% yang diumumkan sempena **Hari Perancangan Bandar Sedunia 2015** pada 3 November 2015.



2.14 PELAKSANAAN PROGRAM LA21 SHAH ALAM

- Lawatan Sambil Belajar Ke Dewan Jubli Perak SUK Selangor Bagi Pelaksanaan Sistem Penggunaan Air Hujan (SPAH) pada 22 April 2015 di Dewan Jubli Perak, SUK Selangor
- Sesi Townhall Dan Majlis Menandatangani Kerjasama Antara KeTTHA, MGTC Dan MIP pada 8 Jun 2015 di Auditorium, Wisma MBSA



- Lawatan Teknikal Bagi Penanda Arasan Projek Ke Arah Bandar Rendah Karbon pada 14 – 15 September 2015 di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)



2.15 PUBLISITI DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR 2035

- Pameran telah diadakan di Ruang Legar Wisma MBSA pada 1 hingga 30 September 2015 dan di Dewan Bankuet MBSA sempena Hari Bertemu Pelanggan.



2.16 PERLAKSANAAN PERKHIDMATAN BAS SELANGORKU



Data bilangan penumpang bagi perkhidmatan bas percuma 'Bas Selangorku' Bulan Disember 2015

Date	Day	No Of Buses	Total Trip	Total Pax	Pax Per Bus
01-DIS	Tue	4	61	1,985	496
02-DIS	Wed	4	61	1,989	497
03-DIS	Thu	4	61	1,939	485
04-DIS	Fri	4	61	1,734	434
05-DIS	Sat	4	61	1,304	326
06-DIS	Sun	4	61	1,012	253
07-DIS	Mon	4	61	1,692	423
08-DIS	Tue	4	61	1,742	436
09-DIS	Wed	4	61	1,648	412
10-DIS	Thu	4	61	1,943	486
11-DIS	Fri	4	61	1,669	417
12-DIS	Sat	4	61	1,405	351
13-DIS	Sun	4	61	1,356	339
14-DIS	Mon	4	61	1,163	291
15-DIS	Tue	4	61	1,434	359
16-DIS	Wed	4	61	1,590	398
17-DIS	Thu	4	61	1,163	291
18-DIS	Fri	4	61	1,507	377
19-DIS	Sat	4	61	1,333	333
20-DIS	Sun	4	61	1,159	290
21-DIS	Mon	4	61	1,335	334
22-DIS	Tue	4	61	1,674	419
23-DIS	Wed	4	61	1,445	361
24-DIS	Thu	4	61	1,307	327
25-DIS	Fri	4	61	1,146	287
26-DIS	Sat	4	61	1,300	325
27-DIS	Sun	4	61	1,370	343
28-DIS	Mon	4	61	1,374	344
29-DIS	Tue	4	61	1,591	398
30-DIS	Wed	4	61	1,284	321
31-DIS	Thu	5	61	1,284	257
TOTAL			1,891	45,877	

4.0 RUMUSAN

ANALISA MAKLUMBALAS KEPUASAN PELANGGAN TAHUN 2015

PERKARA	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Masa menunggu	8	17	9	22	3	12	10	3	7	7	5	4	107
Borang permohonan dan lain-lain borang	6	13	8	16	1	7	6	1	4	5	2	2	71
Layanan kakitangan	8	16	10	22	4	12	10	3	6	7	5	4	107
Penerangan / panduan jelas	6	16	10	21	4	11	11	3	6	7	5	3	103
Keselesaan ruang menunggu	8	17	10	21	4	11	9	2	5	7	5	5	104
Pengalaman Keseluruhan dengan MBSA	8	15	9	20	4	10	10	3	5	7	5	3	99
Jumlah 'CEMERLANG'	44	94	56	122	20	63	56	15	33	40	27	21	591

PERKARA	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Masa menunggu	3	4	3	4	3	5	2	0	4	0	1	2	31
Borang permohonan dan lain-lain borang	4	4	3	7	4	7	3	1	5	1	2	4	45
Layanan kakitangan	3	5	2	4	3	8	2	0	5	0	1	3	36
Penerangan / panduan jelas	5	5	2	5	3	7	2	0	5	0	1	4	39
Keselesaan ruang menunggu	3	4	1	4	3	6	2	1	6	0	1	3	34
Pengalaman Keseluruhan dengan MBSA	3	5	1	5	2	8	2	0	6	0	1	5	38
Jumlah 'BAIK'	21	27	12	29	18	41	13	2	31	1	7	21	223

- Melalui analisa maklumbalas kepuasan pelanggan tahun 2015, Jabatan Perancangan cemerlang dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

1.0 PROFIL

1.1 OBJEKTIF JABATAN

Memastikan bangunan yang dibina mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang supaya keselamatan dan kesejahteraan penduduk di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam terjamin.

1.2 FUNGSI JABATAN

- Memproses dan meluluskan pelan-pelan yang diterima untuk Cadangan Bangunan Baru, Tambahan Dan Pindaan Kepada Bangunan Sedia Ada, Pelan Pindaan Kepada Pelan Lulus Dan Pelan Setara bagi Rumah Teres Kediaman 1 tingkat dan 2 tingkat.
- Memproses dan meluluskan permohonan permit pelan setara untuk Permit Binaan Sementara seperti dinding sesekat (partition) dan bumbung sengkup (awning) bagi rumah kedai / kedai pejabat, permohonan Permit Bangunan Sementara seperti kongsi, kabin, kantin, 'shed' serta permohonan Permit Menara Telekomunikasi Dan 'Billboard'.
- Merekabentuk dan menyelia pembinaan projek-projek khas Majlis seperti gerai, dewan, 'food court' serta pelan-pelan cadangan untuk program berkaitan Local Agenda 21 seperti Bandar Selamat.
- Menerima Perakuan Kelayakan Menduduki (CCC) yang merangkumi borang-borang dari G1 hingga G21 serta Borang F yang dikemukakan oleh Perunding ke Jabatan Pusat Setempat (OSC) untuk tindakan rekod Jabatan dan pemeriksaan tapak untuk tindakan pemulangan wang cagaran.
- Melakukan pemeriksaan tapak serta mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) selepas permohonan Borang E diterima.
- Memantau dan memeriksa serta menguatkuasakan Undang-Undang terhadap pembinaan yang dibina tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Majlis.
- Memantau pembinaan di tapak agar mematuhi syarat-syarat dan peraturan Majlis.
- Memantau projek-projek terbengkalai bagi memastikan pemaju meneruskan tanggungjawab mereka sehingga projek siap dibina dan CF / CCC dikeluarkan.
- Bertindak ke atas aduan yang berkaitan dengan masalah bangunan dan pembinaan.

1.2 AKTA-AKTA YANG DIGUNAPAKAI

- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL)
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

2.0 TUGAS UTAMA JABATAN

Jabatan Bangunan terbahagi kepada 3 Seksyen iaitu:

2.1 SEKSYEN PELAN

- Unit Pelan Pembangunan
- Unit Projek & Penswastan

Sepanjang tahun 2015 Unit Pelan Pembangunan telah memproses sebanyak 1626 permohonan untuk diluluskan.

Manakala Unit Projek & Penswastan pula telah menyediakan 4 rekabentuk bagi projek Majlis, menyelia dan mengurus projek bagi 5 projek Majlis yang sedang dalam pembinaan serta 2 projek usahasama antara Majlis dan Kerajaan Persekutuan. Sebanyak 6 projek lagi dijangka bermula pada tahun 2015.

2.2 SEKSYEN KAWALAN BANGUNAN & PENGUATKUASAAN

- Unit Penguatkuasaan & Kawalan Bangunan
- Unit Kualiti & Pentadbiran

Unit Penguatkuasaan & Kawalan Bangunan telah memproses dan meluluskan sebanyak 1668 permohonan pelan bagi Cadangan Baru Banglo dan Cadangan Tambahan / Pindaan bagi kediaman sedia ada. Dalam tahun 2015 sebanyak 18 operasi penguatkuasaan (operasi meroboh) telah dilaksanakan. Operasi melibatkan struktur haram yang dibina dilorong belakang kedai yang menimbulkan kacau ganggu dan halangan kepada laluan orang awam.

Unit Kualiti & Pentadbiran pada tahun 2015 telah berjaya mengetengahkan 2 Kumpulan Inovasi yang terdiri dari kakitangan Jabatan Bangunan dan dibantu oleh kakitangan dari Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Penguatkuasaan, MBSA.


2.3 SEKSYEN PROJEK KHAS

- Unit Permit


Unit Permit telah memproses sebanyak 2980 permohonan permit untuk diluluskan. Di samping itu juga Unit Permit bertanggungjawab dalam memberi sokongan kepada Permohonan Lesen Komposit yang diterima daripada Jabatan Pelesenan dan Jabatan Penguatkuasaan. Sebanyak 2380 permohonan permit telah diterima dalam tahun 2015. Tujuan pemeriksaan adalah untuk memastikan pemilik atau pengusaha perniagaan mendapatkan kelulusan Permit Binaan Sementara (sekiranya bercadang atau telah pun membina binaan sementara) terlebih dahulu sebelum Lesen Perniagaan dikeluarkan oleh Jabatan Pelesenan.

3.0 LAPORAN AKTIVITI JABATAN BANGUNAN

3.1 KATEGORI PERKHIDMATAN



3.2 KATEGORI PENGUATKUASAAN



3.3 KATEGORI PROJEK MAJLIS

3.3.1 PAGAR

Cadangan Membina Pagar Di Kawasan Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

3.3.2 HENTIAN AKHIR BANDAR (HAB)

- Cadangan Membina Dan Menyiapkan Hentian Akhir Bandar (HAB) Bas Dan Teksi Di Tapak Hentian Bas Sedia Ada Di Atas Lot No. 3 & 5, Jalan Jenulung 17/21, Seksyen 17, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Di Bawah Peruntukan Kerajaan Persekutuan Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.

- Cadangan Merekabentuk Dan Menyiapkan Hentian Akhir Bandar (HAB), Hentian Teksi Dan Laluan Pejalan Kaki Di Atas Lot No. 1, Serta Sebuah Pencawang Elektrik Di Atas Sebahagian Lot No.2, Jalan Parang 19/18A, Seksyen 19, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Di Bawah Peruntukan Kerajaan Persekutuan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

3.3.3 MEDAN SELERA

Cadangan PKPL No. MBSA/BGN/BB/600-1/SEK:19/0188-2010 Bertarikh 8.11.2010 Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Medan Selera 1 Tingkat Yang Mengandungi : 12 Unit Gerai, 2 Unit Kedai Serbaneka, Ruang Makan Terbuka, 1 Unit Pusat Pengumpulan Pinggan / Mangkuk, 1 Unit Pejabat Penyelenggaraan Serta Membina Sebuah Restoran 1 Tingkat, 2 Unit Tandas Lelaki & Wanita, 1 Unit Tandas OKU, 1 Unit Rumah Sampah Dan Dataran Terbuka Serta 1 Unit Wakaf Di Atas Lot No.2, Jalan Gambala 19/9, Seksyen 19, 40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.



3.3.4 GERAJ DAN KEDAI 2 TINGKAT

- Cadangan Meroboh Gerai Sementara Sedia ada, Merekabentuk Dan Menyiapkan Gerai Serta Kedai 2 Tingkat Di Atas Lot No.1, Dan Tempat Letak Kereta Di Atas Lot No. 3, Jalan Pulau Angsa A U10/A, Seksyen U10, 40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.
- Cadangan Meroboh Gerai Sedia Ada Dan Membina Semula Gerai Dan Kedai 2 Tingkat Di Jalan Utas 15/7, Seksyen 15, 40100 Shah Alam Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

3.3.5 BANGUNAN PASAR 6 TINGKAT

Cadangan Merekabentuk Dan Membina Sebuah Bangunan Pasar 6 Tingkat Yang Mengandungi:

- 1 Tingkat Separa Basement
- 3 Tingkat Pasar (60 Unit Gerai Basah, 56 Unit Gerai Kering, 19 Unit Kiosk Dan 79 Unit Gerai Makan)
- 3 Tingkat Tempat Letak Kereta

Di Atas Lot No.2, Jalan Mewah 25/63, Seksyen 25, 40400 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

3.3.6 PENTAS DAN RUANG BERBUMBUNG

Cadangan Membina Pentas Dan Ruang Berbumbung Di Atas Tapak Pentas Sedia ada Di Kawasan Rekreasi Seksyen 10, 40000 Shah Alam, Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

3.3.7 DEWAN PERBANDARAN (COUNCIL CHAMBER)

Cadangan Merekabentuk Serta Menaiktaraf Dewan Perbandaran (Council Chamber) Dan Ruang-Ruang Sokongan Di Tingkat 1 (Lif B), Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.


3.3.8 PUSAT SETEMPAT PERKHIDMATAN MBSA (ONE STOP SERVICE CENTRE – OSSC)

Cadangan Merekabentuk Dan Membina Pusat Setempat Perkhidmatan MBSA (One Stop Service Centre – OSSC) Di Tingkat LG (Lif B) Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.


3.3.9 DEWAN BANKUET

Cadangan Merekabentuk Dan Membina Sebuah Dewan Bankuet, Di Atas Lot No. 1051, Jalan Aerobik 13/14, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

4.0 KATEGORI PENTADBIRAN



PROGRAM / AKTIVITI	PERANCANGAN (RM)	PENCAPAIAN (RM)
Bayaran Yuran Permit Bangunan & Binaan Sementara (kongsi, kabin, hoarding, dan lain-lain binaan di tapak pembinaan, 'Shed', 'partition', 'awning' 'grill', menara telekomunikasi dan 'billboard') Kod Hasil : 71810	1,027,210.00	1,027,210.00
Bayaran Yuran Permit Letak Bahan Binaan Kod Hasil : 71811	550,800.00	415,022.00
Bayaran Yuran Lulus Pelan Cadangan Baru & Banglo (Individu) Kod Hasil : 72102 / 72103	568,970.00	273,462.44
Bayaran Yuran Proses Pelan Tambahan / Pindaan & Pelan Setara (Kilang, Kediaman, Kedai dan lain-lain) Kod Hasil : 72104	734,000.00	379,258.83
Penjualan Buku Pelan Setara Kod Hasil : 73102	250,000.00	104,990.00
Penjualan Salinan Sijil CF Kod Hasil : 73104	10,800.00	8,100.00
Penjualan Salinan Pelan Kod Hasil : 73105	7,000.00	4,350.00
Penjualan Risalah / Buku Garis Panduan Kod Hasil : 73106	4,000.00	5,670.00
Denda Bangunan Kod Hasil : 76802 / 76501	4,570,280.00	3,076,341.38
Kutipan Kompaun Kod Hasil : 76102	1,281,250.00	406,250.00
Jumlah Kutipan Sebenar	RM9,004,310.00	RM7,660,081.18



5.0 INOVASI JABATAN

5.1 EYE-DRAW

Inovasi ini merupakan manual rujukan lukisan standard pelan teknikal (Standard Architectural Drawing) yang mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam senarai semak pelan tambahan pindaan kediaman bagi kelulusan 1 hari. Inovasi ini adalah penambahbaik dan sumber rujukan kepada pihak perunding yang berurusan dengan pihak Majlis selain Senarai Semak Pelan Tambahan Pindaan Kediaman yang sedia ada di dalam Borang Garis Panduan Pelan Tambahan Pindaan Kediaman.

Kebaikan hasil inovasi:-

i) Menjimatkan masa.

- Tempoh semakan dapat dikurangkan, tidak perlu tunggu lama.
- Masa berulang alik ke Majlis dapat dikurangkan.

ii) Penjimatan kos.

- Perunding dapat menjimatkan kos mencetak pelan-pelan bila kesalahan dapat diminimalkan.
- Menjimatkan kos perjalanan ke Majlis (tol, petrol dan sebagainya).

iii) Meningkatkan produktiviti.

- Mudah dirujuk (user friendly).
- Pengurusan di kaunter lebih efisien.
- Mudah difahami, ringkas dan padat.

iv) Penambahan hasil.

- Manual 'eye-draw' dapat dijual kepada Perunding / Pelanggan.



5.2 MEMUDAHKAN PROSES PERMOHONAN DAN MEMBERI KEMUDAHCAPAIAN MAKLUMAT PERMIT BINAAN SEMENTARA BAGI KEDAI / PEJABAT

Jabatan telah merekabentuk 'interface' dan memuatnaik borang permohonan dan pelan lakaran di dalam laman web MBSA dan makluman melalui MY-SMS. Inovasi ini memudahkan pemohon mendapatkan maklumat dan mempermudah pemohon membuat Permohonan Permit Binaan Sementara Bagi Kedai / Pejabat. Ia juga memberi pemahaman tentang Garis Panduan Permit Binaan Sementara.



6.0 KESIMPULAN

Pihak Jabatan Bangunan telah mencapai 94% dari sasaran kutipan hasil perancangan yang dibuat untuk tahun 2015. Kutipan hasil berjumlah **RM7,253,831.18 adalah kurang 6% dari sasaran keseluruhan iaitu RM7,723,060.00**. Jumlah ini tidak termasuk jumlah kutipan kompaun sebanyak RM406,250.00 yang berjaya dikutip pada tahun 2015.

Secara keseluruhan trend permohonan kelulusan tambahan pindaan kediaman dan banglo telah turun sehingga 45% sahaja dari sasaran Jabatan, walaubagaimana pun permohonan permit binaan dan bangunan sementara telah meningkat sehingga 291% menunjukkan pada tahun 2015 adalah tahun di mana berkembangnya aktiviti perniagaan di kawasan pentadbiran Shah Alam.

Dari segi pengurusan projek-projek Khas Majlis, terdapat sebelas (11) buah projek yang diselia oleh pihak Jabatan. Satu telah siap dibina mengikut tarikh yang telah ditetapkan dan sebanyak sepuluh (10) lagi dibawa ke tahun 2016 untuk seliaan selanjutnya.



49

**Jabatan
Landskap**

55

**Jabatan
Kesihatan
Persekitaran**

59

**Jabatan
Kejuruteraan**

1.0 PROFIL

Mempunyai 119 orang kakitangan, Jabatan ini terdiri daripada 8 orang Pegawai Kumpulan A, 26 orang Pegawai Kumpulan B, 7 orang kakitangan sokongan Kumpulan C, 71 orang kakitangan sokongan D dan 7 orang renjer taman.

Visi Jabatan

- Landskap yang kemas, bersih dan teduh.

Misi Jabatan

- Menyediakan platform untuk mencapai hasrat 'Shah Alam Bandar Anggerik'.
- Perancangan kegunaan kawasan-kawasan hijau sebagai rezab tanaman pokok-pokok dan ruang rekreasi.
- Menyediakan polisi-polisi penanaman dan rekreasi bagi memastikan produk landskap dan rekreasi yang berkualiti dan selamat.
- Menggalakan penglibatan penduduk dan masyarakat di pelbagai peringkat umur dan lapisan untuk bersama dalam program-program kemasyarakatan ke arah memelihara warisan jajaran hijau Shah Alam.
- Menyediakan modul pengurusan landskap dan rekreasi yang efisien dan memenuhi kehendak penduduk dan pengguna.

2.0 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP

2.1 UNIT PERSIARAN

Pada tahun 2015, sejumlah **RM 1,594,446.24** telah dibelanjakan untuk penyelenggaraan pokok-pokok landskap di jalan-jalan utama dengan pecahan 73 kawasan kontrak di seluruh bandar raya Shah Alam termasuk 6 kawasan penyelenggaraan pokok dan 3 kawasan penyiraman pokok.

Kerja-kerja pengemaskinian inventori pokok-pokok di jalan-jalan utama dan pengezonan semula kawasan penyelenggaraan pokok-pokok landskap telah dilaksanakan. Susulan itu, pada bulan Disember 2015, sebanyak 27 sebutarga penyelenggaraan pokok telah diiklankan bagi melantik kontraktor khusus kepada kerja-kerja penyelenggaraan pokok yang lebih intensif.




2.2 UNIT TAMAN AWAM DAN TAMAN TASIK

Terdapat 15 buah taman awam yang dipantau dan diselenggara kebersihannya dengan melibatkan kos sebanyak **RM2,054,482.32** setahun.

PERKARA	SENARAI	JUMLAH KELUASAN	KOS (RM) SETAHUN
Jumlah taman awam yang diselenggara – 15 taman	Taman Tasik Shah Alam, Seksyen 14	127.8 ekar	432,245.34
	Hutan Lipur Bukit SUK, Seksyen 5	29 ekar	180,930.66
	Taman Awam Seksyen 10	8.69 ekar	134,997.60
	Sepanjang tepian Sungai Renggam - dari jambatan SIRIM hingga kunci air Seksyen 17	3.5 km	104,400.00
	Taman Awam Seksyen 28, Jalan 28/25	3.95 ekar	95,000.40
	Taman Wetland 1, Kota Kemuning	10 ekar	87,876.00
	Taman Wetland 2, Kota Kemuning		76,182.00
	Taman Tasik Seksyen 7/1F	4.44 ekar	72,495.12
	Taman Tasik Seksyen 7	18.5 ekar	135,860.52
	Jumlah kontraktor – 20 kontraktor	Kolam Takungan Seksyen 7 (bersebelahan i-City)	
Taman Rekreasi Seksyen 31		22 ekar	94,333.32
Taman Wetland Fasa D20, Sek. U8, Bukit Jelutong		3.145 ekar	69,233.28
Taman Rekreasi Utara, Sek. U8		10.36 ekar	
Taman Rekreasi Selatan, Sek. U8		10.46 ekar	82,329.36
Taman Rekreasi Western Park, Setia Alam		22 ekar	
Taman Rekreasi Southern Pond 1, Setia Alam		22.5 ekar	
Taman Rekreasi Southern Pond 2, Setia Alam			116,756.04
JUMLAH KESELURUHAN KOS			2,054,482.32

Jadual 1: Senarai 15 buah taman awam di Shah Alam

Antara kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan adalah kerja-kerja pemotongan rumput, pembersihan kawasan di laluan pejalan kaki, tempat letak kenderaan, tong sampah serta penyelenggaraan kemudahan awam lain seperti wakaf, bangku taman, alatan permainan kanak-kanak dan sebagainya. Terdapat juga kerja-kerja penyelenggaraan pokok seperti pembajaan, penggemburan dan pengawalan serangga perosak yang dijalankan. Kerja-kerja pembersihan sampah di permukaan air dan juga rumpai air turut dijalankan di kawasan tasik / kolam / air pancuran / dan "retention pond".



Kerja-kerja pembaikan kerosakan pejalan kaki dan meracun anai-anai yang dilakukan secara "in house"

Selain itu, kos penyelenggaraan bernilai RM 4 juta ringgit telah diperuntukkan untuk kerja-kerja kemasan dan pembangunan sebahagian daripada taman-taman di Shah Alam. Ini termasuklah sebutharga mereka bentuk dan memasang tong sampah baru di Taman Tasik Shah Alam dengan kos sebanyak RM 234,747.00 bagi 230 unit tong sampah.

Kerja-kerja menaiktaraf papan tanda nama taman-taman awam turut dilaksanakan melibatkan kos sebanyak RM 343,577.80. Lokasi papantanda tersebut adalah seperti berikut:-

- Taman Tasik Shah Alam – 3 Set ; Tasik Barat, Tasik Tengah dan Tasik Timur
- Taman Tasik @ 7/1F Shah Alam
- Taman Tasik Seksyen 7 Shah Alam.
- Taman Tasik Kota Kemuning Shah Alam
- Taman Rekreasi Seksyen 28 Shah Alam
- Dataran Kemerdekaan, Padang A, Padang B Dan Padang C.




Lokasi pemasangan papan tanda di Taman Rekreasi Seksyen 28, Shah Alam

Selain itu, terdapat juga kerja-kerja menaiktaraf dan mengemas semula kawasan terbuka berhampiran tempat letak kereta di hadapan Kompleks PKNS, Shah Alam dengan kos RM 154,660.00 meliputi kerja-kerja menanam rumput, pemasangan bangku taman dan tong sampah serta kerja-kerja lain yang berkaitan.

Jabatan Landskap juga telah mengeluarkan **kerja-kerja membekal dan memasang alatan permainan baru** yang lebih interaktif dan moden bagi mengganti alatan permainan sedia ada yang telah berusia lebih 15 tahun dan usang serta mempunyai rekabentuk yang lama. Kerja-kerja ini melibatkan kos sebanyak **RM 1,274,132.00** dengan membekal alatan seperti “explorer dome”, “hammock forest”, “climbing net”, “playstructure” dan sebagainya.

Alatan baru yang akan dipasang di Taman Tasik Shah Alam.



Climbing net

2.3 UNIT PANGKASAN

Unit pangkasan pada tahun 2015 telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan pembentukan 3 pasukan pangkasan ‘in-house’ dengan pertambahan tenaga kerja sejumlah 10 orang bagi melaksanakan kerja-kerja pemangkasan mata tunas. Kerja pangkasan pokok besar yang kritikal telah dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik.

Bilangan pokok yang diselenggara pada tahun 2015 sebanyak 33,430 di mana sejumlah 30,632 pokok di pangkas dan selebihnya 2,798 pokok ditebang.

PERKARA	TAHUN		
	2013	2014	2015
Bilangan Pokok Diselenggara	32,848	32,181	33,430
Bilangan Pokok Dipangkas	29,904	28,394	30,632
Bilangan Pokok Ditebang	2,944	3,787	2,798

Jadual 2: Perbandingan jumlah bilangan pokok yang diselenggara, dipangkas dan ditebang bagi tahun 2013-2015

2.4 UNIT TAMAN PERMAINAN DAN PADANG BOLA

Unit taman permainan dan padang bola menyelia **620 unit taman permainan, 69 unit padang bola dan 55 unit padang futsal** bagi kerja-kerja penyelenggaraan seperti pemotongan rumput, penyelenggaraan pokok, pembersihan longkang, pembersihan kawasan, penyelenggaraan alatan permainan, pembuangan sampah, padang bola, padang permainan dan fasiliti.

2.5 UNIT TAPAK SEMAIAN

Unit tapak semaian pada tahun 2015 menyelia sebanyak **dua (2) buah tapak semaian** di Seksyen 17 dan Seksyen U15 serta **satu (1) transit nurseri** Shah Alam di Seksyen 7.

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 24,586 pokok telah disemai di tapak semaian dan melaksanakan 277 kerja-kerja hiasan.

Pengeluaran pokok bunga di Tapak Semaian Seksyen 17 adalah sebanyak 7,367 pokok. Manakala di Seksyen U15 sebanyak 2,122 pokok dan transit nurseri Seksyen 7 sebanyak 511 pokok.



Sejumlah 15,420 pokok di tapak semaian yang terdiri dari jenis pokok teduhan, pokok hiasan dan pokok buah-buahan

3.0 BAHAGIAN PEMBANGUNAN LANDSKAP

3.1 UNIT KAWALAN PEMBANGUNAN LANDSKAP

Nilai kutipan dari Unit Kawalan Pembangunan Landskap ialah sebanyak **RM 626,387.03** dengan **94 permohonan** yang diterima dan diluluskan sepanjang tahun 2015.

PERKARA	CATATAN
Memproses Pelan Landskap	94 permohonan
Membuat Lawatan Tapak Pra-Penanaman	16 lawatan
Membuat Lawatan Tapak Penyerahan Kawasan	28 lawatan
Mesyuarat Pra J/Kuasa Kerja Pengindahan Bandar	12 kali
Mesyuarat J/Kuasa Kerja Pengindahan Bandar	12 kali
Mesyuarat J/Kuasa Pengindahan Bandar	12 kali
Bayaran Memproses Pelan Landskap	RM 57,720.00
Bayaran Sumbangan Anggerik	RM 337,300.00
Bayaran Ketidak Patuhan Perimeter Planting	RM 166,137.03
Bayaran Caj Penanaman Pokok Oleh Pemaju	RM 65,230.00

Jadual 3: Senarai Penerimaan Memproses Pelan Landskap, Lawatan Tapak, Mesyuarat Jawatankuasa Dan Bayaran Tahun 2015

3.2 UNIT REKABENTUK DAN PROJEK LANDSKAP

Unit Rekabentuk dan Projek Landskap melaksanakan kerja-kerja perancangan, pengurusan dan pembangunan projek landskap melalui penyediaan perincian dan pelan induk, pembentangan grafik serta penyeliaan projek.

Antara projek Landskap Majlis yang telah dilaksanakan dibawah Unit Rekabentuk dan Projek Landskap adalah:

3.2.1 Kerja-kerja pelebaran laluan pejalan kaki dan menaiktaraf kemudahan di Taman Rekreasi Sungai Buloh

- Projek bermula pada 1 Oktober 2015 hingga 23 Disember 2015.
- Merupakan projek menaiktaraf dan melebarkan laluan pejalan kaki dari 1.5 meter kepada 3.5 meter lebar.

3.2.2 Pembangunan Padang Cergas di Shah Alam


Pembangunan Padang Cergas merupakan satu program Kerajaan Negeri dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup dan kecergasan rakyat Selangor khususnya di Shah Alam.

- Bermula pada 1 Oktober 2015 dan siap pada 30 Januari 2016.
- Pembangunan 12 lokasi Padang Cergas Fasa kedua di 6 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Kota Anggerik, Batu Tiga, Sri Muda, Paya Jaras, Kota Damansara dan Sri Andalas.

3.2.3 Pembinaan satu unit contoh struktur 'Vertical Garden' di Bulatan Setiajasa, Seksyen 5, Shah Alam.

Pembinaan satu (1) unit struktur '**Vertical Garden**' di Bulatan Setiajasa adalah sebagai satu titik permulaan untuk memperkenalkan konsep '*vertical garden*' di bandar raya Shah Alam. Konsep '*vertical garden*' merupakan satu konsep baru yang ingin diketengahkan oleh pihak Majlis melalui projek menaiktaraf landskap di Bulatan Setiajasa.

Projek bermula pada 1 Julai dan siap sepenuhnya pada 15 Oktober 2015. Struktur konkrit yang berketinggian 6.0m tinggi x 1.0m lebar x 3.0m panjang ini menggunakan enam (6) jenis spesis pokok renek kecil termasuk dua (2) spesis orkid, menghasilkan satu kombinasi yang menarik dan unik di bulatan ini. Projek ini mampu menjadikan Bulatan Setiajasa sebagai salah satu bulatan protokol yang mempunyai nilai-nilai estetika dan visual yang menarik.



Pembinaan satu unit struktur contoh 'vertical garden' di Bulatan Setiajasa, Seksyen 5, Shah Alam.

3.2.4 Kerja-kerja merekabentuk Konservatori Anggerik Shah Alam (KASA) di Taman Bukit SUK Seksyen 5, Shah Alam.

Menyediakan mercu tanda Shah Alam Bandar Raya Anggerik yang berperanan sebagai pusat pameran Anggerik serta mempromosikan koleksi Anggerik dunia bagi tujuan pembelajaran, penyelidikan dan rujukan kepada masyarakat.

- Meliputi kawasan seluas **4.5 Ekar**
- Elemen rekabentuk bangunan yang akan dibina seperti: ruang pameran, ruang taklimat, makmal penyelidikan, bilik suhu, bilik operasi, pusat semeian dan tisu kultur dengan penekanan terhadap penggunaan teknologi hijau seperti sistem solar, sistem pengumpulan air hujan.



Gambarajah cadangan Konservatori Anggerik Shah Alam (KASA) yang diilustrasikan oleh perunding arkitek.

4.0 PROGRAM INISIATIF HIJAU JABATAN LANDSKAP TAHUN 2015

4.1 SHAH ALAM TREES FOR LIFE

Program penanaman pokok yang bertujuan untuk mewujudkan jajaran hijau di Shah Alam serta menanam semangat kecintaan kepada alam sekitar melibatkan para sukarelawan melalui **5 program** yang telah diadakan pada tahun 2015 melibatkan penanaman **5,701 pokok** telah ditanam oleh **2,300 sukarelawan**.

LOKASI	TARIKH	JUMLAH POKOK	JUMLAH SUKARELAWAN	PENAJA	JUMLAH TAJAAN
Program Penanaman Pokok di Jalan Montfort, Seksyen U1 dan U2, Shah Alam	07 Mac 2015	1,500	334	J.C. Jacobsen Foundation	45,000.00
Program Penanaman Pokok di Persiaran Kuala Selangor, Seksyen 26, Shah Alam	25 April 2015	1,500	367	Petronas Gas Berhad	1,500.00
Ibu pejabat Polis Kontinjen Selangor, Seksyen 9, Shah Alam.	23 Mei 2015	1,162	545	UMW Corporation Sdn. Bhd	10,000.00
				Opcom Holdings Berhad	5,000.00
				Cummins	1,500.00
				PKNS (Pokok)	20,000.00
Masjid Negeri, Seksyen 14, Shah Alam	12 Sep 2015	400	586	Projek Lintasan Shah Alam Sdn. Bhd (Prolintas)	45,250.00
				MEPS Currency	5,000.00
Taman Tasik Kota Kemuning, Seksyen 31	14 Nov 2015	1,139	468	Gamuda Berhad	15,000.00
				Shannon & Nobert	1,000.00
Jumlah		5,701	2,300		149,250.00



4.2 KEBUN KOMUNITI SHAH ALAM

Program Pertanian Bandar Shah Alam merupakan satu **agenda nasional untuk mengurangkan kadar kemiskinan bandar** dan krisis makanan bandar di negara membangun di samping meningkatkan tahap keselamatan makanan (food security). Program pertanian bandar merupakan aktiviti Kebun Komuniti yang dilaksanakan dalam kawasan perumahan di sekitar bandar.

Objektif program ini dilaksanakan adalah untuk memaksimumkan penggunaan tanah-tanah terbiar / rekreasi. Mewujudkan ruang untuk menggalakkan aktiviti riadah, interaksi sosial dan mengeratkan silaturrahim di samping mendapatkan hasil tanaman daripada titik peluh dan usaha sendiri.

Projek Printis Kebun Komuniti Seksyen 8

Projek perintis Kebun Komuniti Shah Alam terletak di Kolam Tadahan Jalan Jaluran 8/3, Seksyen 8. Berkeluasan 2.4 ekar dan memuatkan sebanyak 63 plot tanaman. Program dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Jabatan Pertanian ini melibatkan penyertaan dari Persatuan Penduduk Seksyen 8 Timur. Sejumlah 17 jenis tanaman telah ditanam di kebun komuniti Seksyen 8 antaranya cili, terung, sawi, jagung.



Kawasan berkeluasan 2.4 ekar terletak di Jalan Jaluran 8/3, Seksyen 8 Shah Alam telah dipilih sebagai 'pilot project' Kebun Komuniti Shah Alam



Kerja-kerja penyediaan tanah dan batas tanaman menggunakan 'case machine'



Hari menuai hasil Kebun Komuniti Shah Alam pada 27 Februari 2015

4.3 PERINTIS HIJAU SHAH ALAM

Program Mampan-Pendidikan, Perintis Hijau Shah Alam diteruskan lagi pada tahun 2015 dengan pelaksanaan sebanyak tiga (3) siri program pada **22 April, 27 Mei dan 4 November 2015**. Program yang memberi pendedahan kepada anak-anak sekolah rendah tentang tanggungjawab kepada alam sekitar dan pokok-pokok dalam usaha membentuk generasi yang prihatin terhadap alam sekitar, kepentingan pokok-pokok dan taman awam, kemahiran penjagaan dan pembiakan pokok serta kesenian landskap, termasuklah pengenalan kepada spesis-spesis orkid.

Program yang dilaksanakan mulai tahun 2009 ini melibatkan 48 buah sekolah rendah termasuk sekolah jenis kebangsaan (Cina dan Tamil) di seluruh Shah Alam. Pada tahun **2015**, sebanyak **35 buah sekolah** hadir menjayakan program ini bersama-sama dengan penglibatan seramai **140 orang murid** dan 35 orang guru pengiring dalam tiga (3) siri program yang diadakan. Program dilaksanakan di 3 buah lokasi iaitu Sesi Pertama bermula di Tapak Semaian MBSA Seksyen 17, Sesi Kedua Taman Tasik Shah Alam serta Sesi Ketiga di Taman Tasik Seksyen 7.

Sebanyak **160 nos pokok** berjaya ditanam oleh **140 orang peserta** pada tahun ini yang terdiri dari pelbagai spesis pokok buah-buahan seperti pulasan, mentega, manggis, rambutan, mangga dan sebagainya. Program yang dilaksanakan ini turut menarik minat badan-badan korporat untuk menjadi rakan kongsi utama seperti Syarikat CCM Fertilizers (M) Sdn. Bhd. yang menaja sebanyak 300 unit/pek baja setiap tahun.

4.4 DUSUN KOMUNITI@MY SEKOLAH SHAH ALAM



Peserta diberi pendedahan tentang pembiakan pokok-pokok pada Sesi Amali di Tapak Semaian oleh Penolong Pegawai Pertanian MBSA

Demonstrasi penanaman oleh Penolong Pegawai Pertanian MBSA kepada peserta program.

Program bermatlamat untuk mendidik generasi muda mengenali dan mencintai alam sekitar dan kehijauan, di samping mewujudkan ruang pembelajaran yang kondusif. Tahun 2015 melibatkan penyertaan sebanyak **10 buah sekolah, 570 pokok buah-buahan** dan seramai **1,191 orang pelajar**.

NAMA SEKOLAH	BILANGAN POKOK	BILANGAN PELAJAR
SK Setia Alam, Seksyen U13	80 pokok	225 pelajar
SMK Setia Alam, Seksyen U13	90 pokok	70 pelajar
SK Bandar Anggerik, Seksyen 6	80 pokok	150 pelajar
SK Subang Bestari (2), Seksyen U5	60 pokok	180 pelajar
SMK Seksyen 19	60 pokok	61 pelajar
SRA Integrasi, Seksyen 19	60 pokok	180 pelajar
SK Seksyen 27(2), Seksyen 27	35 pokok	50 pelajar
SK Taman Alam Megah, Seksyen 28	35 pokok	65 pelajar
SK TTDI Jaya, Seksyen U2	35 pokok	120 pelajar
SMK Shah Alam, Seksyen U8	35 pokok	90 pelajar
Jumlah	570 pokok	1,191 pelajar



Penanaman pokok rambutan oleh pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Tun Dr Ismail Jaya (SK TTDI Jaya), Seksyen U2

4.5 ANGGERIK DI SEKOLAH-SEKOLAH SHAH ALAM

Merupakan satu program kesinambungan bagi tujuan pembelajaran, kepada anak-anak khususnya yang masih bersekolah di peringkat menengah dan rendah. Pada tahun 2015, sebanyak 10 sekolah rendah yang terlibat di dalam bengkel mengenal bunga Anggerik. Sekolah yang terlibat adalah **Sekolah Kebangsaan Seksyen 7, Sekolah Kebangsaan Seksyen 9, Sekolah Kebangsaan Seksyen 17, Sekolah Kebangsaan Seksyen 18, Sekolah Kebangsaan Seksyen 16, Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Sg. Renggam, Sekolah Kebangsaan Seksyen 6, Sekolah Kebangsaan Bukit Kemuning, SAMT Tengku Ampuan Jemaah, Seksyen 9, Sekolah Kebangsaan Hicom Seksyen 27.**

4.6 KOMPOS SHAH ALAM

Objektif program ini adalah untuk mengguna semula sumber semulajadi dari di buang dan di bazirkan ke tapak pelupusan sampah. Kompos terhasil dari sisa kebun kerja-kerja penyelenggaraan landskap di Shah Alam seperti sisa cantasan pokok, sisa potongan rumput dan daun kering. Kontraktor yang dilantik oleh Jabatan Landskap akan menghantar sisa kebun ke pusat kompos.

Pusat Kompos Shah Alam beroperasi dengan dua orang pekerja am dan dibantu dengan dua buah mesin 'chipper & shredder' berharga RM 50,000.00.

Berikut ialah rekod pengumpulan sisa kebun dan hasil kompos mengikut tahun:

TAHUN	SISA KEBUN (TAN)	KOMPOS (TAN)
2012	27	5
2013	148	24
2014	108	66
2015	244	100.8
Jumlah	527	195.8

Sepanjang empat tahun pelaksanaan program, sebanyak 527 tan sisa kebun yang telah dihantar ke pusat kompos dan **195.8 tan kompos telah dihasilkan** dan digunakan semula sebagai salah satu medium penanaman dan bahan untuk memperbaiki struktur tanah di Shah Alam.

4.7 MEKAR SHAH ALAM 2015

Pameran taman dan bunga-bunga yang telah diadakan pada **18 hingga 22 Mac 2015** di Taman Lembah Bukit SUK, Shah Alam.

Terdapat 3 Pameran utama iaitu Pameran Anggerik yang dikendalikan oleh Kelab Anggerik Shah Alam (KASAS), Pameran Bonsai oleh Kelab Bonsai Malaysia dan Pameran yang bertemakan 'Wedding Garden' oleh Konsulten Terra Garden.

Peserta pameran dan jualan terdiri daripada pihak swasta dan agensi kerajaan seperti Tourism Selangor Sdn. Bhd., Jabatan Pertanian, Institut Landskap Arkitek Malaysia, FAMA, Kelab Anggerik Shah Alam, Kelab Bonsai, Hikers Climbers, Terra Garden, serta pengusaha-pengusaha nurseri dan semaian swasta.

4.8 PAMERAN ANGGERIK SHAH ALAM KE-20

Pameran Anggerik Shah Alam telah diadakan pada **23 hingga 26 November 2015** di SACC Mall Shah Alam.

Terdapat 3 aktiviti utama iaitu Pameran Anggerik yang dikendalikan oleh Kelab Anggerik Shah Alam (KASAS), Pameran Setem dan Pertandingan Anggerik.



4.9 'INISIATIF PENGHIJAUAN LORONG BELAKANG SHAH ALAM' DI LAPAN (8) UNIT LORONG BELAKANG DI JALAN 4/7A HINGGA 4/7G, SEKSYEN 4, SHAH ALAM.

'Inisiatif Penghijauan Lorong Belakang Shah Alam', satu program untuk mengindahkan dan menghijaukan lorong-lorong belakang kediaman yang selama ini kurang diberi perhatian dan penekanan dari aspek kebersihan oleh masyarakat bandar khususnya warga Shah Alam. Projek perintis telah dimulakan di lorong belakang di antara Jalan Bidara 4/7F dan Jalan Manggis 4/7H, Seksyen 4 pada tahun 2013 dan telah menunjukkan kesan yang amat menggalakkan dari aspek kehijauan, kebersihan dan keceriaan lorong belakang di samping memupuk semangat kejiranan yang baik di kawasan tersebut.

Program ini diteruskan pada tahun 2015 di kesemua lapan (8) unit lorong belakang di Jalan 4/7A hingga Jalan 4/7G dengan penyediaan kemudahan kotak tanaman dan penyediaan tangki siraman bagi tujuan penanaman sayur-sayuran dan herba. Projek menaiktaraf ini melibatkan kos sebanyak **RM281,290.00**.

Di antara skop kerja adalah membekal kotak-kotak tanaman, memasang jaring hijau di sekeliling kotak tanaman, membekal kayu pancang, memasang bollard di pintu masuk lorong belakang, menyediakan tangki siraman termasuk kerja-kerja perpaipan, membekal anak pokok sayur / herba dan juga biji benih serta membekal tanah campuran / medium penanaman.



Gambaran konsep rekabentuk 'Inisiatif Penghijauan Lorong Belakang Shah Alam 2015'



Kadaan di lokasi projek perintis 'Inisiatif Penghijauan Lorong Belakang Shah Alam' yang dilaksanakan pada tahun 2013

4.10 LAMAN KOMUNITI SHAH ALAM 2015

Laman Komuniti Shah Alam 2015 merupakan satu pertandingan landskap komuniti di kawasan kejiranan Shah Alam. Pertandingan ini terbuka kepada semua persatuan penduduk kawasan perumahan di **seluruh seksyen** (50 seksyen kediaman) di Shah Alam dengan penglibatan bersama kesemua **24 MPP Zon** di Shah Alam.

Objektif program ini adalah untuk menyemai dan memupuk kesedaran di kalangan komuniti setempat dalam usaha untuk mencantikkan lorong-lorong / jalan-jalan di kawasan kediaman mereka, memupuk budaya hidup bermasyarakat dan semangat kejiranan di kalangan penduduk khususnya di kawasan bandar, memupuk kesedaran dan rasa tanggungjawab terhadap kebersihan dan kehijauan di kawasan sekitar kediaman, menyemai rasa 'sense of pride' terhadap kebersihan dan keceriaan di kawasan kejiranan serta meningkatkan semangat interaksi sosial di kalangan penduduk / komuniti.



Penggunaan kotak-kotak tanaman (planter box) untuk Laman Komuniti Di Depan Rumah bagi penanaman pokok sayur-sayuran dan herba yang bermanfaat untuk kegunaan harian penduduk

Penduduk memetik hasil tanaman sayur bayam merah yang di tanam di depan rumah



JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

1.0 PROFIL

Jabatan Kesihatan Persekutaran terdiri daripada Bahagian Kawalan Penyakit, Bahagian Kesihatan Awam dan Bahagian Pentadbiran.

Penubuhan Jabatan adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan kesihatan dan kebersihan kepada seluruh warga Shah Alam dengan menguatkuasakan undang-undang dan melaksanakan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Dengan kekuatan kakitangan seramai 94 orang kakitangan, Jabatan ini memikul tugas dan tanggungjawab dalam memastikan kesejahteraan warga Shah Alam.

2.0 LAPORAN AKTIVITI MENGIKUT BAHAGIAN


2.1 BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT

2.1.1 PROGRAM KAWALAN DEMAM DENGGI

- Statistik Kes Demam Denggi
 - i. Bilangan kes demam denggi (DD) dan demam denggi berdarah (DDB) yang dilaporkan dan disahkan positif:

KES DILAPOR			KES DISAHKAN		
DD	DDB	JUMLAH	DD	DDB	JUMLAH
9731	6	9737	9317	6	9323

- ii. Graf tren kes demam denggi



Tren kes demam denggi di kawasan MBSA dari tahun 2009 hingga 2015

PERKARA	KUMULATIF TAHUN 2015
Bil. premis diperiksa	32570
Bil. premis positif pembiakan Aedes	692
Bil. bekas positif pembiakan Aedes	1086
Bil. premis disembur	900645
Bil. rumah dibubuh abate	20181
Bil. kompaun dikeluarkan	645
Arahan Penutupan Tapak Binaan	11




Aktiviti-aktiviti kawalan demam denggi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2015

2.1.2 PROGRAM KAWALAN HAIWAN KACAUGANGGU

KATEGORI HAIWAN	JUMLAH ADUAN SEPANJANG 2015
Anjing liar	1145
Anjing peliharaan	174
Kucing liar	149
Kucing peliharaan	65
Lembu / Kambing peliharaan	43
Ayam / Itik / Burung	25
Lebah / tebuan	57
Tikus	40
Gagak	20
Monyet	7
Arnab	3
Jumlah	1778

Bilangan Aduan Haiwan Kacauganggu Mengikut Kategori



Graf bilangan aduan haiwan kacauganggu mengikut kategori pada tahun 2015

OPERASI	BILANGAN TANGKAPAN / AKTIVITI
Penangkapan anjing liar oleh pasukan penangkapan Jabatan Kesihatan Persekutaran	917
Penangkapan anjing liar oleh kontraktor lantikan Majlis	47
Penangkapan kucing liar	104
Pemusnahan sarang lebah / tebuan	75

Statistik Penangkapan Haiwan Kacauganggu

PENGUATKUASAAN PELESENAN ANJING PELIHARAAN		PENGUATKUASAAN PEMELIHARAAN HAIWAN	
PENGELUARAN NOTIS AMARAN	PENGELUARAN KOMPAUN	PENGELUARAN NOTIS AMARAN	PENGELUARAN KOMPAUN
117	36	66	4

Aktiviti Penguatkuasaan Pemeliharaan Haiwan



2.1.3 PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN SEKSYEN 21

BULAN	DEWASA	KANAK-KANAK (<12TAHUN)
JANUARI	38	8
FEBRUARI	36	4
MAR	24	6
APRIL	32	3
MEI	40	3
JUN	45	5
JULAI	45	5
OGOS	48	8
SEPTEMBER	38	4
OKTOBER	32	4
NOVEMBER	34	6
DISEMBER	44	1
JUMLAH	456	57

Bilangan Pengkebumian Jenazah di Tanah Perkuburan Islam Bagi Tahun 2015

BULAN	DEWASA	KANAK-KANAK (<12TAHUN)
JANUARI	2	0
FEBRUARI	0	1
MAR	2	0
APRIL	0	0
MEI	1	0
JUN	6	0
JULAI	1	0
OGOS	3	0
SEPTEMBER	0	0
OKTOBER	1	0
NOVEMBER	2	0
DISEMBER	2	0
JUMLAH	21	1

Bilangan Pengkebumian Jenazah Di Tanah Perkuburan Hindu Bagi Tahun 2014

BULAN	DEWASA	KANAK-KANAK (<12TAHUN)
JANUARI	1	0
FEBRUARI	1	0
MAR	2	1
APRIL	1	0
MEI	0	0
JUN	2	0
JULAI	1	0
OGOS	0	0
SEPTEMBER	2	0
OKTOBER	3	1
NOVEMBER	1	0
DISEMBER	1	0
JUMLAH	15	2


Bilangan Pengkebumian Jenazah Di Tanah Perkuburan Kristian Bagi Tahun 2014

2.2 BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

2.2.1 AKTIVITI PEMANTAUAN KEBERSIHAN DAN PERMOHONAN LESEN

Sepanjang tahun 2015 Bahagian Kesihatan Awam telah menjalankan sebanyak 4527 pemeriksaan yang terdiri daripada pemeriksaan premis makanan, pemeriksaan permohonan lesen, rampasan makanan, siasatan aduan, pemeriksaan kantin sekolah / tadika dan lain-lain bagi tujuan pemantauan kebersihan dan permohonan lesen.

Dibawah merupakan graf yang menunjukkan jumlah pemeriksaan yang dijalankan sepanjang tahun 2015 mengikut jenis premis dan pemeriksaan:




Graf bilangan pemeriksaan yang dijalankan

2.2.2 AKTIVITI PEMERIKSAAN LESEN

Daripada 3021 permohonan lesen yang diterima, Bahagian Kesihatan Awam telah berjaya memeriksa permohonan-permohonan yang terdiri daripada lesen industri, perniagaan, premis makanan, taska / tadika dan lesen anjing.

Graf menunjukkan bilangan pemeriksaan permohonan lesen mengikut aktiviti pelesenan:




Graf jumlah pemeriksaan permohonan lesen 2015

2.2.3 AKTIVITI PENGREDAN PREMIS MAKANAN

Pada tahun 2015, Bahagian telah berjaya menggred sebanyak 1000 buah premis makanan di seluruh kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam. Dari jumlah tersebut sebanyak 501 premis memperoleh gred A, 346 premis gred B manakala 134 premis memperoleh gred C.

Di samping itu juga, Bahagian telah memeriksa sebanyak 101 unit gerai-gerai majlis bagi tujuan pemantauan kebersihan dan penguatkuasaan.




Graf menunjukkan bilangan premis makanan yang diperiksa mengikut gred



2.2.4 AKTIVITI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Bagi memastikan tahap kebersihan premis-premis makanan di Shah Alam berada di tahap yang memuaskan, sebanyak 24 operasi bersepadu dan 12 aktiviti rampasan makanan telah dijalankan bersama jabatan-jabatan dalaman dan agensi luaran. Hasil daripada aktiviti tersebut sebanyak 417 kompaun dan 480 notis amaran telah dikeluarkan serta 89 premis diarahkan tutup.



Graf menunjukkan jumlah tindakan penguatkuasaan undang-undang mengikut kategori



2.2.5 SENARAI AKTIVITI RAMPASAN DAN NILAI RAMPASAN

PREMIS	ALAMAT	JUMLAH BARANG	JENIS BARANG	NILAI (RM)
Urban Retail Sdn Bhd	Lot LG-SM Setia City Mall, Seksyen U13	52	Makanan dalam tin, kopi, mee segera, barangan tenusu	1509.01
Mias Advance Enterprise	Lot 305 persiaran jubli perak, Seksyen 18	3	Makanan dalam tin	19.80
Pasar Mini Amansaf	No 14 Jalan Timun 24/E, Seksyen 14	13	Makanan dalam tin, gula merah, kacang tanah, bijan	54.10
Pasaraya Borong NSK	No 1 Jalan Sepadu D 25/D, Seksyen 25	31	Makanan dalam tin, susu, minuman kotak dan botol	242.59
Pasar mini Al Barakat	No 29 Jalan Selasih J U12/J	8	Kopi, makanan dalam tin, kerepek, minuman botol	47.30
The Store Malaysia Sdn Bhd	Plaza Alam Sentral	32	Makanan dalam tin, makanan segera, marjerin	397.78
99 Speed Mart	No 23&25G Jalan 9/B, Seksyen 9	19	Makanan dalam tin, makanan ringan, jus buah	139.42
GCH Retail Malaysia Sdn Bhd	No 3 Jalan Kemuning Prima E 33/E	41	Makanan dalam tin, susu, makanan segera	343.25
Ali Shopping Centre	No 17, Jalan Malong, Seksyen 17	7	Makanan dalam tin, perencah makanan, minuman	149.60
Pasar Mini Asik	No 21 Jalan Malong Seksyen 17	11	Makanan segera, makanan dalam tin, minuman botol	50.40
Pasar Mini Am	No 1 Jalan Murai 6/1F, Seksyen 6	5	Minuman botol, minuman kotak	24.20
Syarikat Sri Alam	No 5 Jalan Murai 6/1F, Seksyen 6	5	Minuman kotak, makanan dalam tin	16.30



3.0 PENCAPAIAN

3.1 PROGRAM KAWALAN DEMAM DENGGI

i. Kempen 'Jom Musnah Denggi'

Kempen Jom Musnah Denggi telah diadakan di sekolah-sekolah pada bulan Januari hingga Oktober 2015. Kempen ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kesihatan dan pendedahan kepada pelajar sekolah khususnya tentang penyakit demam denggi. Ceramah berkaitan penyakit demam denggi, edaran risalah, sesi kuiz dan pameran telah diberikan dalam kempen ini. Aktiviti ini telah diadakan di 16 buah sekolah iaitu:

1	SRK Bkt. Kemuning 2 Sek 31	9	SJT Ldg. Midlands Sek 7
2	SK Taman Sri Muda Sek 25	10	SRK Bkt Helutong Sek U8
3	SK Setia Alam Sek U13	11	SMK Seksyen 19
4	SK Merbau Sempak Sek U17	12	SAMTAJ Sek 11
5	SKA Integrasi As-Syakirin Sek 13	13	SMK Sek 18
6	SK Bandar Anggerik Sek 6	14	SMK Sek 16
7	SK Subang Bistari 2 Sek U5	15	SMK TTDi Sek U2
8	SRK Subang Sek U5	16	SMK Sek 24

ii. Aktiviti Gotong-Royong Menangani Wabak Demam Denggi

Aktiviti gotong-royong menangani wabak demam denggi dijalankan dengan kerjasama MPP Zon dan Jawatankuasa Penduduk di 124 buah lokaliti terutamanya di lokaliti berwabak.

iii. Program 'Task Force' Denggi

Pihak Jabatan telah mengambil inisiatif meneruskan aktiviti 'Task Force' denggi di peringkat Jabatan yang mana aktiviti ini berupa pemeriksaan secara menyeluruh di lokaliti wabak yang mencatatkan bilangan kes demam denggi yang tinggi. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 6 aktiviti 'Task Force' telah dijalankan di lokasi-lokasi seperti berikut:

- 1 Flat PKNS, Teres & Tumpuan Awam, Sek 6
- 2 Jalan 8/1-8/12, Sek 8
- 3 Jalan U19/2,5-12, Taman Sri Buloh, Sek U19
- 4 Blok 5/18 & Kawasan Tumpuan Awam, Sek 8
- 5 Jalan 2/10-2/18, Rumah Kedai & Gerai Majlis, Sek 2
- 6 Jalan 13/11, 14 & 15, Sek 13

4.0 RUMUSAN

4.1 PROGRAM KAWALAN DEMAM DENGGI

Kes demam denggi yang dilaporkan pada tahun 2015 (8049 kes) menurun berbanding tahun 2014 (9731 kes). Faktor penyumbang kepada kes demam denggi adalah seperti berikut:

- i. Sikap penduduk yang kurang prihatin tentang aspek-aspek kebersihan terutamanya tempat-tempat berpotensi pembiakan Aedes di dalam dan di luar rumah.
- ii. Reka bentuk bangunan yang menyumbang kepada pembiakan Aedes seperti pembinaan kolam mandi di dalam rumah, balkoni dan tangki simpanan air individu yang mana aktiviti pencegahan dan kawalan tidak dapat dijalankan.
- iii. Aktiviti pencegahan dan kawalan sukar dijalankan sepenuhnya disebabkan oleh bilangan kakitangan yang terhad berbanding dengan jumlah kes yang diterima tinggi pada setiap hari.

- iv. Kurang kerjasama daripada penduduk semasa aktiviti kawalan (semburan fogging dan pemeriksaan pembiakan aedes) dilaksanakan di premis mereka.
- v. Kelewatan pihak hospital atau klinik melaporkan kes demam denggi ke Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran menyebabkan aktiviti kawalan demam denggi lewat dijalankan seterusnya menyumbang kepada kejadian wabak demam denggi tidak terkawal.

4.2 PROGRAM KAWALAN HAIWAN KACAUGANGGU

Peningkatan penerimaan aduan anjing terbiar atau berkeliaran adalah sesuatu yang di luar jangkaan, manakala pengurusan aduan berkaitannya pula adalah di luar kapasiti kemampuan Jabatan Kesihatan Persekutaran secara logistik. Walau bagaimanapun, sekiranya dipandang dari sudut pencapaian prestasi bagi kerja-kerja penangkapan anjing terbiar yang dijalankan oleh Jabatan, catatan sebenarnya telah melebihi sasaran yang ditetapkan.

Terdapat beberapa kriteria petunjuk prestasi kerja yang menunjukkan prestasi sebenar Unit ini pada 2015;

- i) Jumlah penerimaan aduan awam berkaitan anjing berkeliaran didapati meningkat, di mana 29% daripada jumlah aduan yang diterima pada tahun 2015 adalah aduan berulang.
- ii) Bagi mengatasi isu penerimaan aduan berulang, pihak Jabatan telah mengambil inisiatif tambahan iaitu dengan memberi maklum balas terkini berkaitan tindakan jabatan terus kepada pihak pengadu. Maklum balas secara terus ini hanya diberikan kepada aduan berkaitan anjing / kucing berkeliaran. Inisiatif ini telah mula dijalankan pada Disember 2015.
- iii) Penguatkuasaan berkaitan aduan anjing peliharaan menunjukkan prestasi yang baik di mana daripada 122 aduan berkaitan anjing peliharaan yang diterima sebanyak 106 notis amaran telah dikeluarkan. Ini menunjukkan hampir kesemua aduan anjing peliharaan di ambil tindakan.

4.3 BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

Secara keseluruhannya pencapaian kerja bagi Seksyen Kesihatan Awam telah menepati sasaran kerja yang dirancang. Namun begitu, Jabatan merasakan tindakan penguatkuasaan dan promosi perlu dipertingkatkan bagi menjamin keselamatan dan kebersihan makanan di Shah Alam.

Pada tahun 2015 Seksyen Kesihatan Awam telah memperkenalkan sistem pemeriksaan semula premis makanan. Sebanyak 63 permohonan audit semula telah diterima dan 353 notis yang dikeluarkan dan sebanyak 209 notis yang telah gagal mematuhi notis. Oleh itu, sebanyak 120 kompaun ingkar arahan telah dikeluarkan.

1.0 PROFIL

Jabatan Kejuruteraan bertanggungjawab ke atas kerja-kerja berkaitan dengan perancangan infrastruktur, penyelenggaraan jalan, saliran, cerun, lampu jalan, lampu isyarat, kawalan infrastruktur, kerja tanah dan penyelenggaraan kenderaan di Majlis Bandaraya Shah Alam.

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

1.1 UNIT PENTADBIRAN AM

- Menguruskan Bahagian perkeranian dan mengawal rekod cuti kakitangan Jabatan
- Menguruskan semua mesyuarat-mesyuarat dalaman dan luar
- Menguruskan bayaran bagi kerja-kerja inden, tender, sebut harga dan pembelian
- Menguruskan bayaran tuntutan pengembalian wang cagaran dan bil-bil elektrik di seluruh Shah Alam
- Menguruskan fail-fail infrastruktur, tender, elektrik, jalan, saliran dan lain-lain
- Menguruskan dan merekod semua surat-surat yang diterima dalam Buku Rekod Penerimaan
- Menguruskan semua pemprosesan surat dan dokumen
- Menyelaras dan membuat kawalan terhadap stok / inventori serta penerimaan dan pembelian peralatan pejabat
- Memastikan surat, memo, inden, tender, permit dan perkara berkaitan di taip dengan segera
- Memastikan tiada kesilapan dalam surat, memo dan lain-lain
- Menyelaras aduan-aduan dan maklum balas yang diterima daripada Unit di Jabatan Kejuruteraan sebelum diserahkan kepada Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

1.2 SEKSYEN KAWALAN INFRASTRUKTUR

- Bertanggungjawab menyemak pelan-pelan cadangan kebenaran merancang dan pelan pendirian bangunan
- Bertanggungjawab menyemak dan meluluskan pelan-pelan kerja tanah dan infrastruktur (jalan, parit dan lampu jalan) bagi pembangunan kawasan baru
- Memproses dan mengeluarkan permit-permit kerja tanah (permit membina laluan masuk / keluar sementara dan permit mengangkut tanah atas jalan awam)
- Memproses dan mengeluarkan Sijil Kelulusan Kerja Infrastruktur untuk sokongan pengeluaran CF
- Menyelaras aduan-aduan yang diterima daripada orang awam berkaitan masalah yang berlaku disebabkan oleh sesuatu projek yang sedang dijalankan serta diselaraskan oleh Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kejuruteraan

1.3 SEKSYEN JALAN

- Merancang, mengurus dan menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan dan cadangan menaiktaraf kemudahan infrastruktur (jalan awam, papantanda lalulintas dan papantanda nama jalan) di dalam kawasan pentadbiran MBSA

1.4 SEKSYEN SALIRAN

- Merancang, mengurus dan menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan parit-parit besar di dalam kawasan pentadbiran MBSA
- Menyelaras segala aduan berkenaan banjir

1.5 SEKSYEN CERUN

- Menyelaras segala aduan berkaitan cerun dan tanah runtuh
- Memantau, mengawasi dan menyelenggara cerun dari kejadian tanah runtuh

1.6 SEKSYEN PENYELENGGARAAN BANGUNAN

- Merancang, mengurus dan menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan Wisma MBSA, premis-premis MBSA (dewan, pasar & gerai)

1.7 SEKSYEN PENYELENGGARAAN ELEKTRIK

- Merancang, mengurus dan menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan lampu-lampu jalan awam, sistem lampu isyarat, lampu-lampu awam di taman rekreasi dan permainan di dalam kawasan pentadbiran MBSA
- Merancang dan mereka bentuk lampu-lampu jalan baru
- Merancang dan menaiktaraf lampu-lampu jalan awam yang sudah lama
- Merancang dan merekabentuk pemasangan lampu-lampu hiasan untuk musim-musim perayaan

1.8 SEKSYEN PENYELENGGARAAN KENDERAAN

- Menyelenggara kenderaan, jentera, mesin dan peralatan mekanikal Majlis
- Menguruskan perkhidmatan kenderaan dan pemandu untuk kegunaan jabatan-jabatan dan tugas rasmi Majlis
- Menguruskan pembelian kenderaan, jentera, mesin dan peralatan mekanikal yang baru

1.9 SEKSYEN PENGURUSAN STADIUM

- Mengurus dan menyelenggara Kompleks Sukan Shah Alam
- Mengurus penyewaan bagi acara-acara seperti aktiviti sukan, sosial dan konsert di Stadium
- Menyediakan program perancangan dan pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam.
- Memberi maklum balas terhadap tempahan fasiliti Kompleks Sukan Shah Alam dalam tempoh 5 hari bekerja.
- Memberi maklumbalas perkara berbangkit mengenai aduan-aduan di Kompleks Sukan Shah Alam dalam tempoh 3 hari bekerja.

PERKARA	PERUNTUKAN	KEUTAMAAN KES	JUMLAH OPERASI
Peruntukan Pembangunan	46,867,530.00	57,547,653.99	112
Peruntukan Penyelenggaraan	37,480,284.75	42,152,657.62	209
MARRIS	83,801,704.46	76,455,378.85	106
Jumlah	168,149,519.21	176,155,690.46	427

Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Dan Penyelenggaraan Tahun 2015

1.10 AKTIVITI BAHAGIAN KAWALAN INFRASTRUKTUR

PROGRAM / AKTIVITI	BIL.	TEMPOH	PENCAPAIAN (%)	ULASAN / IMPLIKASI KEWANGAN
Memproses permohonan ulasan kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan	262 permohonan	Januari – Disember	87.3%	Pencapaian berdasarkan kepada jumlah permohonan yang diterima dan telah diselesaikan.
Permohonan kelulusan pelan kerja tanah	119 permohonan	Januari – Disember	65.4%	
Permohonan kelulusan pelan jalan dan perparitan	130 permohonan	Januari – Disember	77.8%	
Permohonan kelulusan pelan lampu jalan / laman / taman	118 permohonan	Januari – Disember	59.0%	
Pemprosesan permit jalan keluar / masuk sementara	21 permohonan	Januari – Disember	42% (Proses) 161% (Nilai kutipan)	Nilai kutipan RM112,500.00
Pengeluaran notis dan kompaun	42 kompaun	Januari – Disember	84% (Bil. Kompaun) 130% (Nilai kompaun)	Nilai kompaun dikeluarkan RM651,840.00 . Majlis menawarkan pengurangan bayaran kompaun selaras dengan kadar yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada Mei 2014.
Caruman Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)	152 permohonan pembangunan	Januari – Disember	142% (Berdasarkan jumlah kutipan)	Bayaran ISF yang dijelaskan oleh pemaju berjumlah RM16,119,580.41 . Jumlah keseluruhan kutipan ISF RM74,833,113.60
Caruman sumbangan alat ganti / aksesori	133 permohonan	Januari – Disember		RM4,091,633.00 Anggaran nilai kutipan sumbangan alat ganti

1.11 SEKSYEN JALAN & UNIT KOREKAN UTILITI

Projek Marris Tahun 2015

Antara kerja-kerja yang dilaksanakan menggunakan peruntukan MARRIS adalah:

- Kerja-kerja membaharumuka jalan
- Menaiktaraf jalan
- Menurap semula jalan
- Membaikpulih longkang
- Menaiktaraf longkang tepi jalan
- Korekan jalan

Pelaksanaan projek:

PROJEK	BIL. PROJEK
Projek MARRIS Fasa 1	45
Projek MARRIS Fasa 2	38
Projek MARRIS Fasa 3	23
Jumlah	106

Projek Pembangunan Tahun 2015

Kerja-kerja utama yang dilaksanakan adalah:

- Membaharumuka jalan
- Menaiktaraf jalan
- Menurap semula jalan
- Penampalan jalan berlubang
- Mengecat dan membaiki batu susur
- Pembaikan laluan pejalan kaki
- Penggantian papan tanda yang rosak / hilang
- Pembinaan bonggol jalan

Pelaksanaan projek:

PROJEK	BIL. PROJEK
Projek Pembangunan Fasa 1	19
Projek Pembangunan Fasa 2	12
Jumlah	31



Kerja-kerja tampalan Jalan Astaka L U8/L dilaksanakan oleh petugas 'Road Gang'



Kerja-kerja mengecat bonggol

1.12 SEKSYEN SALIRAN

Projek Pembangunan Tahun 2015


Kerja-kerja utama yang dilaksanakan adalah:

- Pembaikan parit erong
- Pembaikan longkang & tembok penahan
- Mengorek mendapan di kolam takungan
- Menaiktaraf saliran & tebatan banjir

Pelaksanaan projek:

PROJEK	BIL. PROJEK
Projek Pembangunan	7
Projek Peruntukan ISF	5

Sehingga 31 Mei 2014, sebanyak 52 unit kolam takungan telah diserahkan kepada Majlis dan kos penyelenggaraan kolam tersebut adalah sebanyak RM456,666.68. Pihak Majlis telah melantik kontraktor bagi kerja-kerja penyelenggaraan tersebut melalui sebutharga terbuka.



1.13 SEKSYEN PENYELENGGARAAN CERUN

Kerja-kerja utama yang dilaksanakan adalah:

- Kerja-kerja membaikpulih cerun tanah di Persiaran Anggerik Mokara Seksyen 31, Shah Alam.
- Kerja-kerja membaikpulih cerun tanah di Jalan BRP 1/8, Bukit Rahman Putra, Seksyen U20, Sungai Buloh, Shah Alam.

1.14 SEKSYEN PENYELENGGARAAN BANGUNAN


Projek Pembangunan Tahun 2015

Kerja-kerja utama yang dilaksanakan adalah:

- Penyelenggaraan M & E
- Pembaikan kerja-kerja awam
- Pembersihan rutin
- Menyelenggara premis Majlis

Pelaksanaan projek:

PROJEK	BIL. PROJEK
Projek Pembangunan	22



Pembangunan / pengubahsuaian Bangunan Pejabat

1.15 SEKSYEN PENYELENGGARAAN ELEKTRIK

Kerja-kerja utama yang dilaksanakan adalah:

- Pembaikan lampu jalan & lampu taman
- Menyelenggara lampu isyarat
- Pemasangan lampu hiasan

Pelaksanaan projek:

PROJEK	BIL. PROJEK
Projek Penyelenggaraan	25
Projek Pembangunan	14
Projek MIDA	1



Penyelenggaraan Lampu Hiasan

1.16 SEKSYEN PENYELENGGARAAN KENDERAAN

- Menguruskan pembelian kenderaan, jentera, mesin dan peralatan mekanikal yang baru.
- Menentukan kenderaan untuk kerja baikpulih enjin dan kotak gear
- Mengurus pembelian kenderaan baru untuk kegunaan Jabatan
- Mengurus pelupusan kenderaan
- Kursus peningkatan kecekapan pekerja dan pemandu

AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN
Kenderaan / Jentera - Pembelian	50 unit	Januari – Disember	63 unit
Penyelenggaraan servis	1500 kerja	Januari – Disember	2,603 kerja
Penyelenggaraan kerosakan	1500 kerja	Januari – Disember	2,410 kerja
Pelupusan kenderaan	10 unit	Januari – Disember	10 unit

Pencapaian Seksyen Penyelenggaraan Kenderaan



Sebahagian Daripada Kenderaan / Jentera Majlis Bandaraya Shah Alam dan Penyelenggaraan Kenderaan

1.17 SEKSYEN PENGURUSAN STADIUM

Pelbagai aktiviti dan acara telah berlangsung di Kompleks Sukan Shah Alam yang melibatkan penggunaan Stadium Utama, Stadium Malawati, Pusat Akuatik Darul Ehsan dan Tapak Letak Kereta, Seksyen 13 Shah Alam. Antaranya termasuklah jualan gudang, konsert, pameran serta program ceramah dan sambutan yang melibatkan Kerajaan Negeri.

Terdiri dari 3 Unit Utama

- Unit Pentadbiran dan Sewaan
- Unit Penyelenggaraan Bangunan
- Unit Operasi

LOKASI	BIL. ACARA	JUMLAH HASIL
PROGRAM / AKTIVITI		
Stadium Utama	127	1,621,840.00
Stadium Malawati	21	1,129,875.83
Pusat Akuatik Darul Ehsan	180	414,216.50
Tapak Letak kereta	53	405,779.27
JUMLAH	381	4,389,720.56
SEWAAN TETAP		
Stadium Utama	3	96,903.90
Stadium Malawati	1	29,700.00
Pusat Akuatik Darul Ehsan	2	231,035.30
Tapak Letak kereta	22	702,344.63
Taman Sukan Lasak	1	65,000
JUMLAH	30	1,124,983.83

Hasil Dan Pendapatan Bahagian Pengurusan Stadium Tahun 2015

Seksyen Pengurusan Stadium telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf Stadium Utama dan Stadium Malawati yang telah dimulakan pada pertengahan tahun 2015 dan siap sepenuhnya pada hujung tahun. Hasil daripada kerja-kerja menaiktaraf tersebut, fasiliti Stadium Shah Alam dapat berfungsi dengan baik yang seterusnya dapat menaikkan imej Stadium Shah Alam. Kerja-kerja menaiktaraf tersebut telah ditender dan pecahan kerja adalah seperti berikut:-

TENDER / SEBUTHARGA	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	HARGA (RM)
Kerja-Kerja Menaiktaraf Tandas, Ruang Pemanas Badan di Stadium Malawati	15/06/2015	22/11/2015	1,396,898.00
Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung dan Sesalur Air di Stadium Malawati	15/06/2015	30/08/2015	419,500.00
Kerja-Kerja Pembaikan Sistem Penyaman Udara di Stadium Malawati	15/06/2015	30/08/2015	679,860.00
Kerja-Kerja Pembaikan Floodgate di Pintu Masuk Utama & Kerja-Kerja Pembaikan Kerusi Bleachers di Stadium Malawati	28/07/2015	5/10/2015	424,069.96
Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan Satu (1) Unit Papan Skor Elektronik (Scoreboard) di Stadium Shah Alam	15/06/2015	14/10/2015	2,252,553.00
JUMLAH			5,172,880.0



AIA Cup



Kejohanan Badminton MAKSAT



Islamic Festival



Gambar kerja-kerja pembaikan



64

**Jabatan
Pembangunan
Komuniti**

71

**Jabatan
Penguatkuasaan**

73

**Jabatan
Pengurusan
Sisa Pepejal &
Pembersihan
Awam**

FUNGSI

- Memastikan setiap 24 MPP Zon melaksanakan program yang dirancang;
- Memastikan program yang dianjurkan oleh Seksyen Belia dan Sukan dilaksanakan;
- Memproses pinjaman dan pemulangan buku di Perpustakaan MBSA;
- Memastikan program dan aktiviti kebudayaan serta pelancongan dilaksanakan.

SEKSYEN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

1.0 PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1.1 Komuniti / Mesra Rakyat

- a. Program Bersama Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

Program ini diadakan untuk para remaja sekitar kawasan perumahan Flat PPRT Hicom Seksyen 26 Shah Alam Selangor bagi meningkatkan motivasi dan memberi pendedahan kepimpinan yang merangkumi aktiviti-aktiviti motivasi dan kekeluargaan - 12 April 2015.

- Rimba Jaya
- Seksyen 26

- b. Masyarakat Prihatin

Program ini diadakan bersama komuniti Shah Alam dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor bagi menyediakan pengisian aktiviti kerohanian sepanjang Bulan Ramadan.

- Iftar @ Dataran Kemerdekaan - Julai 2015
- Program Iftar Jamaie - 3 Julai 2015
- Program Penyerahan Topi Keledar Percuma Sempena Kempen Selamat Balik Kampung - 13 Julai 2015
- Program Sumbangan Sempena Ramadan Kepada Golongan Kurang Berkemampuan - Program ini telah diadakan pada 15 Jun 2015 (Isnin) serentak di 24 MPP Zon. Seramai 240 orang telah menerima sumbangan barangan keperluan berjumlah RM 200 dan wang tunai RM 50.



- c. Masyarakat Berilmu

Kuliah Maghrib di Kediaman Rasmi Datuk Bandar 6 Kali sepanjang tahun 2015

- 7 Mei 2015
- 12 Jun 2015
- 11 September 2015
- 16 Oktober 2015
- 6 November 2015
- 4 Disember 2015

1.2 Program Kesihatan

Posting Population Health dengan kerjasama Fakulti Perubatan UiTM 4 Kali Sepanjang tahun 2015

- 25 Jan 2015 (Pangsapuri Rimau Indah Seksyen 32)
- 28 Mac 2015 (Masjid Ubudiah Seksyen 19)

1.3 Program Keprihatinan Orang Kelainan Upaya (OKU) & Warga Emas

- a. Permohonan Pelekat Kenderaan OKU

Menerima permohonan daripada golongan OKU yang memerlukan pelekat kereta bagi memudahkan mereka meletak kereta di ruang yang telah disediakan.

BULAN	BIL. PERMOHONAN
Januari	16
Februari	8
Mac	19
April	7
Mei	17
Jun	5
Julai	6
Ogos	4
September	10
Oktober	8
November	6
Disember	5
Jumlah	111

- b. Penyediaan Kenderaan OKU

Menerima permohonan serta penggunaan Kenderaan Komuniti bagi golongan Warga Emas serta OKU. Senarai hospital yang dibenarkan oleh pihak Majlis:

1. Klinik Kesihatan Seksyen 7
2. Klinik Kesihatan Seksyen 19
3. Klinik Kesihatan Bukit Kuda
4. Hospital Tengku Ampuan Rahimah
5. Hospital Besar Sungai Buloh
6. Pusat Perubatan Universiti Malaya
7. Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia

BULAN	BIL. PERMOHONAN
Januari	8
Februari	5
Mac	6
April	8
Mei	1
Jun	13
Julai	5
Ogos	8
September	7
Oktober	5
November	17
Disember	8
Jumlah	91



c. Penyediaan Bas Komuniti

Perkhidmatan Bas Komuniti MBSA mula beroperasi pada 4 Mac 2014. Memberi perkhidmatan percuma kepada orang awam yang menggunakan perkhidmatan bas. Waktu operasi adalah pada jam 7.30 pagi, 11.30 pagi dan 4.30 petang, melalui 25 hentian sekitar Shah Alam. Sepanjang tahun 2015, sebanyak **20,922** penumpang menggunakan perkhidmatan Bas Komuniti MBSA.

BULAN	BIL. PENUMPANG
Januari	1170
Februari	1194
Mac	1976
April	2041
Mei	3953
Jun	2147
Julai	1471
Ogos	1553
September	2016
Oktober	1084
November	1004
Disember	1313
Jumlah	20,922

1.4 Kemiskinan Bandar

Menyelaras program bantuan kepada mangsa-mangsa bencana serta Rumah Kebajikan dan Perlindungan.

- Urusetia Pemindahan dan Penempatan Mangsa Bencana Menyalurkan bantuan dan perkongsian maklumat bersama pihak berkaitan seperti Pusat Zakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Menyediakan kemudahan logistik serta kemudahan lain di pusat penempatan mangsa.

1.5 Majlis Perwakilan Penduduk (MPP)

a) Jaringan Komunikasi Dan Silaturahmi

Program Retreat MPP Shah Alam 2015 – 1 Kali Setahun

Program ini telah dilaksanakan pada 24 - 26 April 2015 di Zenith Hotel Kuantan. Program ini telah dihadiri seramai 184 orang peserta yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi MBSA, Ahli Majlis, Pegawai Kawasan, Penggerak Belia Tempatan (Pebt) dan wakil penduduk dari setiap MPP Zon.

b) Pengiktirafan Kepada Komuniti

- Pertandingan Zon Bersih Mini

Penganjuran program tersebut bermula pada 2013 dan kali ketiga dianjurkan bertujuan untuk memupuk kesedaran dan budaya cintakan kebersihan melalui penglibatan komuniti serta menjadikan “Shah Alam Bersih dan Indah”.

Program pendidikan dan pendedahan kepada masyarakat berhubung penerapan konsep LA21 dan dipertandingkan di Peringkat MPP Zon. Sebanyak 22 MPP Zon telah menyertai pertandingan tersebut.

Malam Anugerah diadakan pada 9 Mac 2016 di Hotel Concorde Shah Alam. YAB Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, Dato’ Menteri Besar Selangor hadir menyampaikan hadiah kepada pemenang.

1.6 Program Yang Tidak Dirancang

a) Program Ramadan Yang Mampan “Hayya Bil Hadrah” - 22 Jun 2015

“Ramadan yang Mampan” di Masjid dan Surau sepanjang Bulan Ramadan 1436H merupakan kempen amalan kitar semula sisa buangan bahan dapur dan sisa makanan di bawah Pelan Tindakan Alam Sekitar antara pihak Jawatankuasa Masjid & Surau dengan kerjasama pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) serta Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS).

b) Program Kariah Mampan - 6 September 2015

Program ini telah diadakan pada 6 September 2015 di Surau Al-Husna Sekyen 20 Shah Alam.

c) International EcoSchools Conference 2015 – 6 hingga 10 Disember 2015

Kerjasama MBSA dengan WWF-Malaysia berteraskan kepimpinan pelajar sekolah terhadap kelestarian alam sekitar dan telah dilaksanakan di Malaysia sejak tahun 2011. MBSA telah dipilih untuk menjalinkan kerjasama kerana penglibatan aktif MBSA dalam Pengurusan Program LA 21. Seramai 135 murid dan 36 “Green Mentor” dengan guru pengiring dari seluruh Malaysia, Filipina dan Indonesia terlibat dalam program ini.



d) Sembang Sahur - 3 Julai 2015

Program Sembang Sahur ini mendapat kerjasama pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Pejabat Agama Islam Daerah (PAID). Seramai 50 orang sukarelawan dari pelbagai NGO telah menyertai program tersebut. Kumpulan Sukarelawan telah dipecahkan kepada 8 kumpulan kecil dan diberikan tugas untuk memberikan tazkirah 'one to one' tentang kebaikan bulan Ramadan kepada pengunjung dan mengedarkan 500 bungkus makanan kepada orang awam yang hadir di Dataran Kemerdekaan.

e) Inisiatif Hijau

MBSA telah mendapat tempat pertama Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau Tahun 2015 bagi Kategori Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHI), sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2015 anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pemenang Anugerah Green Apple (Green Apple Award Winner) Tahun 2015 bagi Kategori Environmental Best Practice. Pengiktirafan ini diberikan oleh The Green Organization, United Kingdom dengan Tajuk Projek 'Waste Reduction For Environmental Sustainability'.

1.7 Unit Perpustakaan

a) Masyarakat Berilmu

Menyelaras pentadbiran di Perpustakaan Anggerik Vanilla MBSA (PAV MBSA), Kota Kemuning.

Menjadikan perpustakaan sebuah tempat yang terbuka dan santai untuk dikunjungi oleh orang ramai di samping menggalakkan masyarakat berilmu.

Mula beroperasi pada 01 April 2014 hingga kini PAV MBSA mempunyai keahlian seramai 2275 dan sebanyak 5435 buah buku telah dikatalog.

b) Masyarakat Prihatin

- Menubuhkan 2 buah perpustakaan mini di Shah Alam
- Perkhidmatan Perpustakaan Anggerik Vanilla MBSA (PAV MBSA) Bergerak
- Mengadakan program Riang Ria Cuti Sekolah pada:
 - > 17 - 19 Mac 2015
 - > 9 - 11 Jun 2015
 - > 21 Disember 2015
- Mengadakan Lab Interaktif @ Perpustakaan pada:
 - > 29 Jan - 08 Feb 2015
 - > 28 Mac 2015
 - > 12 April 2015
 - > 23 April 2015
 - > 19 Mei 2015
 - > 24 Jun 2015
 - > 08 Ogos 2015
 - > 02 - 03 Dis 2015
- Mengadakan aktiviti bersama kanak-kanak taska / tadika pada:
 - > 5 Mac 2015
 - > 17 April 2015
 - > 19 Mei 2015
 - > 03 Jun 2015

SEKSYEN BELIA DAN SUKAN

2.0 PROGRAM BELIA DAN SUKAN

2.1 Kejohanan Bola Tampar Piala Datuk Bandar & Volleython Shah Alam 2015

Pada tahun ini, sambutan penyertaan amat menggalakkan dengan penyertaan 48 pasukan bagi kategori Volleython Shah Alam dan 12 pasukan bagi kategori Piala Datuk Bandar. Turut melibatkan penyertaan pasukan dari luar negara iaitu Taiwan, Indonesia dan Thailand. Maklumat kejohanan adalah seperti berikut:

Tarikh : 5 Februari – 8 Februari 2015

Masa : 8.30 pagi – 12.00 malam

Tempat : Dewan Bola Tampar Sek. 4 & 19 Shah Alam

Kategori:

- i. Piala Datuk Bandar
- ii. Volleython Shah Alam

Jumlah Penyertaan:

- i. Piala Datuk Bandar – 12 pasukan
- ii. Volleython Shah Alam – 48 pasukan

Keputusan Perlawanan:

Kategori Piala Datuk Bandar

Tempat pertama : LIC, Chinese Taipei

Ke-dua : BHL Energy

Sepuluh akhir : UKM – MBSA

: KESAS VC

Kategori Volleython Shah Alam

Tempat pertama : XVM

Ke-dua : PETAVA

Sepuluh akhir : AVC

: MBSA



2.2 Kejohanan Lumba Basikal & Kriteria Shah Alam

Pada tahun ini, sambutan amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 425 orang peserta. Maklumat kejohanan adalah seperti berikut:

Tarikh : 14 Februari 2015 (Sabtu)

Masa : 7.30 pagi – 6.00 petang

Tempat : Persiaran Tasik Shah Alam

Keputusan:

Kategori Basikal Bukit:

- Lelaki Bawah 15 Tahun: Muhd Ibni Hissham
- Lelaki Bawah 18 Tahun: Muhammad Fadhil
- Lelaki Junior Veteran: Manjit Singh
- Lelaki Senior Veteran: Faruk Jog Martin Bar
- Lelaki Terbuka: Elmi Jumari
- Wanita Terbuka: Ezzatie Fifiyana Shazwanie

Kategori Basikal Lumba:

- Lelaki Bawah 15 Tahun: Zulhelmi B Zainal
- Lelaki Bawah 18 Tahun: Muhammad Nur Aiman R Rosli
- Lelaki Junior Veteran: Farzli
- Lelaki Senior Veteran: Faruk Jog Martin Bar
- Lelaki Terbuka: Sofian Nabil Omar
- Wanita Terbuka: Ezzatie Fifiyana Shazwanie

Kategori kanak-kanak bawah 5 tahun:

- Lelaki Bawah 5 Tahun: Muhd Qhil Haiqal
- Wanita Bawah 5 Tahun: Nurul Shafira

2.3 “Malaysia Women Marathon 2015”.

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor Sdn. Bhd. telah menganjurkan acara “Malaysia Women Marathon 2015”. Acara ini merupakan acara tahunan Kerajaan Negeri Selangor dan telah mendapat sambutan yang baik di kalangan peserta domestik mahupun antarabangsa. Majlis Bandaraya Shah Alam telah membantu dalam penyediaan lokasi acara serta keperluan logistik bagi menjayakan acara tersebut.

Anjuran : Tourism Selangor Sdn. Bhd. dengan kerjasama Irongirl

Tarikh : 7 - 8 Mac 2015 (Sabtu – Ahad)

Tempat : Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Masa : 3.00 pagi – 11.30 pagi

Jumlah Peserta : 3,000 orang peserta

Kategori yang dipertandingkan:

- 42 KM – Full Marathon
- 21 KM – Half Marathon
- 10 KM – Fun Run Marathon
- 5 KM – Fun Run Marathon

2.4 Kejohanan Taekwondo Jemputan Piala Datuk Bandar Shah Alam 2015

Majlis Bandaraya Shah Alam dengan kerjasama Persatuan Taekwondo Selangor telah berjaya menganjurkan Kejohanan Taekwondo Jemputan Piala Datuk Bandar 2015. Buat julung kalinya, penyertaan adalah terbuka kepada semua persatuan / kelab taekwondo yang berdaftar di bawah Taekwondo Malaysia (TM). Pertandingan telah berjaya menarik penyertaan dari kelab-kelab seluruh Malaysia. Antara negeri / kelab yang mengambil bahagian adalah dari negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Kelantan, Terengganu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ATM, MASUM, dan melibatkan penyertaan di kalangan kanak-kanak yang berumur 6 tahun dan ke atas.

Tarikh : 20–22 Mac 2015 (Jumaat – Ahad)

Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang

Tempat : Dewan MBSA Sek. 19, Shah Alam

Anjuran : Majlis Bandaraya Shah Alam

J/kuasa Teknikal : Black Belt Tkd. Academy

Keputusan Perlawanan:

Bawah 6 Tahun

- Johan Kategori : Chonkwon Tkd. Club
- N. Johan Kategori : Jagoh Tkd. Club
- Ke-Tiga Kategori : Bersatu Tkd. Club

7 – 8 Tahun

- Johan Kategori : Jagoh Tkd. Club
- N. Johan Kategori : Koryo Tkd. Club
- Ke-Tiga Kategori : Bersatu Tkd. Club

9 – 11 Tahun

- Johan Kategori : Adventure Tkd. Club
- N. Johan Kategori : Koryo Tkd. Club
- Ke-Tiga Kategori : Jagoh Tkd. Club

12 – 14 Tahun

- Johan Kategori : Koryo Tkd. Club
- N. Johan Kategori : Bersatu Tkd. Club
- Ke-Tiga Kategori : Adventure Tkd. Club

15 – 17 Tahun

- Johan Kategori : Adventure Tkd. Club
- N. Johan Kategori : Koryo Tkd. Club
- Ke-Tiga Kategori : C K Tkd. Club

Olympic

- Johan Kategori : Politeknik Malaysia
- N. Johan Kategori : Koryo Tkd. Club
- Ke-Tiga Kategori : UiTM-MASUM

Johan Keseluruhan : Koryo Tkd. Club

N. Johan Keseluruhan : Adventure Tkd. Club

Ke-Tiga Keseluruhan : Kelab Tkd. Bersatu, Terengganu

2.5 Shah Alam Enduride

Majlis Bandaraya Shah Alam dengan kerjasama Pedal Explorer telah berjaya menganjurkan Shah Alam Enduride 2015. Acara ini telah berjaya menarik minat penggemar aktiviti berbasikal dari seluruh Malaysia dan negara jiran seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan Brunei dengan jumlah 1300 orang peserta. Antara laluan yang telah dilalui peserta adalah Lebuhraya Gutrie Shah Alam, Sungai Buloh, Batu Arang, Bistari Jaya dan Kuala Selangor. Sebanyak 5 kategori utama telah dipertandingkan. Acara pelepasan peserta telah disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor.

Tarikh : 5 April 2015 (Ahad)

Tempat : Dataran Kemerdekaan Shah Alam

Jumlah Peserta : 1300 orang

Jarak Kayuhan : 160 km

Kategori Yang Dipertandingkan:

- Men Open
- Men Master
- Men Senior Master
- Junior Boys
- Ladies Open

Keputusan Shah Alam Enduride 2015

i. Men Open

- Johan : Muhamad I'maadi (Brunei)
- N. Johan : Muhamad Rauf Nur (Unisel Racing Team)

ii. Men Master

- Johan : Danny Feng (Lapierre)
- N. Johan : Stehen Ong (Lapierre)

iii. Men Senior Master

- Johan : Shahrin Razali (MBSA)
- N. Johan : Ismail Dahalan

iv. Junior Boys

- Johan : Zamirul Adlisham (MBSA)
- N. Johan : Zahrul Aidil Adha (Cyclists)

v. Ladies Open

- Johan : Nik Lini Hayati (BJCC)
- N. Johan : Winnie Thor (BJCC)

2.6 Sukan Badan Berkanun 2015 (SUKANUN)

Kontijen Majlis Bandaraya Shah Alam telah menyertai Kejohanan Sukan Badan-Badan Berkanun (SUKANUN) 2015 yang diadakan pada 27 April – 4 Mei 2015 di Kota Kinabalu, Sabah. Ini merupakan penyertaan kali kedua kontijen MBSA ke Kejohanan Sukan Badan-Badan Berkanun (SUKANUN). Pihak Majlis menyertai 8 acara sukan dari 20 acara sukan yang dipertandingkan:

Tarikh : 27 April 2015 – 4 Mei 2015

Tempat : Kota Kinabalu, Sabah

Penganjur : Pesatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia (PBBM)

Jumlah Acara Disertai : 8 Acara

- Bola Sepak 9 Sebelah
- Golf
- Futsal Lelaki
- Futsal Wanita
- Dart Berkumpulan
- Bola Tampar
- Tenpin Boling Lelaki
- Tenpin Boling Wanita

Keputusan Keseluruhan

Pecahan pingat adalah seperti berikut:

Pingat Emas

- Bola Tampar
- Tenpin Boling Lelaki
- Dart Berkumpulan

Pingat Perak

- Futsal Wanita
- Bola Sepak 9 Sebelah

Keputusan keseluruhan mengikut mata:

- Johan : DBKL (113 mata)
- N. Johan : MBPJ (71 mata)
- **Ke-3 : MBSA (62 mata)**

Keputusan keseluruhan mengikut pingat:

- **Johan : MBSA (3 Emas, 2 Perak, 0 Gangsa)**
- N. Johan : MBPJ (3 Emas, 0 Perak, 2 Gangsa)
- Ke-3 : MPSJ (3 Emas, 0 Perak, 1 Gangsa)



2.7 Kejohanan Futsal Piala Datuk Bandar Shah Alam

Pada tahun ini, sambutan penyertaan amat menggalakkan dengan penyertaan peserta dari pelbagai peringkat umur iaitu Kategori Lelaki Terbuka, Kategori Wanita Terbuka, Kategori Bawah 18 Tahun dan Kategori Bawah 12 Tahun.

Tarikh : 1 & 2 Ogos 2015 (Sabtu – Ahad)

Masa : 8.30 pagi – 6.00 ptg

Tempat : Frenzy Sport Arena, Seksyen 16, Shah Alam

Jumlah penyertaan : 72 pasukan

Keputusan Perlawanan:

Kategori Lelaki Terbuka

- Tempat pertama : Pencen A
- Ke-dua : Sinchan
- Separuh akhir : Gers FC
- : MBSA FC A

Kategori Wanita Terbuka

- Tempat pertama : Real Tiger A
- Ke-dua : MBSA FC
- Separuh akhir : REM FC - B
- : Real Tiger B

Kategori Bawah 12 Tahun

- Tempat pertama : Kartallar Jr
- Ke-dua : Eagle FC
- Separuh akhir : Soccerkids MBSA C
- : Soccerkids MBSA E

Kategori Bawah 18 Tahun

- Tempat pertama : Bukit Chedang B
- Ke-dua : Court Soccer
- Separuh akhir : Sinchan Jr.
- : Red Galaticos

2.8 Karnival Soccerkids Shah Alam

Majlis Bandaraya Shah Alam telah berjaya menganjurkan Karnival SoccerKids Shah Alam 2015. Dua (2) kategori telah dipertandingkan iaitu kategori terbuka bawah 12 tahun dan bawah 9 tahun. Sambutan penyertaan amat memuaskan dengan jumlah penyertaan sebanyak 65 pasukan bagi semua kategori yang dipertandingkan.

Tarikh : 8 – 9 Ogos 2015 (Sabtu – Ahad)

Masa : 8.30 pagi – 6.00 petang

Tempat : Padang B, Dataran Kemerdekaan Shah Alam

Jumlah Penyertaan : 65 pasukan

Keputusan Perlawanan:

Kategori Bawah 12 tahun – Terbuka

- Tempat pertama : CIMB YFA
- Ke-dua : TGW FC
- Separuh akhir : Soccer Kids MBSA - A
- : Kiddo Kickers Melaka
- Anugerah Penjaga Gol Terbaik : Mohd Fahmi Danial (CIMB YFA)
- Anugerah Pemain Terbaik : Solihudin (TGW)

Kategori Bawah 9 tahun – Terbuka

- Tempat pertama : Soccer Star
- Ke-dua : Kykids Soccer Selangor
- Separuh akhir : MBPJ - A
- : Ikram Jr.
- Anugerah Penjaga Gol Terbaik : Fakrul Izwan (Soccer Star)
- Anugerah Pemain Terbaik : Mohd. Nor Fahmi (Mykids Soccer Sel.)

2.9 Shah Alam Exciting Race

Majlis Bandaraya Shah Alam dengan kerjasama Hikers Climber Adventure Team Sdn. Bhd. telah berjaya menganjurkan Acara Shah Alam Exciting Race 2015. Acara ini telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 40 pasukan dari sekitar Lembah Klang. Acara ini telah bermula dari Taman Sukan Lasak, Sek. 13 Shah Alam dan berakhir di SACC Mall, Shah Alam.

Tarikh : 22 Ogos 2015 (Sabtu)

Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

Tempat Pelepasan : Taman Sukan Lasak, Sek. 13, Shah Alam

Format pertandingan yang digunakan adalah seperti “Amazing Race & Treasure Hunt” dengan menggunakan kunci 3K iaitu kebijaksanaan, kekuatan fizikal dan kerjasama. Antara tugas yang wajib diselesaikan oleh setiap peserta adalah seperti berikut:

- Abseiling
- Orienteering
- Ujian Misteri
- Beg Scavenger Hunt

Keputusan Pemenang

- Pertama : Gengkakili
- Kedua : 2.6 B
- Ketiga : Juara Bertahan

2.10 Karnival Sukan MPP/PeBT Shah Alam

- Bola Jaring / Badminton / Dam Aji / Catur
- Bola Tampar / Futsal
- Sukan Rakyat

Karnival Sukan & Sukan Rakyat MPP / PeBT Shah Alam adalah aktiviti yang dirancang khas untuk warga Shah Alam di mana perlawanan bagi beberapa jenis sukan moden akan dijalankan mengikut 24 Zon MPP di kawasan Shah Alam. Program ini merupakan salah satu Pelan Tindakan 5 tahun yang digariskan dalam Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Selangor (2013-2017).

Sasaran Penyertaan;

- Karnival Sukan & Sukan Rakyat MPP / PeBT Shah Alam ini adalah terbuka kepada semua yang menetap / bekerja / belajar di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam.
- Penyertaan pasukan adalah mengikut 24 Zon MPP / PeBT di seluruh kawasan Shah Alam

Keputusan Pemenang

- Johan Keseluruhan : MPP ZON 16
- N. Johan Keseluruhan : MPP ZON 2
- Ke-Tiga : MPP ZON 22
- Ke-Empat : MPP ZON 21



2.11 Program Kayuhan Santai Shah Alam

ACARA	TARIKH	JARAK / JUMLAH PESERTA
Kayuhan Malaysia	31 Januari 2015	15 km / 150 orang
Kayuhan Earth Hour	28 Mac 2015	20 km / 1500 orang
Kayuhan Karnival Jom Sihat	11 April 2015	12.3 km / 200 orang
Kayuhan UiTM	23 Mei 2015	30 km / 500 orang
Kayuhan Merdeka	19 Ogos 2015	25 km / 300 org
Kayuhan Santai Shah Alam	19 September 2015	35 km / 200 org
Kayuhan PDRM	10 Oktober 2015	35 km / 300 org
Kayuhan Perangsang	15 November 2015	35 km / 300 org
Kayuhan Santai Shah Alam	20 Disember 2015	35 km / 200 org

2.12 Program Pembangunan Sukan

Program Pembangunan Sukan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan kanak-kanak / remaja melibatkan diri dalam bidang sukan yang diminati. Mereka juga telah didedahkan dengan pertandingan bagi menilai prestasi dari masa ke semasa. Sepanjang tempoh latihan, para peserta telah menunjukkan minat serta disiplin yang tinggi seperti berikut:

Sukan yang terlibat seperti:

- Futsal
- Bola Tampar
- Ragbi
- Bola Sepak (Soccerkids MBSA)
- Taekwondo (BBTA – MBSA)

SEKSYEN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN

3.0 PROGRAM-PROGRAM UTAMA

3.1 SEKSYEN KEBUDAYAAN

- Program Seksyen Kebudayaan
 - Showcase Islami Bersama Daqmie & Budayawan Selangor - 24 Januari 2015
 - Borak Borak "Youtube Sebagai Media Seni" – 28 Februari 2015
 - Warna "Kita Hati Seni" - 7 Mac 2015
 - Citra – Buku Jalanan - 14 Mac 2015
 - Borak Borak "Seni: Hobi atau Kerja" - 21 Mac 2015
 - Warna "Ekspresi Laman Seni" - 4 April 2015
 - Citra Santai Nasyid & Pertandingan Lagu-Lagu Opick - 11 April 2015
 - Borak Borak "The Journal" - 25 April 2015
 - Program Inspirasi Seni – Ujibakat Bintang Kecil 2015 Peringkat Negeri Selangor- 25 April & 9 Mei 2015
 - Borak Borak "Teater Malaysia : Sudut Pandang Anak Muda" - 23 Mei 2015
 - Warna "Kasih Ramadan" - 13 Jun 2015
 - Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kebudayaan - 7 Julai 2015
 - Warna "Ini Cherita Kita Edisi Merdeka" - 8 Ogos 2015
 - Street Jam : Can Art Be The Common Language - 26 Ogos 2015
 - Borak Borak Edisi Anak Merdeka - 29 Ogos 2015

- Citra & Festival Idearaya - 12 & 13 September 2015
- Warna - 19 September 2015
- Buku Jalanan - 3 Oktober 0215
- Warna Edisi Sambutan Ulangtahn Bandaraya Shah Alam Yang Ke 15 – 10 Oktober 2015
- Borak Borak Edisi Bulan Bahasa Kebangsaan - 24 Oktober 0215
- Warna - 7 November 2015
- Kolektif - 28 & 29 November 2015
- Warna Edisi Penutup - 19 Disember 2015

3.2 SEKSYEN PELANCONGAN

- Program Jawatankuasa Tetap Pelancongan
 - Bengkel Retreat Pelancongan 2015 & Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelancongan
 - Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai Perhubungan Pelancongan PBT, Pejabat Daerah, Agensi Kerajaan & Swasta Negeri Selangor
 - Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelancongan
- Program Temasya Selangor 15 - 29 Januari – 1 Februari 2015
- Lawatan produk baru: Lawatan Produk Skytrex Adventure & Taman Botani Shah Alam (Anjuran Tourism Malaysia Selangor) - 11 Februari 2015
- Lawatan Product Update (Anjuran Tourism Selangor Sdn Bhd) - 24 Februari 2015
- Malaysia Women Marathon - 8 Mac 2015
- Selangor Chocolate & Candy Festival 2015 (Anjuran Tourism Selangor Sdn Bhd) - 24 April 2015
- Mengikut promosi pelancongan bersama Tourism Selangor Sdn Bhd
 - Arab Travel Mart – 2 - 9 Mei 2015
 - B To B Table Top – 15 - 17 November 2015
- Festival Homestay Selangor 2015 (Anjuran Tourism Malaysia Selangor) 22 - 24 Mei 2015
- Selangor Islamic Fest 2015 (Anjuran Tourism Selangor Sdn Bhd) – 30 - 31 Mei 2015
- Selangor Food Mega Festival 2015 (Anjuran Tourism Selangor Sdn Bhd) – 30 - 31 Mei 2015
- Festival Orang Asal (Anjuran Tourism Selangor Sdn Bhd) – 22 & 23 Ogos 2015
- Festival Bon Odori (Anjuran Tourism Selangor Sdn Bhd & Kalab Jepun Kuala Lumpur) – 5 September 2015
- Bengkel Pakej Pelancongan Selangor (Anjuran Tourism Selangor Sdn Bhd) – 9 Disember 2015

1.0 PROFIL

Pengenalan

Berkuatkuasa pada 01 Julai 2015, Bahagian Penguatkuasaan telah menjadi Jabatan yang diketuai oleh Tuan Abdul Hakim Bin Haji Mahmud selaku Ketua Jabatan Penguatkuasaan.

Pembahagian Unit / Zon di Jabatan adalah seperti berikut:-

- Unit Pentadbiran / Pengurusan
- Unit PANTAS
- Unit Trafik
- Unit Tunda - Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan
- Zon Alpha - Seksyen U4, U5, U7, U15 - U20
- Zon Bravo - Seksyen U1 - U3, U6, U8 - U10, U13, U14
- Zon Charlie - Seksyen 1 - 14, U11, U12
- Zon Delta - Seksyen 15 - 25
- Zon Echo - Seksyen 26 - 36

2.0 OBJEKTIF

- i. Menguatkuasakan Undang-Undang, Peraturan dan Dasar Majlis demi menjaga kepentingan bersama antara pihak Majlis, stakeholders dan masyarakat.
- ii. Menzahirkan tindakan penguatkuasaan secara berhemah, tegas dan seragam mengikut lunas-lunas perundangan dan peraturan.
- iii. Melahirkan dan mendidik masyarakat untuk mematuhi Undang-Undang, Peraturan dan Dasar Majlis demi menjamin kehidupan perbandaran yang selesa dan harmoni.
- iv. Memberi perkhidmatan bantuan awal dan keselamatan kepada masyarakat semasa dan sewaktu kejadian-kejadian kecemasan perbandaran.
- v. Menjalinkan hubungan dan kerjasama antara Jabatan-Jabatan dalaman dan agensi-agensi luar untuk menguatkuasa Undang-Undang, Peraturan dan Dasar Majlis demi mencapai visi / matlamat Majlis dan stakeholders.

3.0 FUNGSI DAN PERANAN

- Melaksanakan penguatkuasaan Undang-Undang dan Peraturan Majlis.
- Mengawal dan menjaga keselamatan dan harta benda Majlis.
- Menyedia dan memberi perkhidmatan dan bantuan menyelamat apabila berlaku bencana alam dan banjir.
- Menguruskan hal ehwal pentadbiran Jabatan Penguatkuasaan.



Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Pembantu Penguatkuasa dan Pengawal Keselamatan Siri 1/2015 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada 6 Mei 2015

4.0 LAPORAN AKTIVITI MENGIKUT JABATAN

4.1 Laporan Pengeluaran Kompaun Jabatan Penguatkuasaan Bagi Tahun 2015

UNDANG-UNDANG	JUM. KOMPAUN	KOMPAUN DIBAYAR	JUMLAH KUTIPAN HASIL (RM)	KOMPAUN BELUM DIBAYAR	JUMLAH HASIL BELUM BAYAR (RM)
Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974	3,078	757	115,565.00	2,321	641,110.00
Akta Kerajaan Tempatan 1976	7	2	380.00	5	2,200.00
UUK Vandalisme (MBSA) 2005	42	13	10,800.00	29	29,000.00
UUK Taman (MBSA) 2005	81,486	19,256	1,300,422.50	62,230	8,220,730.00
UUK Pusat Siber Dan Kafe Siber (MBSA) 2007	35	4	2,950.00	31	25,700.00
UUK PKPK (MBSA) 2007	80	1	1,000.00	79	78,200.00
UUK Pasar (MBSA) 2007	58	14	2,685.00	44	17,925.00
UUK PARP (MBSA) 2007	3	2	575.00	1	550.00
UUK Hotel (MBSA) 2007	47	10	9,500.00	37	37,000.00
UUK Iklan (MBSA) 2007	8,455	972	327,345.00	7,483	4,430,680.00
UUK Iklan Pilihanraya (MBSA) 2007	-	-	-	-	-
UUK Penjaja (MBSA) 2007	8,223	453	82,720.00	7,770	2,679,390.00
UUK Establisymen Makanan (MBSA) 2007	481	68	23,720.00	413	258,305.00
UUK PPPSS (MBSA) 2007	78	12	8,775.00	66	40,750.00
UUK Kerja Tanah (MBSA) 2007	-	-	-	-	-
UUK PTPP (MBSA) 2007	2,011	428	157,230.00	1,583	996,130.00
UUK Pengendali Makanan (MBSA) 2007	38	7	2,090.00	31	15,950.00
UUK Kedai Gunting Rambut 1983	-	-	-	-	-
UUK Krematorium (MBSA) 2005	-	-	-	-	-
UUK Perintah Pengangkutan Jalan (MBSA) 2007	11	6	300.00	5	750.00
UUK Pusat Sukan Persendirian (MBSA) 2007	1	-	-	1	750.00
Jumlah Keseluruhan	104,138	22,005	2,046,057.50	82,125	17,475,120.00

4.2 Laporan Operasi Jabatan Penguatkuasaan Bagi Tahun 2015

JENIS OPERASI	JUMLAH OPERASI	JUMLAH HASIL (RM)
Operasi Iklan Tanpa Lesen	1,233	-
Operasi Penjaja (Sitaan / Pemeriksaan)	236	16,790.00
Operasi / Pemeriksaan Premis Perniagaan	13	-
Operasi / Pemeriksaan Pusat Siber	35	500.00
Operasi Halangan (Kerusi meja, motorsikal, awam)	55	18,183.00
Operasi / Pemeriksaan Premis Perindustrian	-	-
Operasi Billboard / Papan tanda pandu arah	8	1,800.00
Operasi Pusat Hiburan (Karaoke, Snooker, CD, VCD, DVD)	6	-
Operasi Pusat Kecantikan / Kesihatan	33	300.00
Operasi Bersepadu (Jabatan Dalamn)	35	-
Operasi Hotel Bajet	-	-
Operasi Bersepadu (Agensi Luar)	11	-
Lain-lain Operasi (Carwash / Kenderaan buruk)	42	13,390.00
Operasi Meninggalkan Peralatan (Penjaja)	14	550.00
Operasi Pelupusan / Pembuangan Sampah Haram	3	2,400.00
Operasi Pembangunan Tanpa Kebenaran (Perobohan)	3	-
Operasi Kerja Tanah	-	-
Lain-lain Operasi	45	-
Jumlah Keseluruhan Operasi	1,772	53,913.00

Catatan Program Sepanjang Tahun 2015

PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
Misi Bantuan Kemanusiaan di Gua Musang, Kelantan (Kumpulan 2)	Gua Musang, Kelantan	7 - 14 Januari 2015
Misi Bantuan Kemanusiaan di Gua Musang, Kelantan (Kumpulan 3)	Gua Musang, Kelantan	14 - 21 Januari 2015
Misi Bantuan Kemanusiaan di Gua Musang, Kelantan (Kumpulan 4)	Gua Musang, Kelantan	19 - 25 Januari 2015
Kursus Komputer Ms Word 2010 (Kumpulan 1)	Bilik Latihan Cattleya Tingkat 3	27 Januari 2015
Kursus Komputer MS Word 2010 (Kumpulan 2)	Bilik Latihan Cattleya Tingkat 3	28 Januari 2015
Kursus Pengiring Rapat Orang Kenamaan (POK) Siri 1/2015	Pasukan Gerakan Am Batalion 2, Kulim, Kedah	11 - 15 Februari 2015
Kursus Komputer Ms Excel	Bilik Latihan Cattleya Tingkat 3	11 Mac 2015
Kursus Komputer MS Power Point	Bilik Latihan Cattleya Tingkat 3	12 Mac 2015
Majlis Konvensyen Inovasi Piala Datuk Bandar MBSA Tahun 2015	Dewan Bankuet	26 - 27 Mac 2015
Kursus Asas Pembantu Penguatkuasa dan Pengawal Keselamatan Siri 1/2015	Stadium Shah Alam	1 April hingga 5 Mei 2015
Kursus Asas Menyelamat Bersama BOMBA	Balai Bomba Seksyen 15, Shah Alam	22 April 2015
Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Pembantu Penguatkuasa dan Pengawal Keselamatan Siri 1/2015	Dataran Kemerdekaan	6 Mei 2015
Majlis Berbuka Puasa Jabatan	Dewan Bankuet	8 Julai 2015

PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
Perbarisan dan Perarakan Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Yang Ke-58	Dataran Kemerdekaan	31 Ogos 2015
Kursus Pemahaman Undang-Undang MBSA	Bilik Latihan Cattleya	9 September 2015
Kursus Team Building Penguatkuasa	Negeri Sembilan	11 - 13 Oktober 2015
Majlis Konvensyen Persada Inovasi Negeri Selangor Tahun 2015	Dewan Jubli Perak S.U.K	22 Oktober 2015
Ujian Kecergasan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP27 dan Pembantu Penguatkuasa Ranjer Taman Gred N17	Stadium Shah Alam	25 November 2015

5.0 PENCAPAIAN JABATAN PENGUATKUASAAN

- Majlis Konvensyen Inovasi Piala Datuk Bandar Shah Alam Tahun 2015 pada 26 Mac 2015 hingga 27 Mac 2015



Kumpulan Be-Young Creative dari Jabatan Penguatkuasaan telah memenangi Naib Johan Pertandingan Inovasi Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam Tahun 2015

- Kursus Asas Pembantu Penguatkuasa dan Pengawal Keselamatan Siri 1/2015 di Stadium Shah Alam pada 1 April 2015 hingga 5 Mei 2015



Seramai 36 orang telah melapor diri terdiri daripada 29 orang Pembantu Penguatkuasa dan 7 orang Pengawal Keselamatan

- Kursus Asas Menyelamat Bersama BOMBA di Balai Bomba & Penyelamat Seksyen 15, Shah Alam pada 22 April 2015



Seramai 36 orang anggota Pembantu Penguatkuasa dan Pengawal Keselamatan dalam mempelajari kursus asas menyelamat



JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM

A. UNIT OPERASI KAWALAN KEBERSIHAN BANDAR

Unit Operasi Kawalan Kebersihan Bandar merupakan Unit yang mengawal selia kerja-kerja pembersihan kawasan dan kutipan sampah. Unit ini terbahagi kepada 3 zon utama iaitu Zon Tengah, Selatan Dan Utara.

1.0 KAWALSELIA PEMBERSIHAN AWAM

Perkhidmatan pembersihan awam (sapuan jalan, potongan rumput, pembersihan longkang, pasar, gerai, tandas dan kutipan sampah kebun / pukal / haram) di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Majlis secara Sebutharga dan Tender.

1.1 KONTRAKTOR PEMBERSIHAN AWAM DI KAWASAN MAJLIS BAGI TAHUN 2015

- Jumlah Kontraktor Pembersihan Awam Bagi Tahun 2015 Mengikut Zon adalah seperti berikut:

ZON	JUMLAH KONTRAKTOR PEMBERSIHAN AWAM TAHUN 2015
TENGAH (SEK. 1-22, U1-U2, U8, U11-U13)	97
SELATAN (SEK. 23-36)	69
UTARA (SEK. U3-U7, U9-U10, U14-U20)	57

- Pecahan Kontraktor Mengikut Zon (Pembersihan Kawasan, Pembersihan Pasar / Gerai Majlis dan Pembersihan Longkang Besar)

ZON	JUMLAH KONTRAKTOR PEMBERSIHAN AWAM TAHUN 2015		
	KAWASAN	PASAR / GERAI	LONGKANG BESAR
TENGAH	73	11	12
SELATAN	56	6	7
UTARA	48	5	4
Jumlah	177	22	23

1.2 PERUNTUKAN PERBELANJAAN


- Peruntukan perbelanjaan bagi perkhidmatan pembersihan awam di kawasan Majlis pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	BIL. KONTRAKTOR	KOS (RM)	
		SEBULAN	SETAHUN
Pembersihan Kawasan	177	2,937,131.76	35,245,581.07
Pembersihan Longkang Besar	23	202,144.17	2,425,730.00
Pembersihan Gerai dan Pasar Majlis	22	227,858.33	2,734,300.00
Jumlah	223	3,367,134.26	40,405,611.07

1.3 TINDAKAN PENGUATKUASAAN KEPADA KONTRAKTOR PEMBERSIHAN MAJLIS

- Tindakan Pengeluaran "Notice To Correct" (NTC) Kepada Kontraktor Pembersihan Awam Bagi Tahun 2015

BULAN	JUMLAH PENGELUARAN NTC TAHUN 2015	JUMLAH PEMOTONGAN BAYARAN (RM)
JANUARI	289	26,850.00
FEBRUARI	159	12,000.00
MAC	322	22,950.00
APRIL	225	19,000.00
MEI	226	17,500.00
JUN	408	47,300.00
JULAI	439	32,950.00
OGOS	439	30,950.00
SEPTEMBER	214	12,100.00
OKTOBER	483	35,050.00
NOVEMBER	467	41,100.00
DISEMBER	348	34,300.00
Jumlah	4,019	332,050.00



Jumlah Pengeluaran NTC Tahun 2015

2.0 KAWALSELIA KUTIPAN SISA DOMESTIK

Perkhidmatan kerja-kerja kutipan sisa domestik di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Majlis secara Sebutharga dan Tender.

2.1 KONTRAKTOR KUTIPAN SISA DOMESTIK DI KAWASAN MAJLIS BAGI TAHUN 2015

- Jumlah Kontraktor Kutipan Sisa Domestik Bagi Tahun 2015 Mengikut Zon adalah seperti berikut:

ZON	JUMLAH KONTRAKTOR KUTIPAN SISA DOMESTIK TAHUN 2015
TENGAH (SEK. 1-22, U1-U2, U8, U11-U13)	30
SELATAN (SEK. 23-36)	11
UTARA (SEK. U3-U7, U9-U10, U14-U20)	11



JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM


2.2 PERUNTUKAN PERBELANJAAN

- Peruntukan perbelanjaan bagi perkhidmatan kutipan sisa domestik di kawasan Majlis pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

ZON	BIL. KONTRAKTOR	KOS (RM)	
		SEBULAN	SETAHUN
TENGAH	30	656,892.42	7,882,709.04
SELATAN	11	495,436.90	5,945,242.80
UTARA	11	553,813.74	6,645,764.88
Jumlah	52	1,706,143.06	20,473,716.72

2.3 TINDAKAN PENGUATKUASAAN KEPADA KONTRAKTOR KUTIPAN SISA DOMESTIK MAJLIS

- Tindakan Pengeluaran "Notice To Correct" (NTC) Kepada Kontraktor Kutipan Sisa Domestik Bagi Tahun 2015




Jumlah Pengeluaran NTC Domestik Bagi Tahun 2015

3.0 ADUAN PEMBERSIHAN AWAM & KUTIPAN SISA DOMESTIK BAGI TAHUN 2015

3.1 JUMLAH ADUAN DITERIMA MENGIKUT BULAN


- Sebanyak 1,843 aduan berkaitan Pembersihan Awam & Sisa Domestik yang telah diterima pada tahun 2015



Aduan Pembersihan Awam & Kutipan Sisa Domestik Bagi Tahun 2015

	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS
Pembersihan Awam	179	211	186	194	169	149	142	150	153	274	265	230
Sisa Domestik	93	100	69	63	50	84	111	48	122	79	92	59

3.2 JENIS-JENIS ADUAN PEMBERSIHAN AWAM



Aduan Pembersihan Awam Bagi Tahun 2015


4.0 PERBELANJAAN PELUPUSAN SAMPAH PEMBERSIHAN DAN SISA DOMESTIK BAGI TAHUN 2015

4.1 SEBANYAK RM12,887,043.92 TELAH DIGUNAKAN BAGI KOS PELUPUSAN SAMPAH PEMBERSIHAN DAN SISA DOMESTIK DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MBSA BAGI TAHUN 2015.

BULAN	BAYARAN PELUPUSAN SAMPAH PEMBERSIHAN (RM)	BAYARAN PELUPUSAN SAMPAH DOMESTIK (RM)
JANUARI	246,798.78	708,992.77
FEBRUARI	229,799.82	658,155.90
MAC	264,912.18	717,750.99
APRIL	299,584.94	699,428.86
MEI	283,935.37	741,759.71
JUN	285,123.17	631,788.23
JULAI	267,886.56	695,185.23
OGOS	306,738.03	776,170.68
SEPTEMBER	293,219.97	765,215.11
OKTOBER	337,148.8	844,789.93
NOVEMBER	327,916.77	813,801.11
DISEMBER	330,794.61	900,603.38
Jumlah	3,547,603.10	9,339,440.82

4.2 PELUPUSAN SISA PEMBERSIHAN DAN SAMPAH KEBUN / PUKAL / HARAM

Bagi tahun 2015, sejumlah **92,457.10** metrik tan sampah pembersihan dan sampah kebun / pukal / haram (KPH) telah dihasilkan di dalam kawasan pentadbiran MBSA dan dilupuskan di tapak pelupusan sampah di Jeram, Dengkil dan Kuang.



Pelupusan Sampah Pembersihan Dan Sampah Kebun / Pukal / Haram (KPH) Di Tapak Pelupusan Sampah

BULAN	JERAM (METRIK TAN)	DENGKIL (METRIK TAN)	KUANG (METRIK TAN)
JANUARI	4,810.38	893.91	972.84
FEBRUARI	4,410.22	932.61	878.46
MAC	5,201.78	1,079.28	1,042.65
APRIL	5,736.64	975.7	1,118.27
MEI	5,476.76	859.96	1,034.75
JUN	5,613.77	908.62	1,207.63
JULAI	5,233.58	669.51	1,156.66
OGOS	6,232.25	411.48	1,381.36
SEPTEMBER	5,901.77	787.44	1,379.16
OKTOBER	6,663.85	881.55	1,266.82
NOVEMBER	6,548.44	844.12	1,252.42
DISEMBER	6,634.53	860.88	1,197.05

4.3 PELUPUSAN SISA DOMESTIK

Bagi tahun 2015, sejumlah **185,859.22** metrik tan sampah sisa domestik yang telah dihasilkan di dalam kawasan pentadbiran MBSA telah dilupuskan di tapak pelupusan sampah sanitari di Jeram dan Transfer Station Seksyen 21, Shah Alam.

BULAN	JERAM (METRIK TAN)	TRANSFER STATION SEKSYEN 21 (METRIK TAN)
JANUARI	10,112.37	5,343.88
FEBRUARI	8,126.17	5,664.04
MAC	10,727.91	5,136.27
APRIL	10,090.92	5,207.68
MEI	8,430.45	6,789.52
JUN	9,198.23	4,657.66
JULAI	10,885.85	4,698.60
OGOS	8,787.86	7,123.28
SEPTEMBER	7,469.96	7,688.56
OKTOBER	7,950.88	8,653.11
NOVEMBER	9,352.52	6,677.71
DISEMBER	8,870.82	8,214.97

B. UNIT PERSIARAN

5.0 PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN PERSIARAN (JALAN UTAMA / JALAN PROTOKOL) DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA) DILAKSANAKAN OLEH KONTRAKTOR YANG DILANTIK OLEH MAJLIS SECARA SEBUTHARGA DAN TENDER.

5.1 KONTRAKTOR PEMBERSIHAN PERSIARAN DI KAWASAN MAJLIS BAGI TAHUN 2015

- Jumlah Kontraktor Pembersihan Persiaran Bagi Tahun 2015 Mengikut Zon adalah seperti berikut:

ZON	JUMLAH KONTRAKTOR PEMBERSIHAN PERSIARAN TAHUN 2015
TENGAH (SEK. 1-22, U1-U2, U8, U11-U13)	18
SELATAN (SEK. 23-36)	25
UTARA (SEK. U3-U7, U9-U10, U14-U20)	10

5.2 PERUNTUKAN PERBELANJAAN

- Peruntukan perbelanjaan bagi perkhidmatan pembersihan persiaran di kawasan Majlis pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

ZON	BIL. KONTRAKTOR	KOS (RM)	
		SEBULAN	SETAHUN
TENGAH	18	129,127.66	1,549,531.92
SELATAN	25	197,813.17	2,373,757.99
UTARA	10	75,037.64	900,451.68
Jumlah	53	401,978.47	4,823,741.59

5.3 TINDAKAN PENGUATKUASAAN KEPADA KONTRAKTOR PEMBERSIHAN PERSIARAN MAJLIS

- Tindakan Pengeluaran "Notice To Correct" (NTC) Kepada Kontraktor Pembersihan Persiaran Bagi Tahun 2015

BULAN	JUMLAH PENGELUARAN NTC TAHUN 2015	JUMLAH PEMOTONGAN BAYARAN (RM)
JANUARI	17	14,900.00
FEBRUARI	25	11,800.00
MAC	34	9,400.00
APRIL	16	7,800.00
MEI	12	6,000.00
JUN	82	22,750.00
JULAI	24	6,000.00
OGOS	9	2,400.00
SEPTEMBER	6	1,500.00
OKTOBER	34	8,800.00
NOVEMBER	42	11,100.00
DISEMBER	33	14,600.00
Jumlah	227	117,050.00




JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM

6.0 BANTUAN PERALATAN DAN LOGISTIK BAGI AKTIVITI GOTONG-ROYONG BERDASARKAN PERMOHONAN YANG DITERIMA PADA TAHUN 2015

BULAN	JUMLAH AKTIVITI GOTONG ROYONG TAHUN 2015
JANUARI	9
FEBRUARI	15
MAC	30
APRIL	33
MEI	36
JUN	21
JULAI	3
OGOS	6
SEPTEMBER	16
OKTOBER	16
NOVEMBER	11
DISEMBER	6
Jumlah	202

7.0 PERKHIDMATAN SEWAAN TONG RORO BAGI SISA BINAAN PADA TAHUN 2015

Perkhidmatan sewaan tong RORO bagi sisa binaan telah dijalankan mulai 1 Mei 2014. Kadar bayaran perkhidmatan tong RORO saiz 3 Tan adalah RM 270.00 dan tong RORO saiz 7 Tan adalah RM 420.00. Pihak Majlis juga telah menetapkan penggunaan tong RORO yang seragam di kawasan pentadbiran MBSA seperti gambarajah berikut:



Jumlah permohonan tong RORO dan bayaran bagi sisa binaan yang diterima bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

BULAN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH BAYARAN (RM)	JUMLAH CAGARAN (RM)
JANUARI	147	39,690	147,000
FEBRUARI	103	27,810	103,000
MAC	156	42,120	156,000
APRIL	117	31,590	117,000
MEI	101	27,270	100,000
JUN	100	27,000	101,000
JULAI	183	49,410	183,000
OGOS	206	55,620	206,000

BULAN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH BAYARAN (RM)	JUMLAH CAGARAN (RM)
SEPTEMBER	226	61,020	226,000
OKTOBER	95	25,650	95,000
NOVEMBER	79	21,330	79,000
DISEMBER	81	21,870	81,000
Jumlah	1,594	430,380	1,594,000

8.0 PERKHIDMATAN SEWAAN TONG SAMPAH BAGI MAJLIS PERKAHWINAN PADA TAHUN 2015

Perkhidmatan sewaan tong sampah bagi tujuan majlis perkahwinan telah dijalankan mulai Mac 2014. Kadar bayaran perkhidmatan 3 unit Tong MGB 660L adalah RM 200.00. Penghantaran tong dan pelupusan sampah dijalankan oleh Unit 'in-house' Bahagian Pembersihan Awam.

Tong sampah 'Mobile Garbage Bin' (MGB 660L) yang dihantar bagi setiap permohonan adalah seperti berikut:



9.0 KAWALAN TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Jabatan telah mengenalpasti beberapa lokasi tapak pembuangan sampah haram di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam seperti jadual di bawah:

LOKASI	KATEGORI
Lot 1259, Jalan Mantap, 25/126, Taman Sri Muda, Seksyen 25	Hotspot
Jalan Pengaturcara, U1/51, Seksyen U1	Hotspot
Lot No. 2, Jalan U1/86, Seksyen U1	Hotspot
Hadapan Lot 1300, Bt. 8, Jalan Bukit Kemuning	Hotspot
Jalan U3/38, Seksyen U3	Hotspot
Lot No. 4, Jalan Setia Perdana, U13/24, Seksyen U13	Hotspot
Penghujung Jalan Persiaran. Sg Hampar Berhampiran Kilang PKT, Seksyen 32	Hotspot
Tanah Rezab JPS & TNB bersempadan Lot 37058, Kg. Baru Sg. Buloh, Seksyen U4	Tapak Pelupusan
Jalan Bulan BW, U5/BW, Seksyen U5	Hotspot
Hadapan Lot 719-9, Jalan Sg. Rasau, Seksyen 16	Hotspot
Persiaran Atmosfera Subang 2, Seksyen U5	Hotspot
AMJ Industrial Park, Seksyen 36	Hotspot
Tanah Rezab JPS, Bukit Kemuning, Seksyen 26	Tapak Pelupusan
Tapak Balai Polis Lama Bersama Giatmara, Seksyen U1	Hotspot
Jalan Saujana Indah 10, TTDI Jaya, Seksyen U2	Hotspot
Jalan President F, U1/F, Seksyen U1	Hotspot
Lot PT 12, Persiaran Selangor, Seksyen 15	Hotspot
Tanah Lot Pembangunan akan datang Kilang Teres & Kedai Kos Rendah di Jalan Tiang U8/J & Jalan Tiang U8/94, Seksyen U8	Hotspot

OPERASI PENGINTIPAN DAN CEKUP SAMPAH HARAM DI SEKSYEN U1



Pemantauan tapak sampah haram bagi mengenalpasti individu yang membuang sampah secara haram

PEMBERSIHAN SAMPAH HARAM DI LUAR SKOP KERJA KONTRAKTOR PEMBERSIHAN AWAM



Pembersihan sampah haram di jalan JKR

PEMBERSIHAN KAWASAN PERSIARAN MENGGUNAKAN "ROAD SWEEPER"



Pembersihan jalan persiaran dengan menggunakan 'road sweeper'

C. PROGRAM-PROGRAM ANJURAN JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM

Sepanjang tahun 2015, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam telah melaksanakan pelbagai program yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat. Tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk mempromosikan perkhidmatan yang diberi oleh pihak Jabatan serta medium perantaraan antara penduduk dan majlis untuk berhubung.

SEMINAR PENGURUSAN SAMPAH (SISA BINAAN)

Tarikh : 11 Mac 2015 (Rabu)
Tempat : Dewan Banquet Setia Alam, Seksyen U13
Masa : 08.00 pagi hingga 1.00 tengahari

Objektif

- Memberi pendedahan kepada peserta berkaitan kaedah pengurusan dan pelupusan sisa binaan yang betul dan sistematik.
- Menyelesaikan masalah peningkatan pembuangan sisa binaan secara haram yang semakin meruncing di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam.
- Mempromosikan perkhidmatan sewaan tong roro yang disediakan oleh pihak Majlis bagi memudahkan pembuangan sisa binaan oleh penduduk Shah Alam.



MAJLIS PELANCARAN PUSAT PENGKOMPOSAN SISA MAKANAN DI PASAR MODEN SEKSYEN 6 SHAH ALAM

Tarikh : 08 Disember 2015 (Selasa)
Masa : 12.00 tengahari
Tempat: Tapak Parkir Pasar Modern Seksyen 6
Jumlah Peserta : 60 orang

Objektif Program

Pusat pengkomposan ini dibina bagi tujuan memproses lebihan sisa makanan dari pasar awam kepada baja kompos seterusnya dapat mengurangkan sisa yang dibuang ke tapak pelupusan. Selain itu, secara tidak langsung dapat mendidik peniaga bagi mengamalkan amalan kitar semula dalam kehidupan mereka.



Pelancaran telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Ahmad Zaharin bin Mohd Saad, Datuk Bandar Shah Alam

PROJEK RINTIS PROGRAM PENGASINGAN SAMPAH DARI RUMAH

Lokasi Terlibat : Seksyen 7, 32, U8, U13 dan U16
Bil. Rumah Terlibat : 1,859 unit (Rumah Teres)
Tempoh Program : Oktober 2015 – Oktober 2016
Data Pengasingan Sisa: Okt – Dis 2015

KAWASAN	OKT	NOV	DIS	JUMLAH (MT)
SEKSYEN 7	177.00	862.50	671.50	1,711.00
SEKSYEN U8	884.50	1,164.50	810.00	2,859.00
SEKSYEN U13	505.25	798.30	1,037.80	2,341.35
SEKSYEN U16	1,384.10	1,816.40	1,393.40	4,593.90
SEKSYEN 32	695.90	906.00	334	1,935.90
Jumlah	3,646.75	5,547.70	4,246.70	13,441.15



Banner dan bunting bagi mempromosikan / pemberitahuan program kepada penduduk terlibat



79

**Bahagian
Teknologi
Maklumat**

81

**Bahagian
Audit Dalam**

85

**Bahagian
Perundangan**



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

1.0 PROFIL

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bertanggungjawab menyediakan infrastruktur teknologi maklumat kepada warga MBSA bagi meningkatkan produktiviti selaras dengan objektif MBSA untuk mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dalam semua urusan perkhidmatan. Di antara peranan Bahagian adalah;

- Merancang dan membangunkan pelaksanaan teknologi maklumat (IT) secara menyeluruh merangkumi semua bidang kerja Majlis.
- Memberi kemudahan kepada warga kerja MBSA di dalam penggunaan teknologi maklumat (IT).
- Memastikan warga kerja MBSA dibekalkan dengan kelengkapan teknologi maklumat (IT) yang mencukupi dan terkini.

Bahagian Teknologi Maklumat terbahagi kepada 3 bahagian utama dengan kekuatan kakitangan seramai 39 orang.

- Bahagian Operasi, Teknikal dan Pentadbiran Am
- Bahagian Penyelenggaraan Sistem
- Bahagian Kajian, Pembangunan Sistem dan Multimedia

1.1 VISI DAN MISI

Visi dan misi ICT MBSA dibangunkan seiring dengan visi dan misi MBSA. Ia dirangka dengan mengambil kira setiap aspek ICT yang boleh menyokong pentadbiran MBSA ke arah kecemerlangan perkhidmatan Kerajaan Negeri Selangor.

• Visi Bahagian

ICT Pemacu Transformasi Perkhidmatan MBSA Yang Cemerlang

• Misi Bahagian

- > Memperkasakan Aplikasi Dan Infrastruktur ICT Bagi Meningkatkan Kecekapan Dan Integriti Sistem Penyampaian Kepada Pelanggan
- > Mempertingkatkan Pengetahuan, Keupayaan Dan Kemahiran ICT Bagi Melahirkan Warga Kerja Yang Kompeten Dan Berdaya Saing

1.2 FUNGSI

- Merancang dan menguruskan perolehan perkakasan, perisian, sistem rangkaian dan sistem aplikasi komputer Majlis.
- Merancang dan menjalankan program pengkomputeran aplikasi pentadbiran Majlis.
- Menguruskan perolehan prasarana teknologi maklumat untuk kegunaan Majlis.
- Mengendali dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi Majlis.
- Merekabentuk sistem aplikasi untuk menyokong operasi Majlis.
- Merancang dan mengurus program latihan ICT.
- Melaksanakan khidmat rundingan dan latihan.

1.3 PIAGAM PELANGGAN

- Memberi maklum balas aduan ICT dalam tempoh 24 jam hari bekerja.
- Menyelenggara kerosakan perkakasan dan rangkaian dalam tempoh 14 hari bekerja.
- Menyelenggara sistem aplikasi secara dalaman dalam tempoh 10 hari bekerja.

- Memproses bil-bil bayaran dalam tempoh 3 hari bekerja untuk serahan kepada Jabatan Kewangan tertakluk kepada dokumentasi yang lengkap.
- Memberi maklum balas aduan iResponz dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

2.0 LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN TAHUN 2015

2.1 PERSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT ISO/IEC 27001:2013 (ISMS ISO/IEC 27001:2013)

Majlis Bandaraya Shah Alam telah berjaya mendapat persijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 (ISMS ISO/IEC 27001:2013) pada 24 April 2015 dari SIRIM QAS International Sdn Bhd. Tempoh sah persijilan ini selama 3 tahun bermula 24 April 2015 – 23 April 2018. Skop persijilan adalah melibatkan pengurusan keselamatan maklumat bagi pengoperasian sistem-sistem utama Majlis.




2.2 PEMBANGUNAN SISTEM GST

Sejajar dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, Bahagian Teknologi Maklumat telah membangunkan Sistem GST MBSA secara dalaman bagi menyelaraskan kod hasil GST. Sistem ini mula digunakan oleh Jabatan Kewangan pada April 2015.



2.3 PEMBANGUNAN SISTEM PERUNDANGAN BERPUSAT (I-SPUB)

Sistem Perundangan Berpusat atau i-SPUB adalah sistem aplikasi yang dibangunkan berasaskan web yang merekod dan mengemaskini data-data pelarasan dan perundangan secara berpusat. Sistem ini siap dibangunkan pada Oktober 2015 dan digunakan oleh Bahagian Perundangan.



Sistem Perundangan Berpusat MBSA (I-SPUB)

2.4 PROJEK NAIKTARAF TALIAN INTERNET MBSA

Pada tahun 2015, perkhidmatan talian internet di Wisma MBSA termasuk 5 lokasi luar iaitu Pejabat Cawangan Sungai Buloh, Pejabat Cawangan Kota Kemuning, Pejabat Cawangan Setia Alam, Pejabat Bengkel Seksyen 17 dan Pejabat Pengurusan Stadium telah dinaiktaraf. Projek naiktaraf ini dilaksanakan bagi menyediakan perkhidmatan talian internet yang lebih laju dan menampung keperluan penggunaan internet yang semakin meningkat di MBSA.



2.5 BENGKEL PENGUKUHAN PERKHIDMATAN DALAM TALIAN (ePS) MBSA

Penganjuran Bengkel Pengukuhan Perkhidmatan Dalam Talian (ePS) MBSA diadakan pada 01 - 03 Mac 2015 di Carlton Hotel, Shah Alam telah disertai seramai 83 orang peserta dari pelbagai Jabatan / Bahagian / Pejabat Cawangan MBSA.

Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk:

1. Memastikan perkhidmatan-perkhidmatan dalam talian MBSA adalah berkualiti dan memenuhi keperluan dan ekspektasi pelanggan serta pentauliahan MTSA yang diterima;
2. Penekanan kepada integriti perkhidmatan yang ingin disampaikan kepada pelanggan MBSA khususnya berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh MDeC dan MAMPU;
3. Membincangkan, menentukan dan mengukuhkan penjenamaan kepada ePS, fungsi-fungsi dan perkhidmatan di Jabatan-Jabatan MBSA yang boleh ditawarkan kepada pelanggan MBSA secara dalam talian bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan MBSA;
4. Selaras dengan KPI yang telah ditetapkan oleh MAMPU untuk memusatkan dan melaksanakan sekurang-kurangnya 90% perkhidmatan secara dalam talian menjelang tahun 2015.



3.0 PENCAPAIAN BAHAGIAN TAHUN 2015

3.1 PENILAIAN PORTAL DAN LAMAN WEB MALAYSIA (MALAYSIA GOVERNMENT PORTALS & WEBSITES ASSESEMENT)

Laman Web Majlis Bandaraya Shah Alam, www.mbsa.gov.my berjaya mengekalkan penarafan 5 Bintang bagi Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia Anjuran MDEC pada tahun 2015.



A. PROFIL BAHAGIAN AUDIT DALAM

1.0 PENGENALAN

Bahagian Audit Dalam, telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 di dalam Undang-Undang Kecil (Prosedur Kewangan Perakaunan) Pihak Berkuasa Tempatan 1996 pada 2 Jun 1997. Pada mulanya, Bahagian Audit Dalam dikenali sebagai Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam.

Bahagian Audit Dalam telah distruktur semula pada 2 Julai 2015 seperti berikut:

- Nama Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam ditukar kepada Bahagian Audit Dalam.
- Bahagian Pengaduan Awam distrukturkan dan diletakkan di bawah Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam.

2.0 FUNGSI DAN PERANAN

Peranan Bahagian Audit Dalam adalah membantu pihak pengurusan mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin serta menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Di samping itu juga, Bahagian juga berfungsi memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi MBSA.

Berikut adalah fungsi Bahagian Audit Dalam:

- Merancang Aktiviti Tahunan Audit
- Melaksanakan Kajian Khas
- Melaksanakan Pengauditan Ke Atas Pengurusan Kewangan / Prestasi
- Melaksana Urusan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat
- Melaksanakan Ujian Ketebalan Jalan
- Melaksanakan Pengauditan Mengejut
- Menyelaras dan Melaksanakan Pengauditan MS ISO 9001 / IEC 27001 / Pengauditan 5S

B. LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN AUDIT DALAM

1.0 AKTIVITI BAHAGIAN AUDIT DALAM

Sepanjang Tahun 2015, terdapat beberapa aktiviti bagi Bahagian Audit Dalam yang telah dirancang seperti berikut:

AKTIVITI BAHAGIAN AUDIT DALAM		PENCAPAIAN
Auditan Pematuhan:		
Bertanggungjawab merancang dan mengesahkan pengauditan pematuhan sebanyak dua (2) kali setahun:		
i. Auditan Pematuhan Ke Atas Pengurusan Hasil Cukai		70%
ii. Auditan Pematuhan Ke Atas Kutipan Hasil-Lesen Industri		70%
Kajian Prestasi:		
Bertanggungjawab merancang dan mengesahkan pengauditan kajian prestasi sebanyak empat (4) kali setahun:		
i. Auditan Prestasi Kontraktor Pangkasan Pokok		70%
ii. Auditan Prestasi Kontraktor Penyelenggaraan Parit dan Longkang		0%
iii. Auditan Prestasi Kontraktor 'Back up' bagi Kutipan Sampah Domestik		100%
iv. Auditan Pengurusan Tapak Pasar Malam Seksyen U13		100%

AKTIVITI BAHAGIAN AUDIT DALAM		PENCAPAIAN
Auditan Kualiti Dalam:		
Bertanggungjawab merancang dan mengesahkan tiga (3) laporan auditan kualiti dalam:		
i. Audit Kualiti MS ISO 9001:2008		0%
ii. ISMS 27001 : 2013		100%
iii. 5S-QE		100%
Urusetia Mesyuarat:		
Menjadi urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat sebanyak tiga (3) kali setahun. Namun, mesyuarat telah diadakan melebihi tiga (3) kali iaitu pada:-		
i. 13/3/2015		233%
ii. 17/4/2015		
iii. 11/5/2015		
iv. 18/6/2015		
v. 18/9/2015		
vi. 1/10/2015		
vii. 26/11/2015		
Auditan Mengejut Kaunter:		
Bertanggungjawab menjalankan pengauditan mengejut kaunter di Kaunter Utama G, Kaunter Pandu Masuk, Kaunter Jabatan Pelesenan, Kaunter OSC, Kaunter Pejabat Cawangan, Panjar Wang Runcit MPP dan Kewangan, "Franking Machine" sebanyak dua (2) kali setahun.		100%
Kajian Khas:		
Bertanggungjawab menjalankan pengauditan kajian khas sebanyak tujuh (7) kali setahun:		
i. Auditan Pengurusan Hasil Tempat Letak Kereta		100%
ii. Auditan Pengurusan Permit Lesen Kerusi Meja bagi Premis Makanan		100%
iii. Auditan Khas Belanja Pembangunan- Bangunan Perniagaan		0%
iv. Auditan Khas Belanja Pembangunan Infrastruktur		0%
v. Auditan Pengurusan Tadika MBSA		100%
vi. Kajian Khas Statistik Kenderaan Majlis yang Terlibat dengan Kemalangan		100%
viii. Auditan Pengurusan Permit Korekan Jalan		45%
Pengerusi Jawatankuasa Membuka Tender:		
Membuka sebutharga dan tender		87%
12 kali setahun		
Menjalankan 'Coring Test':		
Menjalankan 'Coring Test'		265%
48 kali setahun		

2.0 RINGKASAN LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN AUDIT DALAM

Berikut adalah ringkasan laporan aktiviti Bahagian Audit Dalam:

i. Auditan Pematuhan:

Pihak Bahagian Audit Dalam telah merancang untuk menjalankan Auditan Pematuhan Ke Atas Pengurusan Hasil Cukai dan Auditan Pematuhan Ke Atas Kutipan Hasil-Lesen Industri. Sehingga kini, kedua-dua aktiviti tersebut masih lagi dalam proses auditan. Laporan penuh bagi kedua-dua auditan tersebut dijangka siap pada akhir bulan Disember ini.

ii. Kajian Prestasi:


a. Auditan Prestasi Kontraktor Pangkasan Pokok

Sehingga kini, aktiviti tersebut masih lagi dalam proses auditan. Laporan penuh bagi auditan tersebut dijangka siap pada akhir bulan Disember ini.


b. Auditan Prestasi Kontraktor Penyelenggaraan Parit dan Longkang

Hasil semakan audit mendapat, terdapat tiga (3) penemuan audit yang perlu diambil perhatian seperti berikut:

1. Gambar yang dikemukakan oleh Syarikat GCT Work Ent (302/2013), NM Edora (SH301/2013) dan ASDA Engineering (SH 300/2013) dalam tuntutan bulanan menggunakan gambar yang berulang dan didapati pihak syarikat telah meminda tarikh di gambar tersebut.



2. Kontraktor kawasan didapati tidak menjalankan kerja-kerja pembersihan seperti yang telah disyaratkan dalam skop kerja yang telah ditetapkan.



3. Pengesahan kerja siap telah disahkan oleh Pembantu Tadbir Operasi (N17) di mana tugas hakikinya adalah berkaitan kerja-kerja pentadbiran dan bukannya ke lokasi untuk mengesahkan kerja siap.



c. Auditan Prestasi Kontraktor 'Back up' bagi Kutipan Sampah Domestik

Pihak Audit telah membuat semakan ke atas dokumen berkaitan prestasi kontraktor "back up". Hasil semakan, pihak Audit telah mengesyorkan beberapa cadangan seperti berikut:

1. Penyelia aduan di Pejabat Cawangan dan seluruh Jabatan yang berkaitan aduan secara amnya memberi maklumbalas aduan dengan tepat dan lengkap. Sebagai contoh aduan berkenaan sampah tidak dikutip di Pejabat Cawangan Sungai Buloh (PCSB). PCSB sepatutnya memberikan maklumbalas dengan memberikan maklumat berikut:
 - i. Nama penyelia kawasan
 - ii. Nama kontraktor kawasan dan nombor telefon
 - iii. Jadual kutipan sampah yang jelas (hari)
 - iv. Tarikh lawatan tapak / semasa siasatan dijalankan jika ada
 - v. Tarikh kerja selesai sekiranya dapat dilakukan segera
 - vi. Maklumat "automatic vehicles locating system" (AVLS) sekiranya terdapat aduan menyatakan kontraktor kawasan tidak menjalankan kerja-kerja kutipan.
 - vii. Maklumat NTC sekiranya ada. Ini bagi memudahkan maklumat disampaikan kepada pengadu dengan tepat tanpa pertikaian. Pengadu juga dapat membantu Majlis dari segi pemantauan jadual kutipan serta dapat menghubungi terus kontraktor dan secara tidak langsung dapat mengurangkan aduan dan tindakan dapat diambil lebih pantas.
2. Penambahbaikan bagi baucer bayaran, disarankan supaya Jabatan kewangan mensyaratkan jadual kerja dan jadual pekerja dilampirkan bagi tujuan pengesahan kerja yang telah dilakukan dan jumlah pekerja mencukupi.
3. Notis Tindakan Pembetulan (NTC) perlu dikeluarkan terhadap aduan yang didapati benar terhadap kontraktor yang gagal.

iii. Auditan Kualiti Dalam:

a. Audit Kualiti MS ISO 9001:2008

Sehingga kini, audit Kualiti Dalam ISO 9001:2008 tidak dijalankan kerana terdapat beberapa prosedur utama dan sokongan perlu dipinda oleh jabatan yang terlibat.

b. ISMS 27001 : 2013

Auditan dalaman telah dijalankan pada 23 dan 24 Mac 2015. Hasil daripada auditan tersebut, sebanyak dua (2) *Non Conformance Report (NCR)* dan 11 *Opportunities for Improvement (OFI)* telah dikeluarkan kepada jabatan yang terlibat.

c. 5S-QE

Auditan dalaman telah dijalankan pada 7 dan 8 April 2015 di semua Jabatan / Bahagian / Pejabat Cawangan. Sebanyak tiga (3) kategori dan empat (4) skop telah diaudit iaitu skop Sudut Interaktif 5S, Ruang Pejabat, Tadbir Urus dan Inovasi dan Ruang Umum.



iv. Urusetia Mesyuarat:

Bahagian Audit telah menjadi urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat seperti yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling SPBT Bil 5/2010. Sehingga kini, mesyuarat tersebut telah diadakan sebanyak tujuh (7) kali seperti berikut:



v. Auditan Mengejut Kaunter:

Bahagian Audit Dalam bertanggungjawab menjalankan pengauditan mengejut kaunter di Kaunter Utama G, Kaunter Pandu Masuk, Kaunter Jabatan Pelesenan, Kaunter OSC, Kaunter Pejabat Cawangan, Panjar Wang Runcit MPP dan Kewangan, "Franking Machine" sebanyak dua (2) kali setahun. Bagi Tahun 2015, auditan mengejut kali 1/2015 telah dijalankan pada 24, 28 dan 29 April 2015 manakala kali 2/2015 telah dilaksanakan pada akhir bulan Disember 2015.



vi. Kajian Khas:

Pihak Bahagian Audit Dalam telah merancang untuk menjalankan kajian khas antaranya Auditan Khas Belanja Pembangunan-Bangunan Perniagaan, Auditan Khas Belanja Pembangunan Infrastruktur dan Auditan Pengurusan Permit Korekan Jalan. Sehingga kini, ke semua aktiviti tersebut masih belum dijalankan. Auditan tersebut dijangka akan dijalankan pada tahun 2016.

Di samping itu, terdapat juga auditan yang telah selesai dijalankan seperti berikut:

a. Audit Pengurusan Hasil Tempat Letak Kereta

Terdapat lima (5) penemuan audit yang perlu diambil perhatian iaitu tamat tempoh sewaan tapak, sewaan petak letak kereta berselang, tanjakan, petak tempat kereta khas tidak diselenggara dan data di dalam Sistem SAIIS berbeza.

b. Auditan Bersepadu Permit Kerusi Meja Dan Tambahan Pindaan dan Kebersihan Restoran Di Bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam

Auditan tersebut telah dijalankan pada 16 hingga 18 Disember 2014 di restoran sekitar Seksyen 7 (kawasan tumpuan pelajar pengajian tinggi). Jabatan yang terlibat bagi auditan ini adalah Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Bangunan, Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Bahagian Audit Dalam.

Berikut adalah jumlah kompaun dan notis yang dikeluarkan hasil daripada auditan bersepadu yang telah dijalankan:

JABATAN YANG MENGELUARKAN KOMPAUN DAN NOTIS	JUMLAH KOMPAUN	JUMLAH NOTIS	JUMLAH KESELURUHAN
Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan	75	5	80
Jabatan Bangunan	-	45	45
Jabatan Kesihatan Persekitaran	46	17	63

c. Auditan Pengurusan Tadika Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

Terdapat 14 penemuan audit yang perlu diambil perhatian oleh pihak Jabatan seperti berikut:

1. Status terkini tadika Majlis dikenalpasti
2. Keadaan fizikal tadika Majlis yang kurang memuaskan
3. Proses penyerahan tadika mengambil masa yang lama
4. Kawasan persekitaran tadika Majlis tidak dijaga / diselenggara
5. Terdapat penyewa / operator tadika yang membuat tambahan binaan
6. Pemantauan fizikal tadika Majlis dilakukan secara berjadual
7. Kekurangan kakitangan untuk menyelia 32 buah tadika dan harta-harta Majlis
8. Perubahan sewa yang ditetapkan berdasarkan kadar GST 6%

9. Lesen perniagaan dan lesen papan iklan atau papantanda
10. Terdapat kerosakan pada struktur premis tadika Majlis
11. Sijil kelayakan menduduki bangunan (CF) atau perakuan siap dan pematuhan (CCC)
12. Penyerahan dan pengambilalihan tadika dari pemaju ke Majlis
13. Perjanjian penyewaan tadika Majlis
14. Tunggakan sewaan bagi penyewa tadika yang terkini / terdahulu

d. Auditan Kenderaan Majlis Yang Terlibat Dengan Kemalangan Bagi Tahun 2011 hingga Mei 2015

Terdapat lima (5) penemuan hasil daripada auditan yang dijalankan seperti berikut:



C. PENCAPAIAN

1.0 PENCAPAIAN DAN INOVASI

Terdapat beberapa pencapaian yang diperolehi oleh Bahagian Audit Dalam. Antaranya adalah:



D. RUMUSAN

Pemerhatian yang dilaporkan di dalam Laporan Tahunan ini boleh dijadikan sebagai panduan untuk menilai dan memastikan kehendak peraturan dipatuhi oleh semua pihak walaupun pengauditan yang dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalam adalah berdasarkan pensampelan dan meliputi skop tertentu sahaja. Usaha penambahbaikan perlu sentiasa berterusan supaya tahap pengurusan kewangan dapat ditingkatkan daripada semasa ke semasa. Kerjasama daripada Jabatan / Bahagian / Pejabat Cawangan adalah perlu bagi memastikan pemeriksaan dapat dijalankan secara menyeluruh dan kelemahan yang dibangkitkan tidak lagi berulang.

1.0 PROFIL

Berpegang kepada misi “**Mewujudkan Masyarakat Berdisiplin dan Mematuhi Undang-Undang**” dan visi “**Melaksanakan Undang-Undang Dengan Adil dan Saksama**” Bahagian Perundangan bergerak sebagai satu pasukan seramai 31 orang kakitangan dengan slogan “**Hidup Biarlah Berperaturan**”.

Di antara peranan Bahagian Perundangan:-

- Memberi khidmat nasihat perundangan;
- Menguruskan kes-kes tuntutan sivil;
- Menyemak dan menyediakan perjanjian Majlis;
- Menjalankan pendakwaan bagi pihak Majlis;
- Menggubal dan membuat pindaan Undang-Undang Kecil;
- Mengemaskini perisian SAISS dan format pertuduhan kes-kes yang dikuatkuasakan oleh Majlis.

2.0 LAPORAN MENGIKUT UNIT DI BAHAGIAN PERUNDANGAN

2.1 UNIT PENDAKWAAN

Antara fungsi-fungsinya adalah:-

- Memberi khidmat nasihat dari segi perundangan dan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Majlis kepada orang awam;
- Menangani permasalahan semasa bagi notis kesalahan dan tawaran kompaun yang dikeluarkan oleh anggota penguatkuasa Majlis dan mana-mana pegawai atau kakitangan yang menguatkuasakan undang-undang;
- Menyemak Kertas Siasatan (IP) bagi kes-kes yang hendak di dakwa di Mahkamah;
- Menyediakan saman pertuduhan untuk didaftarkan ke Mahkamah;
- Menghadirkan diri ke Mahkamah semasa tarikh sebutan kes atau semasa tarikh perbicaraan sesuatu kes.

Sepanjang tahun 2015, Bahagian Perundangan telah menerima 981 kertas siasatan (IP) dan selesai menyemak 960 IP kes. Kesemua IP tersebut dihantar ke Pejabat Timbalan Pendakwaraya (TPR) untuk semakan dan permohonan izin pendakwaan sebelum kes boleh difailkan di Mahkamah.

Bahagian Perundangan telah mengadakan beberapa siri bengkel / taklimat bagi meningkatkan pemahaman berhubung penyediaan IP dan pendakwaan kes mahkamah di kalangan pegawai penyiasat / anggota penguatkuasa bagi memantapkan lagi penguatkuasaan Undang-Undang.

4 siri bengkel / taklimat telah dilaksanakan iaitu:-

- Taklimat Pemantapan dan Penyelarasan Pengeluaran Kompaun ke atas kereta yang gagal mematuhi peraturan tempat letak kereta di Shah Alam pada 1 Jun 2015;
- Taklimat Penguatkuasaan Undang-Undang kepada Pembantu Tadbir (SUASA EFEKTIF) pada 9 Julai 2015;
- Kursus penguatkuasaan bagi pegawai & anggota penguatkuasa MBSA pada 9 September 2015;
- Taklimat pengeluaran anggota Suasa Efektif pada 29 Disember 2015.

2.1.1 Pengemaskinian sistem SAISS dan Penyediaan Format Pertuduhan.

Bahagian Perundangan telah melaksanakan hampir keseluruhan pengemaskinian dan penyediaan format pertuduhan terhadap Akta, Enakmen dan Undang-Undang Kecil yang dikuatkuasakan oleh Majlis kecuali:-

AKTA

Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172)

UNDANG-UNDANG KECIL

UUK Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (MBSA) Jalan, Parit dan Bangunan
UUK (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (MBSA) Kerajaan Tempatan 2005
Perintah Tetap (Mesyuarat) (MBSA) 2007
Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tata tertib) MPSA 1995

2.2 UNIT GUBALAN

2.2.1 Senarai Akta, Enakmen dan Undang-Undang Kecil yang digunakan adalah seperti berikut:-

AKTA

Akta Jalan Parit dan Bangunan, 1974 (AKTA 133)
Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (AKTA 171)
Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (AKTA 172)

ENAKMEN

Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1995
Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Selangor) 1996

UNDANG-UNDANG KECIL

UUK (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan)(MBSA) Jalan, Parit dan Bangunan 2005
UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MBSA) 2005
UUK Tanah Perkuburan Islam (MBSA) 2005
UUK Tandas Awam (MBSA) 2005
UUK Vandalisme (MBSA) 2005
UUK (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan)(MBSA) Kerajaan Tempatan 2005
UUK Taman (MBSA) 2005
Perintah Tetap (Mesyuarat) (MBSA) 2007
UUK Pusat Siber dan Kafe Siber (MBSA) 2007
UUK Krematorium (MBSA) 2007
UUK Kolam Renang (MBSA) 2013
UUK Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MBSA) 2013
UUK Pasar (MBSA) 2007
UUK Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (MBSA) 2007
UUK Hotel (MBSA) 2013
UUK Iklan (MBSA) 2007
UUK Iklan Pilihan Raya (MBSA) 2007
UUK Penjaja (MBSA) 2007
UUK Pelesenan Establisymen Makanan (MBSA) 2007
UUK Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap(MBSA) 2007
UUK Kerja Tanah (MBSA) 2007
UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBSA) 2007
UUK Pengendali Makanan (MBSA) 2007
UUK Pusat Sukan Persendirian (MBSA) 2013
UUK Penternakan Burung Walid dan Perusahaan Sarang Burung Walid (MBSA) 2013
Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBSA 2007
Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tata tertib) MPSA 1995

2.2.2 Pada tahun 2015, Unit ini masih meneruskan dengan kerja-kerja penggubalan dan pindaan UUK Majlis bagi tujuan penyeragaman UUK Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Tiga UUK telah siap dan telah pun dihantar kepada pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan masih dalam semakan. UUK tersebut ialah:-


- UUK Krematorium
- UUK Tempat Letak Kereta Persendirian
- UUK Pusat Siber dan Kafe Siber

Selain itu, empat Undang-Undang Kecil (UUK) sedang dalam proses perbincangan draf dalam Bahasa Inggeris. Mesyuarat terakhir bagi tahun ini telah diadakan pada 21 - 22 September 2015 dan akan disambung semula pada bulan Januari 2016. UUK tersebut ialah:-

1. UUK Penjaja
2. UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian
3. UUK Establisymen Makanan
4. Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatertib)

2.3 UNIT PERJANJIAN

Unit Perjanjian bertanggungjawab menguruskan penyemakan, penyediaan dan penyempurnaan perjanjian Majlis.



Bilangan Perjanjian yang Diselesaikan Pada Tahun 2015


2.4 UNIT SIVIL

Unit ini mengendalikan segala urusan berkaitan kes-kes tuntutan sivil terhadap Majlis sama ada dari dalam atau luar. Sepanjang tahun 2015, Unit ini telah mengendalikan sebanyak **28 kes** tuntutan melalui panel peguam yang telah dilantik. Daripada 28 kes tersebut, 14 kes Majlis bertindak sebagai pihak penuntut (Plaintif) manakala 14 kes lagi Majlis menjadi pihak yang kena tuntutan (defendan). Jadual di bawah menunjukkan pecahan yang dimaksudkan.


PERKARA	JUMLAH KES
Majlis Sebagai Plaintif	14
Majlis Sebagai Defendan	14
JUMLAH	28

Laporan Bilangan Kes Sivil Majlis Sebagai Plaintif @ Defendan Tahun 2015

Tuntutan-tuntutan yang dikendalikan oleh Unit ini juga boleh dikategorikan kepada pelbagai jenis tuntutan seperti carta di bawah:



Majlis Sebagai Plantif



Majlis Sebagai Defenden

Jika dilihat tuntutan tunggakan sewaan harta-harta Majlis, Unit ini telah mengendalikan 11 kes tuntutan di mana melibatkan tuntutan tunggakan berjumlah **RM759,446.00**. Jadual di bawah menunjukkan pecahan 11 kes mengikut jenis premis yang telah diuruskan.

JENIS PREMIS	BILANGAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
Rumah Kedai	1	93,000
Kedai Pejabat	2	52,760.00
Ruang Pejabat	2	166,210.00
Tadika	2	46,400.00
Kiosk / Booth	3	101,076.00
Stadium	1	300,000.00
JUMLAH		RM759,446.00

2.5 UNIT CUKAI TAKSIRAN

Unit ini bertanggungjawab dalam menguruskan dan memantau prosedur tindakan perundangan bagi kes Tunggakan Cukai Taksiran terhadap pemilik harta yang gagal menjelaskan Cukai Taksiran kepada Majlis.

Sepanjang tahun 2015 tiada kes diteruskan untuk diambil tindakan. Oleh yang demikian, Bahagian telah mengambil inisiatif dengan mengambil maklumat daripada senarai pemilik cukai yang mempunyai tunggakan lebih daripada RM10,000.00. Daripada senarai tersebut, mesyuarat dan perbincangan telah diadakan sebanyak 8 kali dengan Seksyen Pengurusan Hasil, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perancangan dan Bahagian Teknologi Maklumat. Hasil daripada siri mesyuarat, sebanyak 10 kes telah dikenal pasti dan dipilih untuk diteruskan dengan untuk tindakan lelongan. Kesemua 10 kes ini akan diteruskan untuk tindakan pada tahun 2016. Walaubagaimanapun, terdapat 4 baki fail kes dari tahun 2014 masih dalam tindakan sehingga kini dan jumlah tunggakan keseluruhan setakat 31/12/2015 berjumlah RM 231, 498.16.

Tindakan undang-undang yang dibuat terhadap kes-kes tersebut adalah untuk mendapatkan perintah lelongan awam terhadap pegangan yang terlibat serta tindakan penggulungan syarikat bagi pegangan-pegangan yang dipunyai oleh syarikat-syarikat sedang aktif.



88

**Bahagian
Korporat &
Perhubungan
Awam**

90

**Bahagian
Pesuruhjaya
Bangunan
(COB)**

91

**Bahagian
Pusat
Setempat**



BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

PENGENALAN

Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam ditubuhkan pada 14 September 2015 mengikut Surat Kelulusan Penjawatan (SKP) Bil. 7 Tahun 2015. Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam merangkumi 4 unit iaitu Unit Perhubungan Awam, Unit Pengaduan Awam, Unit Penerbitan dan Unit Pentadbiran. Dengan jumlah kakitangan seramai 25 orang, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam menggalas tanggungjawab untuk memastikan imej MBSA sentiasa positif dan dipandang tinggi oleh masyarakat.

FUNGSI

1. Menyelaras aspek protokol bagi acara-acara rasmi anjuran Majlis dan juga kerjasama bersama Kerajaan Negeri / Agensi / Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor dan juga Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).
2. Penyediaan ucapan untuk acara-acara rasmi Majlis.
3. Menjawab dan memberi maklumbalas terhadap isu-isu yang berbangkit di media massa.
4. Memperkasakan hubungan dengan media.
5. Menyelaraskan aduan-aduan awam termasuk aduan yang dikemukakan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA), SUK dan KPKT.
6. Memantau aduan yang diterima dan memastikan maklumbalas daripada Jabatan / Bahagian / Pejabat Cawangan diterima dalam tempoh 10 hari bekerja.
7. Menjadi urusetia kepada Mesyuarat Mingguan Aduan bagi membincangkan aduan yang tertunggak dan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan di peringkat Jabatan / Bahagian / Pejabat Cawangan.
8. Menyelaras Laporan Aduan Bulanan untuk dihantar ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK).
9. Menyelaras bahan-bahan terbitan rasmi seperti buku aturcara, risalah, buletin, laporan tahunan dan buku profil korporat.
10. Menyediakan keratan akhbar.
11. Memantau aduan di media sosial.

UNIT PERHUBUNGAN AWAM

1.0 PROGRAM-PROGRAM UTAMA

- 1.1 Menyelaras acara-acara rasmi anjuran Majlis dan kerjasama bersama Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri / Agensi / Anak Syarikat Kerajaan Negeri dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Penganjaran beberapa acara rasmi Majlis sama ada dengan kerjasama Kerajaan Negeri / Persekutuan berjalan dengan baik dan lancar.
- 1.2 Penyediaan ucapan untuk acara-acara rasmi Majlis mahupun program yang melibatkan Jabatan / Agensi / Persekutuan / Anak Syarikat Kerajaan Negeri dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Semua ucapan rasmi dapat disediakan dalam masa yang ditetapkan, berkualiti dan mempunyai isi-isi yang bernas.
- 1.3 Menjawab isu dan aduan berkaitan MBSA kepada media massa (dalam tempoh 3 hari).

- 1.4 Mengadakan program bagi menghargai usaha dan komitmen pihak media massa yang membantu menaikkan imej Majlis.

- Majlis Iftar Jamai'e Bersama Media & Anak-Anak Yatim pada 3 Julai 2015 bertempat di Dewan Bankuet, MBSA.
- Jamuan Hari Raya MBSA pada 28 Julai 2015.



- 1.5 Penyediaan cenderamata bermotifkan Shah Alam / Alam Sekitar / Inisiatif Hijau serta yang bersesuaian dengan aktiviti / program. Penyediaan cenderamata yang akan dikhususkan untuk acara tertentu seperti ceramah, seminar, lawatan dan sukan. Cenderamata yang telah disediakan adalah seperti berikut:

- i) Carboot Organizer
- ii) Bekas makanan (Lunch box)
- iii) Beg seminar (folder)
- iv) Kotak pensel
- v) Tuala (box)
- vi) Botol air (Sport bottle)
- vii) Buku nota (bahan kitar semula)
- viii) Plag (velvet)
- ix) Power Bank
- x) Thumbdrive
- xi) Keychain
- xii) Namecard holder

- 1.6 Mempromosikan organisasi dan perkhidmatan MBSA

- a) Menyertai aktiviti pameran di dalam dan juga luar negara jika ada jemputan dan pelawaan dari agensi yang berkaitan.
- b) Operasi "Shah Alam On Wheel" pada tahun 2015 amat membanggakan. Sebanyak RM328,229.48 telah berjaya dikutip sepanjang tahun untuk perkhidmatan seperti:
 - a. Aduan
 - b. Semakan dan bayar cukai taksiran
 - c. Semak dan bayar kompaun
 - d. Semak status lesen
 - e. Jualan kupon parkir
- c) Memantapkan operasi Pejabat Bergerak "Shah Alam On Wheel" untuk meningkatkan sistem penyampaian dan memperkenalkan organisasi MBSA di mata masyarakat.



1.7 Galeri MBSA

- Pemasangan sistem audio visual (PA System).
- Mengemaskini maklumat dan informasi berkenaan Datuk Bandar ke-7, YBhg. Dato' Haji Ahmad Zaharin bin Mohd Saad.
- Penyediaan panel Program Inisiatif Hijau (Green Initiative).

1.8 Penerimaan pelawat dalam dan luar negara. Memastikan pelawat dalam dan luar negara menerima layanan yang baik dan mesra serta mendapatkan maklumat berhubung 'best practises' yang ada di MBSA.

- Luar Negara:
 - Kunjungan Hormat Walikota Padang, Indonesia (7/1/2015)
 - Kunjungan Delegasi Bandar Raya Hanam, Korea Selatan (27/1/2015)
 - Lawatan Program Latihan Pegawai CSS Kerajaan India (28/1/2015)
 - Lawatan Sambil Belajar Dari Pelajar Miwa Elementary School, Tokoname Jepun (20/3/2015)
- Dalam Negeri:

Sebanyak 51 kumpulan daripada Pihak Berkuasa Tempatan / Jabatan / Agensi / Institut Pengajian Tinggi telah mengadakan lawatan dari bulan Januari-Disember.

1.9 Kempen

Kempen yang dilaksanakan bertema Kebersihan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Gejala Sosial seperti:

- Kempen Sayangi Shah Alam (Kebersihan)
- Kempen 60 Earth Hour (Alam Sekitar)
- Kempen Ramadan Mampun (Alam Sekitar)
- Penerbitan Buku Adam Cares for The Earth Series 6 – Adam and Sunny The Sun (Pendidikan)
- Program Sembang Sahur (Gejala Sosial)



1.10 Program Corporate Sosial Responsibility (CSR)

- Program Earth Hour 2015, pihak Majlis telah menerima sumbangan daripada pihak korporat iaitu:
 - Bank Muamalat – RM10,000.00
 - Prolintas – RM10,000.00

1.11 Hari Bertemu Pelanggan (HBP)

Memberi peluang kepada orang ramai untuk bertemu dengan pengurusan tertinggi MBSA serta menyampaikan aduan serta saranan untuk memperbaiki perkhidmatan Majlis. Hari Bertemu Pelanggan (HBP) telah diadakan pada:

- 29 Mei 2015
- 11 September 2015

UNIT PENERBITAN

2.0 BAHAN-BAHAN PENERBITAN

2.1 Penerbitan

- Buku / Brosur:
 - Terokai Shah Alam (Pelancongan)
 - Inisiatif Hijau (Alam Sekitar)
 - Buku Adam Cares for The Earth Series 6 – Adam and Sunny the Sun
 - Jendela Dinamik Jld/Vol 3
 - Laporan Tahunan
- Video:
 - 60 Earth Hour 2015
 - We Love Shah Alam 2015
 - Lagu We Love Shah Alam 2015
 - Kejiranan @ Inisiatif Hijau
 - Promo Perpustakaan Anggerik Vanila
 - Laluan Bas Selangorku
 - Seminar Shah Alam Bandar Raya Rendah Karbon 2030
- Penerbitan Buletin Shah Alam Bersih, Indah, Hijau:
 - Isu 1 – Bulan Januari hingga Mac 2015
 - Isu 2 – Bulan April hingga Jun 2015
 - Isu 3 – Bulan Julai hingga September 2015
 - Isu 4 – Bulan Oktober hingga Disember 2015

2.2 Billboard

Penggunaan iklan atau mesej yang berinformatif dan memberi impak positif kepada masyarakat. Mesej yang dipaparkan seperti pencegahan/kawalan Denggi, Cukai Taksiran, Shah Alam Bandaraya Rendah Karbon dan Shah Alam On Wheel.

UNIT PENGADUAN AWAM

3.0 PENGADUAN AWAM

- Menerima, merekod dan menyelaras maklumbalas aduan awam yang diterima. Sumber terimaan aduan adalah melalui 14 saluran mengikut format laporan Sistem Talian Awam Rakyat Selangor (STARS), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK).
 - Jumlah aduan diterima: 22,664
 - Aduan diberi maklumbalas: 20,965
 - Aduan dalam tindakan: 1,699
- Menyelia dan menyelaras Pusat Aduan MBSA (MBSA Call Centre). Sasaran adalah berdasarkan trend sumber terimaan aduan awam iaitu 50% adalah melalui panggilan telefon Talian Bebas Tol: 1-800-88-44-77.
- Urusetia Mesyuarat Penyelaras Aduan (Mingguan).
- Pemantauan / semakan tindakan aduan ditapak. Pemantauan diadakan setiap 2 minggu dan sampel aduan tertunggak diambil secara rawak mengikut keutamaan / keperluan jenis aduan.
- Menyelaras Laporan Bulanan Sistem Talian Awam Rakyat Selangor (STARS), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK). Laporan telah dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK).
- Kaunter Aduan Awam di lapangan / program luar (Shah Alam On Wheel / Hari Bertemu Pelanggan / Majlis Perwakilan Penduduk).

1.0 PROFIL

Bahagian Pesuruhjaya Bangunan atau "Commissioner of Building" (COB) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah ditubuhkan pada tahun 2008 selepas Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyelenggaraan Dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) diwujudkan.

Bahagian ini bertanggungjawab untuk memantau semua hal-hal berkaitan dengan pengurusan dan penyelenggaraan harta bersama dan memastikan semua pihak yang berkaitan sama ada pemaju, pihak pengurusan serta pembeli/pemilik petak menjalankan tanggungjawab masing-masing tertakluk kepada kuasa yang telah ditetapkan di bawah Akta 663 Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan Dan Harta Bersama) dan Akta 318 Hakmilik Strata 1985.

2.0 LAPORAN AKTIVITI TAHUN 2015

